

**PERANAN PENDAKWAH DALAM
PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT
MEDAN INDONESIA**

KHOIRUL FADLI

**PROGRAM PENGAJIAN ISLAM
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010**

**PERANAN PENDAKWAH DALAM
PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT
MEDAN INDONESIA**

KHOIRUL FADLI

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA PENGAJIAN ISLAM**

**PROGRAM PENGAJIAN ISLAM
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010**

ABSTRAK

Pembangunan ekonomi adalah merupakan tuntutan penting dalam membangunkan sesebuah negeri lebih-lebih lagi dalam proses pembangunan negara, di mana pembangunan ekonomi dianggap sebagai nadi yang berkuasa menaik dan menjatuhkan sesebuah Negara. Pembangunan ekonomi dapat membantu Negara mencapai matlamat pembangunan dan kemajuan yang lebih bermakna

Kajian ini bertujuan untuk melihat peranan yang dilakukan oleh para pendakwah dalam pembangunan ekonomi. Ini kerana golongan pendakwah merupakan pemimpin umat, secara tidak langsung mereka merupakan teladan masyarakat Islam. Oleh itu, pendakwah perlu mencebur diri dalam aktiviti ekonomi bagi membantu mempertingkatkan ekonomi umat Islam. Pendakwah juga mesti menyedarkan umat Islam akan pentingnya pembangunan ekonomi untuk kemajuan umat Islam di masa hadapan.

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan metode deskriptif, iaitu dengan mengumpulkan data tentang aktiviti ekonomi pendakwah. Data-data tersebut dikumpulkan melalui teknik dokumentasi, observasi dan temu bual. Hasil kajian mendapati bahawa peranan pendakwah dalam aktiviti ekonomi telah mampu menjadi role model dalam aktiviti bisnes, membantu pertumbuhan ekonomi masyarakat dan juga mampu membantu masyarakat dalam menjana pendapatan. Walaupun terdapat beberapa kelemahan, seperti kekurangan modal, pengalaman dan sokongan, akan tetapi peranan ini dilihat cukup penting bagi meningkatkan pembangunan ekonomi masyarakat Medan Indonesia.

ABSTRACT

Economic development is an important to built in the state to develop a more so in the country development process, where economic development is considered as a powerful indicator to measure increases and overthrow of a country. Economic development can help the countries achieve development and progress that are meaningful.

This study aimed to see the role performed by the Islamic preacher in economic development. This is because they are leader of the people, indirectly they are make an example of the Muslim community. Therefore, preachers need to relate themselves in economic activities to help enhance economic of Muslims. Preachers must also realize the importance of Islam to the progress of economic development of Muslims in the future.

This study was conducted using descriptive method, ie by collecting data on economic activity preachers. The data were collected through the technical documentation, observation and interviews. The study found that the role of preachers in economic activities has been able to become role models in business activity, helping economic growth of society and also be able to assist people in generating income. Although there are some disadvantages, such as lack of capital, experience and support, but is seen very important role to enhance the economic development of society Medan Indonesia.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah swt yang telah memberikan semangat dan motivasi kepada penulis untuk mempelajari dan mendalamai ilmu tentang muamalah Islam khasnya tentang ekonomi Islam sehingga memberi dorongan kepada penulis untuk melaksanakan penyelidikan ini. Syukur kepada Allah swt, kerana dengan taufik dan inayahNya penulis telah berjaya menyelesaikan disertasi bertajuk : PERANAN PENDAKWAH DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT MEDAN INDONESIA. Salawat serta salam ke atas junjungan kita Nabi Besar Muhammad saw, ahli keluarga, sahabat-sahabat *radiallahu 'anhum* dan sesiapa yang mengikuti mereka dengan ikhlas hinggalah ke hari kiamat.

Dalam kesempatan ini, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia disertasi ini, iaitu Dr. Fakhrul Adabi Abdul Kadir. Beliau telah banyak membimbing, memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada penulis dalam merangka dan menyiapkan kajian ini. Hanya Allah swt sahaja penulis serahkan ganjaran yang setimpal di atas jasa baik beliau dalam menyumbangkan dan mengembangkan ilmu yang bermanfaat semata-mata kerana mengharapkan keredaan Allah swt.

Sekalung penghargaan penulis tujukan buat kaum keluarga tercinta, terutama kepada ayahanda Usman Effendi, inilah hasil atas jerih payahmu dalam mendidik anak-anakmu dan bonda Nurashiah yang selalu mendoakan penulis dari jauh dan memberi sokongan serta nasihat yang tidak pernah putus.

Dalam kesempatan ini juga, penulis ucapkan terima kasih kepada saudara mara, kawan-kawan dan pihak-pihak yang bermurah hati seperti kakitangan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, para pendakwah kota Medan yang telah banyak memberikan bantuan dan rujukan yang diperlukan oleh penulis dalam menyiapkan kajian ini. Tidak ketinggalan juga penulis ucapkan ribuan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, yang nama mereka tidak dapat dimuatkan dalam ruangan yang terhad ini. Semoga segala bantuan dan kerjasama yang telah diberikan tersebut akan mendapat balasan oleh Allah swt dengan ganjaran yang setimpal.

Penulis berharap kajian ini akan memberi manfaat dan panduan kepada pembaca dalam memahami peranan pendakwah dalam pembangunan ekonomi, semoga ia akan berkembang dari semasa ke semasa dalam memberikan kefahaman kepada semua lapisan masyarakat khasnya untuk masyarakat Medan.

Akhirnya, segala yang baik dan benar itu datang dari Allah swt, dan segala yang kurang dan salah datangnya dari penulis. *Wallah a'lam bi al-Sawab.*

Penulis

KHOIRUL FADLI

ISI KANDUNGAN

Halaman Judul	Muka Surat
Abstrak	iv
Abstract	v
Penghargaan	vi
Isi Kandungan	viii
Transliterasi	xiii
Senarai Jadual	xv
Senarai Kependekan	xvi
BAB I : PENDAHULUAN	1
1.1. Latar Belakang Masalah	1
1.2. Pernyataan Masalah	6
1.3. Objektif Kajian	7
1.4. Skop Kajian	8
1.5. Kepentingan Kajian	8
1.6. Kajian-Kajian Lepas	10
1.7. Metodologi Kajian	16
BAB II : PENDAKWAH DAN PEMBANGUNAN EKONOMI	25
2.1. Definisi Pendakwah	25
2.2. Sifat-Sifat Pendakwah	27
2.2.1. Menguasai Bidang Ilmu Pengetahuan	27
2.2.2. Memiliki Kekuatan Iman	32

2.2.3. Penghayatan Terhadap Ajaran Islam	35
2.2.4. Memiliki Akhlak Yang Mulia	37
2.2.5. Mempunyai Peribadi Yang Kukuh dan Menarik	38
2.2.6. Sabar Ketika Menjalankan Tugas Dakwah	40
2.2.7. Sederhana Dalam Sikap dan Perbuatan	42
2.2.8. Berani Kerana Benar	43
2.2.9. Tidak Menyembunyikan Ilmu	44
2.2.10. Berhemah Tinggi dan Mulia Diri	45
 2.3. Peranan Pendakwah	47
2.3.1. Peranan Pendakwah Sebagai Saksi	48
2.3.2. Peranan Pendakwah Sebagai Pembawa Berita Yang Baik	50
2.3.3. Peranan Pendakwah Sebagai Pemberi Amaran	52
2.3.4. Peranan Pendakwah Mengajak Manusia Kepada Jalan Allah	54
2.3.5. Peranan Pendakwah Sebagai Lampu Yang Memancarkan Cahaya	56
 2.4. Konsep Pembangunan Ekonomi	60
2.4.1. Konsep Pembangunan Ekonomi Perspektif Konvensional	60
a. Faktor-Faktor Pembangunan Ekonomi	64
b. Petunjuk Pembangunan Ekonomi	66
c. Tujuan Pembangunan Ekonomi	68
d. Halangan Pembangunan Ekonomi	70
2.4.2. Konsep Pembangunan Ekonomi Perspektif Islam	71
a. Nilai dan Prinsip Asas Pembangunan Ekonomi Islam	76
b. Matlamat Pembangunan Ekonomi Islam	78
c. Objektif Pembangunan Ekonomi Islam	82
d. Bentuk- Bentuk Pembangunan Ekonomi Islam	85

2.5. Bidang-Bidang Ekonomi Islam	87
2.5.1. Bidang Ekonomi Makro Islam	88
2.5.2. Bidang Ekonomi Mikro Islam	89
2.6. Masalah-Masalah Dalam Menjayakan Pembangunan Ekonomi	93
2.6.1. Masalah Kekurangan Modal	93
2.6.2. Masalah Sumber Alam	94
2.6.3. Masalah Daya Pengeluaran Rendah	95
2.6.4. Masalah Peranan Pemerintah	96
2.6.5. Masalah Teknologi	97
2.7. Peranan Pendakwah Dalam Pembangunan Ekonomi	98
2.7.1. Pendakwah Sebagai Wadah Ekonomi	100
2.7.2. Pendakwah Sebagai Model Aktiviti Ekonomi Yang Bersih	101
2.7.3. Peranan Dalam Memajukan Sektor Ekonomi Mikro Islam	103
2.7.4. Peranan Dalam Memberi Image Positif	104
2.7.5. Peranan Dalam Memajukan Ekonomi Ummah	105
2.7.6. Peranan Dalam Pengembangan dan Sosialisasi Ekonomi Islam	106
BAB III : EKONOMI MASYARAKAT KOTA MEDAN	110
3.1. Pengenalan Kota Medan	110
3.2. Keadaan Geografi dan Demografi Kota Medan	116
3.2.1. Keadaan Geografi Kota Medan	116
3.2.2. Keadaan Demografi Kota Medan	119
a. Jumlah Penduduk Berdasarkan Tingkat Kepadatan	120
b. Jumlah Penduduk Berdasarkan Kelompok Umur	122
c. Jumlah Penduduk Berdasarkan Kecamatan	124

3.3. Pembangunan Ekonomi Kota Medan	126
3.3.1. Bidang Usaha Penyokong Pembangunan Ekonomi Di Kota Medan	131
1. Perdagangan, Hotel dan Restoran	132
2. Pelabuhan Laut Belawan	133
3. Lapangan Udara Polonia	134
4. Hasil Indutri Kecil	135
5. Pengembangan Kawasan Industri	136
6. Pariwisata	137
3.3.2. Bidang Usaha Yang Patut Dikembangkan Untuk Menyokong	
Pembangunan Ekonomi Kota Medan	137
1. Fasiliti Pergudungan Pelabuhan	138
2. Industri Kawasan Besar	139
3.4. Sumber Kewangan Kota Medan	140

BAB IV : PERANAN PENDAKWAH DARI ASPEK EKONOMI

DI KOTA MEDAN **144**

4.1. Pengenalan	144
4.2. Aktiviti-Aktiviti Ekonomi Pendakwah Di Kota Medan	147
4.2.1. Usaha Dagang Al-Fahmi Konfeksi	147
4.2.2. Jelita Photo	150
4.2.3. Sahla Ponsel	151
4.2.4. Akia	153
4.2.5. Perkebunan	155
4.2.6. Duta Parahiyangan	157
4.2.7. Usaha Ayam Potong Berkah	159
4.2.8. Perkebunan Sawit	160
4.2.9. Kencana Mas	162
4.2.10. Usaha Keluarga	164
4.2.11. Keropok Gurih dan Enak Thoyibah	166

4.2.12. Yayasan Nurul Asiah	168
4.2.13. Usaha Mandiri	170
4.2.14. Usaha Dagang Mandiri	171
4.2.15. Sabili Grafika	172
4.3. Peranan Pendakwah Dalam Meningkatkan Pembangunan	
Ekonomi Masyarakat Medan	174
4.3.1. Pendakwah Sebagai <i>Role Model</i> Dalam Aktiviti Bisnes Di Kota Medan	174
4.3.2. Peranan Pendakwah Dalam Membantu Ketersediaan Lapangan	
Pekerjaan Di Kota Medan	175
4.3.3. Peranan Pendakwah Dalam Membantu Mengembangkan Ekonomi	
Islam Di Kota Medan	176
4.3.4. Peranan Pendakwah Dalam Menjana Pendapatan	177
4.3.5. Peranan Pendakwah Dalam Membantu Pertumbuhan Ekonomi	
Masyarakat Kota Medan	178
4.4. Kelemahan Aktiviti Ekonomi Pendakwah Di Kota Medan	179
4.4.1. Kekurangan Sumber Modal	179
4.4.2. Kurang Mendapat Perhatian Dari Pemerintah Setempat	180
4.4.3. Kurangnya Pengetahuan Tentang Ekonomi	180
4.4.4. Pengalaman Yang Belum Mencukupi	181
4.4.5. Pemanfaatan Teknologi Yang Belum Memadai	182
BAB V : PENUTUP	184
5.1. Kesimpulan	184
5.2. Saranan	190
BIBLIOGRAFI	195

TRANSLITERASI

Ejaan yang berkaitan dengan perkataan bahasa arab digunakan mengikut pedoman transliterasi huruf arab ke huruf rumi mengikut Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi.

1. Konsonan

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi	Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ء, ا	a, ‘ (hamzah)	ط	ṭ
ب	b	ظ	ẓ
ت	t	ع	‘
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	ḥ	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	ه	h
س	s	و	w
ش	sh	ي	y
ص	ṣ	ة	h (jika waqaf)
ض	ḍ	ة	t (jika washal)

2. Vokal

Pendek	Transliterasi	Panjang	Transliterasi	Diftong	Trasnliterasi
⟨(Fathah)	a	ܾ	ܾ	ܼܽ	aw
ܶ(Kasrah)	i	ܲܶ	ܵ	ܽܲܶ	ay
ܹ(Dammah)	u	ܹܲ	ܻ	ܹܽܲ, ܽܲܶ	uww iy/i

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1 : Pentadbir Kota Medan (1945-2009)	113
Jadual 3.2 : Kecamatan dan Luas Wilayah Di Kota Medan Tahun 2008	118
Jadual 3.3 : Jumlah Penduduk, Tingkat Kepadatan dan Luas Wilayah Kota Medan Tahun 2001-2007	121
Jadual 3.4 : Jumlah Penduduk Kota Medan Menurut Kelompok Umur Tahun 2007	122
Jadual 3.5 : Jumlah Penduduk Berdasarkan Kecamatan Tahun 2007	124
Jadual 3.6 : Sektor Usaha Yang Menyokong Pertumbuhan Ekonomi Kota Medan Tahun 2007	127
Jadual 4.1 : Produk-Produk Jahitan Usaha Dagang Al-Fahmi Konfeksi Tahun 2009	148
Jadual 4.2 : Produk-Produk Yang Dijual Sahla Ponsel Tahun 2009	152
Jadual 4.3 : Produk-Produk Percetakan Yang Dihasilkan Duta Parahiyangan Tahun 2009	158

SENARAI KEPENDEKAN

APBD	: Anggaran Pendapatan Belanja Daerah
BAPPEDA	: Badan Perencanaan Pembangunan Daerah
Bil	: Bilangan
BPRS	: Bank Perkreditan Rakyat Syariah
BPS	: Badan Pusat Statistik
BUMD	: Badan Usaha Milik Daerah
Cet	: Cetakan
Ed	: Edisi
Et.al	: <i>Et alibi</i> (rakan-rakan)
GBHN	: Garis-Garis Besar Haluan Negara
H	: Halaman
Ha	: <i>Hectare</i> (ekar)
IAIN-SU	: Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara
Ibid	: <i>Ibidem</i> (rujukan yang sama seperti sebelumnya)
IKIM	: Institut Kepahaman Islam Malaysia
IT	: <i>Information Technology</i>
Jln	: Jalan
KIB	: Kawasan Industri Besar
KIM	: Kawasan Industri Medan
Komp	: Komplek (kawasan Perumahan)
KM	: <i>Kilo Metre</i>
MBF	: Medan Bisnis Forum
MenKes	: Menteri Kesihatan
MIGAS	: Minyak dan Gas
MW	: <i>Mega Watt</i>

Op.Cit	: <i>Opere Citato</i> (rujukan pada sumber yang sama sebelumnya tetapi berselang dengan rujukan lain)
PAD	: Pendapatan Asli Daerah
PEMKO	: Pemerintah Kota
PIK	: Perkampungan Kecil
PMA	: Penanaman Modal Asing
PMDN	: Penanaman Modal Dalam Negeri
Rp	: Rupiah (mata wang negara Indonesia)
RPJM	: Rencana Pembangunan Jangka Menengah
Saw	: <i>Shallallahu ‘alaihi wasallam</i>
Sdn.Bhd	: Sendirian Berhad
SK	: Surat Keputusan
Swt	: <i>Subhana wata ’ala</i>
Terj	: Terjemahan
TKQ	: Taman Kanak-Kanak Al-quran
TPQ	: Taman Pendidikan Al-quran
T.t	: Tanpa Tahun
UPT	: Unit Pelayanan Terpadu

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. LATAR BELAKANG MASALAH

Globalisasi merupakan satu fenomena yang melanda seluruh dunia dengan hebat sekali. Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi telah membuka jalan kepada dunia tanpa sempadan. Masa, jarak dan ruang kini tidak mempunyai erti lagi. Globalisasi merupakan suatu proses membuka sempadan, yang secara amnya dapat difahami sebagai proses di mana sempadan negara-negara semakin runtuh dan seluruh benua ini semakin berubah menjadi satu unit.

Globalisasi yang dipelopori negara-negara barat dari suatu aspek merupakan proses bagi meningkatkan aliran perdagangan dan pemasaran antarabangsa, dengan maksud meningkatkan akaun semasa dan akaun modal bagiimbangan pembayaran negara, sehingga berlaku pasaran bebas dan kemasukan modal asing tanpa batas. Namun begitu, globalisasi juga dilihat sebagai penguasaan secara *manipulation* ekonomi negara-negara membangun oleh kuasa-kuasa pasaran sejagat, suatu fenomena yang dikaitkan dengan kolonialisme baru yang mendapat manfaat daripada kecanggihan teknologi masa kini.¹

¹ N. Mustapha *et.al.* (1999), *Globalisasi Peranan Ekonomi Dan Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), h. 50

Apabila membincangkan tentang sistem ekonomi, maka ianya tidak akan terlepas daripada sistem ekonomi kapitalis yang telah mendominasi dalam keseluruhan sistem ekonomi dunia selama ini, suatu sistem yang menekankan kepada sistem pasaran bebas, dengan peranan besar yang dimainkan oleh sektor swasta dan kebebasan individu, pengumpulan kekayaan material oleh sistem pasaran. Dominasi ini bukan sahaja wujud dalam sistem ekonomi, tetapi juga sudah melanda sistem politik mahupun sosial yang telah mengakibatkan wujudnya ketidakadilan di dalam masyarakat, negara dan dunia antarabangsa, yang melahirkan umat manusia yang oportunistis, membazir, tamak, rasuah, menyalahgunakan kuasa, melakukan pecah amanah, penindasan dan lain sebagainya.²

Bagaimanapun keadaan ekonomi umat Islam ketika ini masih lagi dipengaruhi oleh negara-negara maju, dan ini menjadikan satu persoalan bagi umat Islam sendiri. Umat Islam mesti memiliki kekuatan baru untuk mempengaruhi sistem ekonomi dunia, memberikan konsep-konsep yang menjadi pilihan dalam memajukan ekonomi dunia, jika tidak ingin terus menjadi pengguna negara-negara maju.³ Sudah tiba masanya umat Islam mengambil kesempatan daripada peluang baru di pasaran yang terdapat di era globalisasi ini, dengan menghasilkan produk negara yang bermutu tinggi sehingga dapat bersaing di pasaran antarabangsa, yang pada akhirnya dapat menjadi suatu umat manusia yang disegani dan digeruni oleh negara dan umat-umat lain, dengan pencapaian kemajuan dalam segala bidang kehidupan.⁴

² *Ibid.* h. 51

³ Taqyuddin An-Nabhani (1999), *Membangun Sistem Ekonomi Alternatif Perspektif Islam*. Surabaya: Penerbit Risalah Gusti, h. 5

⁴ Didin Hafiduddin (2003), *Islam Aplikatif*. Jakarta: Penerbit Gema Insani, h. 79

Umat Islam perlu memiliki kekayaan dari segi ekonomi supaya dapat menjalani kehidupan yang baik dan unggul, dapat memenuhi komitmen keluarga, kewajiban sosial dan tanggungjawab sebagai seorang Islam. Sebagai individu, umat Islam perlu menjana pendapatan yang mencukupi untuk memenuhi semua keperluan hidupnya.⁵ Islam sangat mendorong kerja keras, bahkan salah satu kewajiban utama seorang muslim adalah memenuhi semua tanggungjawabnya dengan sepenuh hati. Mencari rezeki untuk menyara kehidupan adalah perintah Allah. Allah amat menyukai hamba-hambaNya yang bertungkus lumus mencari rezeki dan menjauhkan diri dari meminta-minta dan dalam keadaan sentiasa ingatkan kebesaranNya. Rezeki yang dicari mestilah dari usaha dan sumber yang halal.⁶ Dengan memenuhi kewajiban ini, seseorang itu bukan hanya sekadar memenuhi tugas dan tanggungjawab ke atas dirinya dan keluarga untuk mencari rezeki bahkan juga untuk melaksanakan perintah Allah swt.

Umat Islam perlu bekerja keras dengan kekentalan iman, bekalan ilmu Islam yang lengkap, kemantapan akhlak terpuji dan juga penjana daya juang serta jihad dalam usaha untuk mencipta kesatuan yang utuh dan juga kecemerlangan dalam pelbagai lapangan hidup.⁷ Pembangunan dalam Islam meliputi segenap aspek, baik pembangunan kebendaan (ekonomi) mahupun pembangunan insan secara keseluruhan. Bagaimanapun semua ini perlu dirancang dengan baik, agar pembangunan ekonomi dapat memberikan manfaat kepada seluruh masyarakat, dan tentu sahaja semua ini bergantung kepada tokoh-tokoh Islam yang memiliki pengaruh dalam membuat keputusan.

⁵ Abulhassan Muhammad Sadeq (2003), *Pembangunan Ekonomi Dalam Islam*. (Terj.) Rohani Sulaiman, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, h. 113

⁶ M Umer Chapra (2000), *Sistem Moneter Islam*. (Terj.) Ikhwan Abidin B., Jakarta: Gema Insani Press Bekerjasama Dengan Tazkia Cendekia, h. 80

⁷ Majalah Milenia Muslim Edisi Disember 2005. h. 29

Kehadiran para tokoh-tokoh Islam seperti cendekiawan muslim, ulama, imam dan para pendakwah sangat diperlukan dalam pembangunan ekonomi umat, ini kerana para tokoh tersebut adalah orang yang sangat dekat dengan masyarakat. Pembangunan material semata-mata tanpa adanya usaha untuk memantapkan pembangunan rohani dalam diri masyarakat adalah suatu usaha pembangunan yang sia-sia. Pembangunan dalam Islam bukan hanya melibatkan pembangunan material sahaja, tetapi pembangunan dari pelbagai aspek seperti akhlak, kerohanian, kebendaan, sosial dan ekonomi juga merupakan faktor yang sangat penting.⁸ Dan aspek-aspek ini tidak dapat dipisahkan untuk mencapai matlamat pembangunan ekonomi.

Indonesia merupakan sebuah negara yang mempunyai penduduk Islam paling ramai di dunia, saat ini mengalami krisis ekonomi yang cukup parah. Krisis ekonomi di Indonesia yang diawali dengan krisis moneter, ditandai dengan jatuhnya nilai mata wang secara tajam, lalu krisis perbankan, yang kemudian berkembang menjadi krisis politik dan moral.⁹ Usaha untuk memulihkan dan membangun kembali krisis ekonomi di Indonesia merupakan kemestian yang tidak boleh di tunda-tunda lagi. Oleh itu diperlukan pengusaha-pengusaha muslim yang dapat membangunkan dan memajukan ekonomi umat Islam. Umat Islam sudah sangat letih dihadapkan pada kesukaran-kesukaran ekonomi yang panjang, masalah kemiskinan dan keterbelakangan akibat diketepikan dalam ekonomi dan bisnes. Sekarang tibaalah masanya umat Islam perlu mengembangkan dan membangun pengusaha-pengusaha muslim yang hebat, yang dapat membawa umat Islam berhasil dalam membangun ekonominya.¹⁰

⁸ Abdul Mannan (1997), *Teori Dan Praktek Ekonomi Islam*. Yogyakarta: Dana Bhakti Yasa, h. 390

⁹ Syamsul Hadi (2004), *Strategi Pembangunan Indonesia Pasca IMF*. Jakarta: Penerbit Granit, h. 215

¹⁰ Agustianto (2008), *Ekonomi Syariah Dan Revitalisasi Entrepeneurship Umat Islam*. Artikel yang dimuat di <http://www.scribd.com>

Medan yang merupakan salah satu negeri yang ada di Indonesia, merupakan kota terbesar ketiga di Indonesia setelah Jakarta dan Surabaya, keadaan ekonomi umat Islamnya kurang memberangsangkan. Kebanyakan unit perniagaan di Medan dikuasai oleh umat lain, seperti kristian dan juga orang-orang china. Padahal penduduk Medan majoriti adalah umat Islam, dan ini merupakan satu keaiban, jika umat Islam di Medan tidak mampu menguasai sektor ekonomi. Oleh itu, umat Islam di Medan mesti segera bangkit dari ketertinggalan ini, dan juga perlu disedarkan betapa pentingnya pembangunan ekonomi yang perlu dimajukan sehingga dapat bersaing dengan bangsa-bangsa lain. Disinilah diperlukan tokoh-tokoh Islam seperti ulama dan para pendakwah untuk mengajak umat Islam dan juga melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi.

Golongan ulama dan pendakwah merupakan pemimpin umat, secara tidak langsung mereka merupakan teladan masyarakat Islam. Oleh itu setiap tindakan dan aktiviti yang dilakukan menjadi ikutan masyarakat umum, maka para ulama dan pendakwah perlu mencebur diri dalam bidang perniagaan bagi membantu mempertingkatkan ekonomi umat Islam khususnya di Medan.

Lanjutan dari itu, maka kajian ini bertujuan untuk melihat perkembangan ekonomi masyarakat Medan, Indonesia dan juga untuk meninjau kembali peranan yang dimainkan oleh golongan ulama dan pendakwah dalam pembangunan ekonomi masyarakat Medan, Indonesia beserta kelemahan yang mereka hadapi dalam memperjuangkan ekonomi masyarakat Medan, Indonesia.

1.2. PERNYATAAN MASALAH

Islam adalah agama yang syumul, yang merangkumi segenap aspek kehidupan manusia yang tidak hanya terhad pada persoalan akidah, ibadah dan akhlak, tetapi juga merangkumi aspek muamalat dan ekonomi dalam masyarakat. Usaha membangun kekuatan ekonomi umat Islam adalah suatu usaha yang mesti berterusan, kerana kekuatan ekonomi adalah sesuatu yang penting, tanpa kekuatan ekonomi umat Islam akan pincang dan terpinggirkan.

Suatu masyarakat perlu berekonomi, ini kerana masyarakat merupakan pemangkin kepada pembangunan sebuah negara, tidak kiralah dari golongan dan pangkat apa sekalipun, setiap individu dalam masyarakat mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam proses pembangunan. Jika ekonomi masyarakat dapat dijana dengan baik dan berjaya, maka masyarakat dan negara akan bertambah maju. Hal ini boleh dicapai melalui peranan yang dimainkan oleh para tokoh-tokoh masyarakat, seperti ulama, imam dan para pendakwah.

Pendakwah yang merupakan *role model* dalam masyarakat, sudah sepertutnya menjadi contoh dalam menjayakan pembangunan ekonomi. Ini kerana konsep pembangunan ekonomi dalam Islam adalah komprehensif dan bersepadu iaitu pembangunan yang meliputi pembangunan kebendaan, akhlak dan kerohanian. Oleh itu, kehadiran pendakwah dalam dunia bisnes, akan mampu mempertingkatkan pembangunan ekonomi sekaligus mampu membangun kerohanian umat Islam.

Peranan aktif yang dilakukan oleh pendakwah di kota Medan dalam menjayakan bisnes disamping bertujuan menyara keluarga, dia juga memberi impak dalam pembangunan ekonomi umat Islam, dan ini dapat dijadikan model oleh umat Islam agar dapat mencebur diri dalam bisnes bagi menjayakan pembangunan ekonomi. Dengan adanya aktiviti-aktiviti sedemikian memberikan gambaran bahawa Islam tidak pernah memisahkan kehidupan dunia dan akhirat. Malahan Islam menyeru umatnya supaya maju dalam segala aspek kehidupan termasuk kemajuan dalam pembangunan ekonomi dan kewangan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui peranan pendakwah dan mengenal pasti aktiviti-aktiviti apa sahaja yang dilakukan serta kelemahan yang dihadapi pendakwah dalam pembangunan ekonomi khususnya di kota Medan, Indonesia.

1.3. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk :

1. Mengetahui peranan pendakwah dalam pembangunan ekonomi masyarakat Medan, Indonesia.
2. Mengenal pasti aktiviti-aktiviti ekonomi yang dilakukan oleh pendakwah dalam usaha pembangunan ekonomi masyarakat Medan, Indonesia.
3. Mengenal pasti kelemahan aktiviti ekonomi yang dihadapi oleh pendakwah dalam usaha mereka mempertingkatkan ekonomi masyarakat Medan, Indonesia.

1.4. SKOP KAJIAN

Dalam kajian ini, penyelidikan ini hanya ditumpukan kepada peranan para pendakwah dalam pembangunan ekonomi. Kajian ini memberi tumpuan kepada tiga aspek utama iaitu aspek peranan pendakwah dalam pembangunan ekonomi, aspek aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan pendakwah dan aspek kelemahan yang dihadapi dalam menjalankan aktiviti ekonomi tersebut. Responden kajian ini dipilih secara rawak, dan hanya difokuskan kepada para pendakwah yang terlibat aktif dalam aktiviti-aktiviti ekonomi sahaja, yang sebahagian besarnya difokuskan kepada pendakwah yang terlibat dalam perniagaan. Dan kajian ini dijalankan pada tahun 2009-2010, kerana ianya adalah satu kajian yang bertujuan untuk meninjau permasalahan semasa.

1.5. KEPENTINGAN KAJIAN

Dengan menjalankan penyelidikan ini dapatlah dilihat dengan lebih lanjut bagaimana penglibatan pendakwah dalam usaha meningkatkan pembangunan ekonomi masyarakat. Kajian ini diharapkan dapat memberikan kesedaran di kalangan masyarakat Indonesia amnya dan masyarakat kota Medan khasnya tentang pentingnya pembangunan ekonomi masyarakat menerusi peranan yang dimainkan oleh para pendakwah. Diharapkan juga pihak kerajaan mengambil berat terhadap aktiviti-aktiviti ekonomi yang jalankan oleh pendakwah tersebut, kerana ia dipercayai dapat membantu meningkatkan pembangunan ekonomi masyarakat kota Medan.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi manfaat kepada pendakwah yang lain, terutama yang mengambil berat terhadap pembangunan ekonomi umat, sehingga dapat dijadikan rujukan dalam berdakwah di tempat masing-masing. Selain daripada itu, kajian ini juga diharapkan dapat memberi kefahaman dan manfaat kepada masyarakat, bahawa peranan pendakwah tidak hanya terhad kepada pembangunan masyarakat dari aspek akidah, ibadah dan akhlak tetapi juga berperanan didalam pembangunan ekonomi.

Selanjutnya, kajian ini juga sangat bermanfaat bagi pemerintah kota Medan dalam mengembangkan proses pembangunan ekonomi masyarakat ke arah yang lebih baik, terutama menerusi peranan para tokoh Islam seperti pendakwah. Dengan adanya kajian-kajian semacam ini akan menambah pengetahuan untuk menjalankan pembangunan ekonomi masyarakat Medan, Indonesia.

Seterusnya, kajian ini juga diharapkan dapat memberi manfaat bagi pelajar dan peneliti serta para pembaca. Penelitian ini dapat dijadikan bahan rujukan dan pembahasan yang lebih mendalam dan spesifik dalam bidang pembangunan ekonomi masyarakat. Dengan demikian usaha pemahaman dan perluasan ekonomi Islam di kalangan umat Islam mahupun umat lainnya semakin terasa nilai dan ertinya serta lebih dapat diterima oleh orang ramai sebagai alternatif yang terbaik untuk menyelesaikan masalah ekonomi yang melanda kebanyakan negara-negara yang sedang membangun.

1.6. KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Pengkaji telah mengadakan *review* terhadap sumber-sumber rujukan seperti buku-buku ataupun karya-karya ilmiah sama ada di Malaysia maupun di Indonesia khususnya yang pernah dibuat di kota Medan Sumatera Utara, namun tidak ditemui tajuk yang dibincangkan oleh pengkaji, namun begitu terdapat beberapa kajian ilmiah yang membicarakan tentang dakwah dan pembangunan ekonomi umat, diantaranya ialah:

1. Norein Binti Mohd Shukor telah menulis latihan ilmiah di jabatan dakwah dan pembangunan insan pada tahun 2000 yang bertajuk Peranan Pendakwah : Suatu Analisis Terhadap Ayat 45-46 Surat Al Ahzab.

Kajian ilmiah ini membincangkan mengenai peranan pendakwah dalam berdakwah berdasarkan ayat 45-46 surat Al-Ahzab. Kajian terperinci dilakukan dengan menghuraikan tafsiran ayat 45-46 dari surah Al-Ahzab. Ianya mengupas dan menghalusi peranan Rasulullah dalam berdakwah untuk diadaptasikan kepada pendakwah masa kini. Peranan pendakwah yang dikupas dalam kajian ini, merupakan perkara penting yang perlu diberi perhatian oleh pendakwah. Semua ini dilakukan supaya perjalanan dakwah dapat dilakukan dengan baik dan mencapai matlamat yang dikehendaki.

2. Norhayati Binti Yaacob telah menulis latihan ilmiah di jabatan dakwah dan pembangunan insan pada tahun 2004 yang bertajuk Pembangunan Diri Pendakwah Menurut Fathi Yakan.

Kajian ini telah menfokuskan kepada pembangunan diri pendakwah menurut Fathi Yakan. Kajian ini turut memberi tumpuan kepada aspek-aspek dalaman yang merupakan asas utama untuk membangunkan diri pendakwah. Jika tanpa adanya kekuatan dalaman seseorang pendakwah akan tewas menghadapi serangan musuh yang sentiasa berusaha keras untuk merosakkan umat Islam. Kajian ini juga turut menitikberatkan soal penjagaan hati terutamanya untuk membentuk pembangunan diri. Oleh itu, segala yang digariskan oleh Fathi Yakan cuba diketengahkan sebagai satu kajian.

3. Sofyan telah menulis sebuah disertasi bagi memenuhi keperluan ijazah sarjana pengajian Islam di Universiti Malaya pada tahun 2004 yang bertajuk Peranan Perbankan Islam Dalam Pembangunan Sosio-Ekonomi Daerah di Nanggroe Aceh Darussalam.

Kajian tersebut merupakan suatu penyelidikan terhadap salah satu fenomena institusi kewangan Islam yang amat penting di Indonesia pada masa ini. Ianya bertujuan untuk membuat kajian secara umum berkenaan dengan perbankan Islam di Aceh, satu-satunya provinsi yang telah merasmikan pemberlakuan syariah Islam yang diterapkan pada semua aktiviti pemerintahan termasuk sistem perbankan.

Secara khasnya kajian ini dirancang untuk menyelidiki aktiviti bank perkreditan rakyat syariah yang beroperasi di Aceh antara tahun 1995 hingga tahun 2000, mengenal pasti akan permasalahan-permasalahan yang terjadi, mengkaji pencapaian perbankan dalam tempoh tersebut dan prospek pengembangannya dimasa hadapan.

4. Zubir Efendi menulis sebuah desertasi dalam rangka memperolehi gelar sarjana syariah di Universiti Malaya pada tahun 2005 yang bertajuk Pembangunan Ekonomi Masyarakat Desa Menurut Perspektif Islam : Kajian Terhadap Program Pemerintahan Daerah Kabupaten Siak, Propinsi Riau, Indonesia.

Dalam kajian tersebut beliau menganalisis terhadap program pembangunan ekonomi masyarakat desa yang dijalankan oleh pemerintah daerah kabupaten Siak, dalam bentuk pelbagai skim seperti skim kredit lunak, skim kredit dengan sistem hasil, skim pembiayaan dengan sistem hasil, skim kredit jentera pertanian, skim kredit haiwan ternakan dan skim pinjaman haiwan ternakan.

Hasil kajian tersebut mendapati skim kredit dengan sistem hasil dan skim pinjaman haiwan ternakan adalah selaras dengan prinsip *al-qard al-hasan* dan skim pembiayaan dengan sistem hasil selaras dengan prinsip *al-mudaarabah*. Manakala skim kredit lunak didapati mengamalkan sistem *ribă al-nasi'ah* kerana wujudnya faedah berkadar tetap. Skim kredit jentera pertanian dan skim kredit haiwan ternakan pula didapati mirip dengan amalan *al-bay' bithaman al-ājil* tetapi cara pelaksanaan kedua-dua skim tersebut mempunyai beberapa kelemahan

dibandingkan dengan prinsip *al-bay'bithaman al-ājil*. Oleh itu, kedua-dua skim tersebut perlu diubahsuai bagi menyelaraskannya dengan prinsip *al-bay'bithaman al-ājil*.

5. Heri Sunandar telah menulis sebuah disertasi dalam memperolehi gelar doktor falsafah pengajian Islam di Universiti Malaya pada tahun 2006 yang bertajuk Sistem Perbankan Syariah dan Peranannya Dalam Peningkatan Ekonomi Ummah : Kajian Kes Perbankan Syariah di Provinsi Riau, Indonesia.

Dari kajian tersebut beliau juga melihat bahawa peranan perbankan syariah di Riau boleh dilihat dari dua aspek, iaitu pertama, aspek ekonomi yang merupakan peranan yang bersifat langsung bagi peningkatan ekonomi ummah, misalnya pembiayaan koperasi, pembiayaan sektor ekonomi mikro, pengembangan ekonomi masyarakat dengan menyalurkan dana secara syariah, dan lain-lain. Kedua, peranan dalam aspek sosial yang merupakan peranan yang bersifat tidak langsung terhadap peningkatan ekonomi ummah, misalnya membantu memajukan pendidikan Islam, meningkatkan sumber tenaga manusia, meningkatkan kesedaran masyarakat dalam bidang perbankan syariah, dan lain-lain. Selanjutnya, beliau mengharapkan kajian tersebut dapat menjadi khazanah intelektual Islam untuk melihat peluang meningkatkan perbankan syariah di Asia Tenggara dan negara lainnya di seluruh dunia.

6. Dewi Hartini menulis sebuah disertasi bagi memperolehi gelar ijazah sarjana pengajian Islam di Universiti Malaya pada tahun 2007 yang bertajuk Peranan Bank

Pengkreditan Rakyat Syariah (BPRS) Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam di Sumatera Utara, Indonesia.

Di dalam kajian tersebut beliau menjelaskan bahwa perbankan Islam saat ini dikenal secara meluas, bukan sahaja didunia Islam akan tetapi juga di negara-negara Barat. Inti dari sistem perbankan ini adalah menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan, bersih dari amalan riba.

Penyelidikan yang beliau lakukan bertujuan untuk menjelaskan Peranan Bank Pengkreditan Rakyat Syariah sebagai salah satu bentuk dari sistem perbankan Islam yang mengkhususkan diri dalam melayani masyarakat ekonomi lemah, pedagang kecil dan masyarakat luar bandar. Perkhidmatan yang diberikan seperti *al-Mudārabah*, *al-Murābahah*, *al-Musyākarah*, dan lainnya dapat membantu masyarakat Islam terbebas dari riba dalam membuka berbagai usaha untuk meningkatkan pendapatan mereka, meskipun masih didapati ada beberapa kelemahan, akan tetapi Bank Pengkreditan Rakyat Syariah tetap menjadi alternatif dalam pembangunan ekonomi umat Islam di Sumatera Utara khususnya dan Indonesia secara umumnya.

7. Khairul 'Azmi Mohammad dan Faizal Fadzil telah menulis sebuah buku yang bertajuk Konsep Pembangunan Ummah Dalam Perspektif Islam, Perspektif Malaysia. Dalam buku ini penulis menjelaskan bahawa dalam konteks Islam, pembangunan ummah dilaksanakan secara menyeluruh. Ia bukan sahaja meliputi aspek fizikal, tetapi juga memenuhi kehendak rohani. Islam tidak menghalang

pembangunan selagi ia memenuhi dua tuntunan. Pertamanya, ia harus selari dengan kehendak syarak dari segi pelaksanaan dan matlamat. Keduanya, hasil pembangunan itu, memberi manfaat kepada manusia dan mempermudah urusan atau mempertingkat mutu kehidupan mereka.

Pembangunan umat Islam yang sejati harus juga berkemampuan melahirkan umat Islam yang berupaya untuk menghalusi, memahami sekaligus menghayati urusan-urusan yang bersangkutan dengan hubungan di antara manusia dengan Allah di samping hubungan sesama manusia. Bagaimanapun buku ini membicarakan lebih lanjut tentang persoalan pembangunan ummah yang meliputi segala sudut yang ditinjau dari perspektif Islam yang diharapkan mampu memberikan kefahaman serta penghayatan kepada masyarakat.

8. Prof. A. Qodry Azizy telah menulis sebuah buku yang bertajuk Membangun Fondasi Ekonomi Umat. Dalam buku tersebut beliau menjelaskan bahawa diakui atau tidak, hampir di seluruh masyarakat Islam dihadapkan pada persoalan yang sama iaitu lemahnya kekuatan ekonomi umat. Kalaupun ada orang yang kaya biasanya kerana ia hidup di negara kaya dengan hasil bumi yang melimpah ruah, seperti minyak misalnya. Jadi kekayaannya bukan kerana prestasi kerja, inovasi ataupun kreativiti. Pada kenyataannya, keterbelakangan, kemalasan, kebodohan, dan kemiskinan di hampir majoriti umat Islam menurut beliau adalah hasil dari pemahaman dan pemaknaan ajaran Islam.

Tulisan ini memberikan pelurusan pemahaman yang selama ini dikotomi, yakni memisahkan dimensi dunia dan akhirat. Pemahaman bahawa dunia jauh dari ibadah adalah sama sekali salah dan telah menjadi racun bagi umat Islam. Oleh itu harus ada perubahan penyampaian ajaran Islam, baik metode maupun materinya, dimana salah satu hal yang terpenting adalah menjadikan Islam sebagai landasan, motivasi, inspirasi dan sekaligus tujuan untuk meraih kekayaan harta benda.

1.8. METODOLOGI KAJIAN

Metodologi bererti ilmu tentang cara mengadakan penelitian atau kajian.¹¹ Metodologi adalah jalan dan petunjuk kepada pengkaji di dalam memahami sesuatu objek yang menjadi sasaran kajian, ia merupakan suatu prosedur yang mesti diikuti demi mendapat pengiktirafan dan kualiti yang tinggi di dalam penyelidikan yang dijalankan.¹²

Kajian ini adalah satu kajian tinjauan yang berbentuk deskriptif. Kajian deskriptif adalah bertujuan untuk memerihalkan sesuatu fenomena atau situasi yang berlaku semasa kajian dijalankan. Kajian deskriptif selalu dijalankan bertujuan untuk memberi penerangan yang sistematik mengenai fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi atau

¹¹ Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metodologi Sejarah Penyelidikan*. Yogyakarta: Penerbit Fakultas Ilmu Pendidikan, h. 51

¹² *Ibid*

bidang yang diminati secara fakta dan tepat.¹³ Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan beberapa kaedah atau metode seperti berikut ini :

1.8.1. Metode Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data adalah usaha yang dibuat oleh pengkaji di dalam menghimpun data-data berkaitan dengan kajian daripada sumber-sumber yang diakui. Selanjutnya, data-data tersebut dianalisis dan ditafsir bagi tujuan penyelidikan.¹⁴ Metode pengumpulan data ini dibahagikan kepada dua bentuk iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

a. Metode Dokumentasi dan Perpustakaan.

Penyelidikan dokumentasi dan perpustakaan ialah penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji terhadap objek-objek penelitian di beberapa buah perpustakaan dengan tujuan untuk mendapatkan data-data penelitian dalam bentuk dokumen-dokumen yang berautoriti seperti manuskrip, fail rekod dan sebagainya.¹⁵ Pengkaji menggunakan metode ini untuk mendapatkan bahan ataupun dokumen bertulis yang terdiri daripada al-Qur'an, Hadith, buku, majalah, risalah, jurnal, ensiklopedia dan

¹³ Sidek Mohd Noah (2002), *Reka Bentuk: Falsafah, Teori dan Praktis*. Selangor: Universiti Putra Malaysia, h. 42

¹⁴ Mohd. Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 86

¹⁵ Universiti Malaya (2006), *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 15

laporan yang berkaitan dan relevan dengan penyelidikan yang dilakukan. Di antara perpustakaan yang menjadi tumpuan dalam kajian ini adalah :

- a. Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- b. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- c. Perpustakaan Fakulti Ekonomi Universiti Malaya.
- d. Perpustakaan Peringatan Za'ba.
- e. Perpustakaan Nasional Republik Indonesia, Jakarta.
- f. Perpustakaan Daerah Sumatera Utara, Medan.
- g. Perpustakaan Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara.
- h. Perpustakaan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara.

b. Observasi

Observasi ialah suatu pemerhatian yang dilaksanakan ke atas satu keadaan yang telah dikenalpasti hasil dari satu perancangan yang teliti. Pemerhatian ini akan menghasilkan satu deskripsi terperinci tentang keadaan berkenaan bagi membolehkan memahami secara mendalam.¹⁶

¹⁶ Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam pengajian Islam*. Selangor: Penerbit Kamil dan Shakir Sdn Bhd, h. 74

Dalam kaedah ini, pengkaji membuat pemerhatian serta penelitian terhadap peranan pendakwah dalam pembangunan ekonomi masyarakat Medan Indonesia. Menerusi kaedah ini pengkaji berpeluang untuk melihat aktiviti-aktiviti ekonomi yang telah dijalankan oleh pendakwah secara langsung di tempat usaha yang mereka jalankan, pengkaji berpeluang melihat sendiri situasi sebenar terhadap masalah yang mereka hadapi, seterusnya pengkaji membuat kesimpulan berdasarkan pemerhatian tersebut.

c. Temu Bual

Temu bual ialah salah satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data dan fakta dengan menemu bual individu-individu tertentu. Penggunaan teknik temu bual tersebut membolehkan pengkaji mengumpulkan pendapat, pemikiran, pandangan dan pengalaman dalam bentuk penyertaan langsung daripada responden kajian sendiri.¹⁷

Temu bual dijalankan dengan para pendakwah yang terlibat dalam aktiviti ekonomi yang terdapat di kota Medan. Pengkaji telah menjalankan temu bual kepada 15 pendakwah dengan berbagai bisnes yang telah dijalankan, diantaranya :

1. Ustaz Fahmi Ahmad dalam bidang konfeksi.
2. Ustaz Sutrisno Hady dalam bidang studio photo.

¹⁷ Morohaini Yusof, “Pengutipan dan Pengumpulan Data Perlakuan dan Proses Menulis Karangan dalam Bilik Darjah”, dalam Marohaini (ed.) (2001), *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 109

3. Ustaz Marie Muhammad dalam bidang telepon bimbit.
4. Ustaz Ali Nafiah Saragih dalam bidang isi ulang air minum.
5. Ustaz Mohd. Ridwan Hamid dalam perkebunan kelapa sawit.
6. Ustaz Irwansyah dalam bidang percetakan.
7. Ustaz Badruzzaman dalam bidang penjualan ayam potong.
8. Ustaz Ammar Lingga dalam bidang perkebunan kelapa sawit.
9. Ustaz Junaidi dalam bidang butik pakaian.
10. Ustaz Dermawan dalam bidang pengangkutan.
11. Ustaz Edi Sutrisno dalam bidang makanan ringan.
12. Ustazah Nurasyah Djamil dalam yayasan pendidikan.
13. Ustaz Bustami Manurung dalam bidang pembuatan iklan.
14. Ustaz Aminuddin Yahya dalam bidang makanan ringan.
15. Ustaz Jumanah Nasution dalam bidang pembuatan iklan.

Temu bual ini dilakukan secara langsung dengan responden berkenaan. Dalam temu bual tersebut, pengkaji mengadakan temu bual secara sistematik sesuai dengan masalah yang dikaji. Hasil dari temu bual ini, maka akan diketahui peranan yang telah dilakukan oleh para pendakwah dalam pembangunan ekonomi masyarakat Medan Indonesia.

1.8.2 Metode Analisis Data

Sumber data boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu sumber primari dan sumber sekunder. Sumber primari ialah sumber yang ada kaitan langsung dengan keadaan yang dikaji. Sedangkan sumber sekunder ialah sumber yang ada perantara di antara keadaan atau pengalaman yang dikaji.¹⁸ Data primari merupakan data yang didapat dari sumber pertama, seperti hasil temu bual, observasi atau soalselidik. Sedangkan data sekunder merupakan data yang telah diolah oleh pihak lain dan diproses kembali oleh pengkaji.¹⁹

Proses penganalisisan dilakukan terhadap semua maklumat dan data-data yang telah terkumpul. Untuk mendapatkan analisis data yang tepat, kajian ini menggunakan beberapa kaedah yang lazim digunakan iaitu metode induktif, deduktif dan komparatif. Metode-metode ini digunakan oleh pengkaji di dalam bab-bab tertentu di dalam kajian ini.

a. Metode Induktif

Metode Induktif ialah suatu cara analisa data melalui cara berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil

¹⁸ Idris Awang (2009), *op.cit.*, h. 94

¹⁹ Husein Umar (2005), *Metode Penelitian Untuk Skripsi dan Tesis Bisnis*. Jakarta: Penerbit PT. RajaGrafindo Persada, h. 42

yang bersifat umum.²⁰ Pengkaji memaparkan dalam penyelidikan ini data-data yang bersifat khusus, dan dari data-data tersebut dibuat kesimpulan yang bersifat umum. Sebagai contoh pengkaji akan menjelaskan konsep dan teoritikal mengenai pendakwah dan pembangunan ekonomi yang terdapat di dalam bab dua.

Metode ini digunakan untuk mendapatkan pengertian mengenai definisi pendakwah, sifat-sifat pendakwah, peranan pendakwah, konsep pembangunan ekonomi, bidang-bidang ekonomi, masalah-masalah pembangunan ekonomi dan peranan pendakwah dalam pembangunan ekonomi, sebelum pengkaji membuat kesimpulan umum. Kemudian di dalam bab tiga pengkaji akan membincangkan mengenai ekonomi masyarakat kota Medan sebelum membuat kesimpulan. Di dalam bab keempat pula, perbincangan berkisar pada peranan pendakwah dari aspek ekonomi di kota Medan. Pengkaji akan membuat analisis terhadap temu bual yang telah dijalankan serta membuat kesimpulan. Dan dalam bab lima, metode ini digunakan ketika membuat kesimpulan secara umum dan saranan kepada pihak-pihak tertentu.

b. Metode Deduktif

Metode ini merupakan satu instrumen untuk menghasilkan satu kesimpulan yang berpangkal dalil-dalil yang bersifat umum untuk mencari kesimpulan yang bersifat khusus.²¹ Khusus metode deduktif ini, data-data yang bersifat umum akan dianalisis secara terperinci sebelum membuat sebarang rumusan yang tepat dan padat. Metode ini

²⁰ Koentjaraningrat (1977), *Metode Penyelidikan Masyarakat*. Jakarta: Penerbit PT. Gramedia, h. 79
²¹ *Ibid*

dijadikan asas dalam merangka kaedah pengumpulan data yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah yang dikaji. Metode ini digunakan secara meluas ketika pengkaji menganalisis data dalam setiap persoalan yang menjadi objek penelitian pengkaji. Sebagai contoh, pengkaji akan menghuraikan tentang peranan pendakwah dalam proses pembangunan ekonomi masyarakat Medan Indonesia yang terdapat di dalam bab empat. Kemudian membuat kesimpulan yang akan dihasilkan dalam penelitian ini yang terdapat di dalam bab lima.

c. Metode Komparatif

Metode ini merupakan instrumen bagi menghasilkan kajian perbandingan yang dibuat berdasarkan analogi, kekuatan hujah dan kefahaman yang dimiliki.²² Pengkaji menggunakan metode ini di dalam membuat kesimpulan dan perbandingan terhadap data-data yang diperolehi. Sebagai contoh pengkaji menganalisis beberapa aspek dalam permasalahan kajian, metode penyelidikan, kajian-kajian lepas, konsep pendakwah dan pembangunan ekonomi, serta membuat kesimpulan dan saranan.

1.8.3. Pemilihan Lokasi Penelitian

Pengkaji memilih kota Medan sebagai lokasi penelitian, kerana berdasarkan beberapa alasan, iaitu :

²² Abdul Halim Bin Hj. Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Metodologi*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Fakulti Usuluddin Universiti Malaya, h. 136

- a. Kota Medan merupakan ibu kota provinsi Sumatera Utara, merupakan sebuah bandar raya yang memiliki penduduk paling ramai berbanding dengan penduduk kota lainnya di wilayah Sumatera Utara.
- b. Kota Medan merupakan kota perdagangan, perkhidmatan dan pusat pentadbiran provinsi Sumatera Utara.
- c. Kota Medan juga merupakan pusat lalu lintas perniagaan dan hubungan antara negara jiran Malaysia dan Singapura, hal ini terbukti dengan adanya konsulat Malaysia dan Singapura di kota Medan. Kota Medan juga merupakan jalur lintas yang paling dekat dengan kedua negara tersebut, sama ada menggunakan jalur perhubungan laut maupun udara.
- d. Kota Medan juga merupakan kota pendidikan, dimana terdapat perguruan tinggi yang sudah banyak menghasilkan sumber tenaga manusia untuk pembangunan kota Medan secara khas dan Indonesia secara amnya.
- e. Kemajuan pembangunan ekonomi di kota Medan juga belum mampu diimbangi daerah-daerah lain di wilayah Sumatera Utara, oleh itu pertumbuhan ekonomi di kota Medan dilihat cukup tinggi bila dibandingkan dengan kota-kota lain di Sumatera Utara, dan ini dilihat sangat strategik untuk dijadikan sebagai tempat penelitian.

BAB II

PENDAKWAH DAN PEMBANGUNAN EKONOMI

Islam menggalakkan umatnya untuk sentiasa mempertingkatkan kualiti dan potensi diri melalui konsep pembangunan. Untuk mencapai kesejahteraan melalui pembangunan, manusia itu sendiri perlu dibangunkan dan dipertingkatkan kualitinya baik dari segi rohani, emosi, mental dan fizikal. Itulah sebabnya konsep pembangunan ekonomi dalam Islam amat menitikberatkan tentang konsep pembangunan insan di samping pembangunan material, disinilah pentingnya peranan manusia yang merupakan teraju utama dalam melaksanakan pembangunan.

2.1. Definisi Pendakwah

Pendakwah ialah seseorang yang melakukan kerja-kerja membimbing dan menyeru serta mengajak orang lain untuk berbuat kebaikan kepada Islam.²³ Pendakwah ialah orang yang berusaha mengajak orang lain kepada Islam dengan cara-cara tertentu. Oleh itu, pendakwah haruslah mempunyai kelengkapan yang mantap, yang ada hubungannya dengan agama Islam.²⁴

Dengan kata lain pendakwah ialah seorang yang sanggup mengorbankan diri, harta dan waktunya untuk Allah swt. bagi menegakkan risalah yang agung dan meneruskan tugas mulia para nabi dan rasul yang diutus oleh Allah swt. untuk menyeru

²³ Zainal Abidin Safarwan (1995), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd, h. 387

²⁴ Ab. Aziz Mohd. Zin (1997), *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 136

manusia ke jalan Tuhan yang lurus serta menyuruh manusia membuat kebaikan dan menjauhi kemungkaran.²⁵

Para pendakwah juga ialah pewaris para nabi khususnya dalam bidang dakwah dan menyampaikan agama Allah swt. kepada semua umat manusia. Mereka haruslah mencontohi cara terbaik para nabi dalam berdakwah dan menjadikan nabi sebagai ikutan bagi meneruskan tugas dakwah. Mereka harus menyedarkan manusia yang lalai daripada mengingati dan mentaati Allah swt. serta mengajak manusia kearah kebaikan dan menjauhi kejahatan.

Pendakwah secara khusus dapat pula disebut kader-kader Islam.²⁶ Secara umum setiap muslim dan muslimat pada prinsipnya adalah pendakwah yang berkewajiban melaksanakan amar ma'ruf nahyi munkar. Namun secara khusus pendakwah adalah seseorang yang memiliki kelebihan dalam pengetahuan dan kesanggupan yang secara khusus dapat melaksanakan dakwah itu lebih baik, seperti ustaz, ataupun umumnya para ulama.

Pendakwah ialah orang-orang yang memiliki banyak kelebihan, iaitu seorang pendakwah harus mampu menegakkan ajaran Islam dengan segala cabarannya, mampu menjelaskan kepada umat manusia bahawa Islam sangat sesuai bagi kehidupan, mampu menyumbangkan peradapan dan kemajuan.²⁷ Faktor pendakwah merupakan kunci dakwah, ditangannyaalah dakwah mendapat kejayaan atau kegagalan.²⁸ Pendakwah

²⁵ Ahmad Mahmud Abu Zaid, (t.t), *Pendakwah Masa Kini Sikap dan Pendekatan*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia, h. 13

²⁶ Hamzah Yakub (1992), *Publististik Islam Tehnik Dakwah dan Leadership*. Bandung: Penerbit CV. Diponegoro, h. 3

²⁷ Musthafa Ar-Rafi'i (2002), *Potret Juru Dakwah*. Jakarta: Penerbit Pustaka Al-Kautsar, h. 2

²⁸ M. Arifin (1993), *Psikologi Dakwah*. Jakarta: Penerbit Bumi Aksara, h. 66

adalah kunci keselamatan umat. Dengan pendakwah, kedudukan umat menjadi tinggi, kemulian dapat dibangun sehingga umat menjadi maju. Dengan demikian dapatlah disimpulkan bahawa pendakwah ialah orang-orang yang menyeru kepada Islam yang memiliki kelengkapan yang istimewa guna melaksanakan dakwah dengan sebaiknya.

2.2. Sifat-Sifat Pendakwah

Untuk menjadi pendakwah yang baik dan mampu menjalankan tugas dakwah dengan berkesan, seorang pendakwah mestilah memiliki serta melengkapkan dirinya dengan persediaan-persediaan tertentu. Memandangkan faktor pendakwah sangat penting dalam kerangka dakwah, maka dalam hal ini terdapat beberapa persyaratan yang harus dimiliki oleh seorang pendakwah, iaitu :²⁹

2.2.1. Menguasai Bidang Ilmu Pengetahuan

Untuk menjalankan tugas dakwah dengan berkesan, pendakwah perlu memiliki ilmu pengetahuan yang mencukupi.³⁰ Ilmu pengetahuan amat diperlukan sebelum seseorang itu melakukan sesuatu tindakan. Orang yang berilmu pengetahuan bukan sahaja boleh memberi manfaat pada dirinya bahkan juga kepada orang lain dengan membawa kepada jalan yang direkdai. Ilmu pengetahuan mempunyai kedudukan yang amat istimewa dalam ajaran Islam. Para ilmuan diberi kedudukan yang tinggi dalam hierarki sosial Islam sehingga mereka dianggap pewaris para Nabi.³¹

²⁹ Musthafa Ar-Rafi'i (2002), *op.cit.*, h. 38

³⁰ Mohd Amin Abdul Rahim (2001), *Panduan Pendakwah Secara Praktikal*. Kuala Lumpur: Penerbit Darul Fikir Sdn Bhd, h. 33

³¹ Muhammad Yusuf Khalid *et.al.* (2002), *Isu Dakwah dan Kemanusiaan Dalam Era Globalisasi*. Kuala Lumpur: Fakulti Dakwah & Pengurusan Islam Kolej Universiti Islam Malaysia, h. 93

Keistimewaan bagi orang yang berilmu ini adalah dinyatakan dalam al-Quran antaranya firman Allah :

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ إِمَانُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَتٍ

Maksudnya :

Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang berilmu pengetahuan beberapa derajat.

(Surah Al-Mujadilah : 11)

Dalam membimbing sasaran seseorang pendakwah itu perlu mempunyai ilmu pengetahuan. Ini kerana pendakwah merupakan tempat rujukan dan menjadi ikutan orang awam.³² Seorang pendakwah mesti betul-betul mengusai ilmu pengetahuan, terutama ilmu pengetahuan yang sesuai dengan zamannya.³³ Berdakwah tanpa mempunyai ilmu pengetahuan yang mencukupi, bukan sahaja akan mengakibatkan kegiatan tidak berkesan, tetapi lebih mudarat lagi boleh membawa kesesatan kepada pihak yang didakwah. Adapun ilmu pengetahuan yang perlu dikuasai oleh seseorang pendakwah ialah :³⁴

- a. Ilmu Pengetahuan Islam, seperti ilmu al-Qur'an dan tafsir, ilmu al-Sunnah, ilmu Usul Fiqh, ilmu Akidah, Tasauf dan Sistem Islam (*al-Nizam al-Islamy*). Ilmu agama seperti ketuhanan merupakan ilmu yang paling mulia dan menjadi faktor paling utama dalam pembinaan agama. Akidah yang benar dalam ketauhidan menjadi landasan bagi keimanan, amal dan akhlak muslim pada setiap masa. Manakala ilmu

³² Wan Hussein Azmi (1988), *Panduan Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 110

³³ Musthafa Ar-Rafi'i (2002), *op.cit.*, h. 41

³⁴ Mohd Amin Abdul Rahim (2001), *op.cit.*, h. 35

fiqh dan akhlak pula merupakan ilmu yang banyak memberi manfaat. Bagi seorang pendakwah, ilmu ini harus dikuasai supaya tidak berlaku kesilapan dalam mengeluarkan fatwa dan ajaran mengenai Islam.³⁵

- b. Ilmu Sejarah yang lebih ditumpukan kepada sejarah Islam dan umatnya. Pendakwah hendaklah mempelajari sejarah dengan menganggap bahawa ia adalah merupakan suatu gedung yang menyimpan segala kebenaran, juga kesilapan, dan kesesatan.³⁶ Jika ianya sesuatu kesilapan dan kesesatan, maka tugas pendakwah untuk membaikinya. Dalam sejarah terdapat peristiwa-peristiwa pinggiran yang pada lahirnya mungkin kelihatan tidak begitu penting, tetapi setelah meneliti mungkin dapat mengeluarkan ilmu pengetahuan yang berguna.³⁷
- c. Ilmu Kesusasteraan dan Bahasa. Bagi membolehkan kegiatan berkomunikasi berjalan lancar dan berkesan. Ilmu bahasa juga menjadi ilmu yang terpenting dan perlu ada pada pendakwah. Ini kerana pendakwah akan berhadapan dengan sasaran yang terdiri dari pelbagai bangsa. Dengan adanya ilmu bahasa, pendakwah akan lebih mudah untuk berkomunikasi dengan sasarnya. Pendakwah seboleh-bolehnya mengusai bahasa sasarnya supaya matlamat dan hasrat yang hendak disampaikan difahami maksudnya.³⁸
- d. Ilmu Kemanusiaan seperti Ilmu Psikologi, Sosiologi, Ekonomi, Falsafah, Akhlak dan Pendidikan.
- e. Ilmu Sains, seperti Ilmu Fizik, Kimia, Biologi, Geologi, Falak, Perubatan dan Ilmu Teknologi Maklumat, ilmu-ilmu ini adalah menjadi keperluan pendakwah mengetahuinya kerana ianya boleh menjadi wasilah dalam menyampaikan dakwah.

³⁵ Nasaruddin Latif (t.t), *Teori dan Praktik Dakwah Islamiyah*. Jakarta: Penerbit Firma “Dara”, h. 38

³⁶ El-Bahri El-Khuly (1984), *Panduan Para Pendakwah*. (Terj.) Ismail Bin Mohd Hassan, Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, h. 614

³⁷ *Ibid.*, h. 617

³⁸ Che Yusof dan Che Mamat (1997), *Dinamika Dakwah Dalam Masyarakat*. Bangi: Penerbit Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepemimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 54

- f. Ilmu pengetahuan Am yang lebih ditumpukan kepada yang bersangkutan dengan agama Islam dan umatnya, seperti keadaan semasa dunia Islam, kuasa-kuasa dunia memusuhi Islam, agama-agama yang wujud sekarang, ideologi-ideologi politik semasa, gerakan-gerakan Islam semasa, aliran-aliran pemikiran yang menentang Islam, golongan serpihan Islam dan masalah-masalah tempatan.

Pendakwah yang memiliki kualiti ilmu pengetahuan seperti yang disenaraikan bolehlah dikatakan pendakwah ideal kerana pada realitinya tidak ramai dikalangan umat Islam yang mempunyai ilmu pengetahuan yang sedemikian. Walau bagaimanapun, seseorang pendakwah haruslah mempunyai pandangan yang luas, mengetahui apa yang akan disampaikan, baik yang berupa perkataan dan perbuatan atau apa yang harus ditinggalkan.³⁹ Ilmu pengetahuan juga akan membantu pendakwah menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan sabar menghadapi cabaran dan dugaan yang bakal dilaluinya.⁴⁰ Oleh itu, wajiblah bagi setiap pendakwah mengetahui ajaran-ajaran agama, tentang perkara yang halal dan yang haram yang dibolehkan dan tidak dibolehkan. Begitu juga pengetahuan tentang bidang agama yang boleh berijtihad dan agama yang tidak dibolehkan berijtihad serta bidang mana yang terdapat perbezaan pendapat dan yang mana disepakati.

Adapun ilmu pengetahuan asas yang perlu dikuasai oleh pendakwah ialah :⁴¹

1. Perkara-perkara asasi dalam agama Islam seperti rukun Iman, rukun Islam, perkara-perkara halal-haram yang utama, perkara-perkara yang sangat dituntut dari segi akhlak dan kemasyarakatan.

³⁹ Mohd Amin Abdul Rahman (2001), *op.cit.*, h. 36

⁴⁰ Nor Raudah Hj. Siren *et.al.* (2006), *Dakwah Islam Semasa Konsep dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 25

⁴¹ *Ibid.*, h. 37

2. Kelebihan-kelebihan agama Islam seperti agama Islam untuk umat manusia sejagat, agama samawi terakhir, aspek kehidupan, agama yang menjamin kebahagiaan di dunia dan kesejahteraan di akhirat.
3. Isu atau perkara yang hendak dijadikan subjek dalam pertemuan dakwah.
4. Perkara-perkara yang selalu ditimbulkan oleh orang-orang yang didakwah seperti pengharaman babi, pengharaman arak, keharusan poligami, berkhatan dan sebagainya.
5. Ilmu-ilmu alat dakwah termasuklah ilmu komunikasi, psikologi, sosiologi dan metodologi dakwah.
6. Maklumat-maklumat penting mengenai orang-orang yang didakwah atau sasaran termasuklah agama, kebudayaan dan adat resam, tahap pendidikan dan ekonomi, kedudukan geografi dan seumpamanya.

Secara keseluruhannya, untuk mempengaruhi khalayak atau sasaran dakwah yang paling penting ialah para pendakwah perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang membolehkannya mempengaruhi mereka supaya mengubah sikap ke arah yang lebih positif. Seorang pendakwah yang ideal, bijaksana dan bermanfaat pada orang lain ialah pendakwah yang mempunyai ilmu agama yang mendalam dan ilmu-ilmu lain yang membantunya untuk menyebarkan dakwah. Walaupun kesempurnaan ini adalah susah untuk diperolehi namun begitu usaha untuk mendapatkan kesempurnaan tersebut adalah sangat suci dan disanjungi.

2.2.2. Memiliki Kekuatan Iman

Pendakwah mestilah yang memiliki keimanan yang kuat dan keyakinan kepada Allah. Maksud keimanan yang kuat ialah keyakinan pendakwah terhadap agama Islam yang telah dikurniakan Allah kepadanya dan diperintahkan untuk mendakwahkannya. Dan mereka tidak meraguinya, sebagaimana firman Allah, iaitu :

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِيمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا
وَجَاهُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ هُمُ
الصَّادِقُونَ

Maksudnya :

Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu hanyalah orang-orang yang percaya (beriman) kepada Allah dan Rasul-Nya, Kemudian mereka tidak ragu-ragu dan mereka berjuang (berjihad) dengan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah. mereka itulah orang-orang yang benar.

(Surah Al-Hujurat :15)

Iman yang mantap seperti yang digambarkan oleh ayat di atas sangat diperlukan oleh pendakwah kerana mereka banyak berhadapan dengan ujian, dugaan dan cabaran malahan juga halangan, ancaman dan ugutan. Bukan sahaja dari pihak sasaran tetapi juga dari dalam diri mereka sendiri. Dengan adanya iman yang kuat para pendakwah akan mampu menghadapi segala-galanya. Hasil daripada iman yang kuat ini akan menimbulkan sifat yang terpuji pada diri pendakwah iaitu .⁴²

⁴² Abu Al-A'la Al-Maududi (1982), *Petunjuk Juru Dakwah*. (Terj.) M. Asywaidie Syukur, Singapura: Penerbit Pustaka Nasional Pte.Ltd, h. 36

a. Cintakan Allah.

Cinta seorang hamba kepada tuhannya menorong dirinya melakukan segala perintah Allah dan rasul-Nya. Amalan kebaikan dilakukan semata-mata untuk mendapatkan keredaan Allah. Bila iman telah memenuhi jiwa, Allah lebih dicintai daripada segala-galanya. Cinta kepada Allah penting kerana ;

1. Menanam rasa rendah diri dan kasih sayang sesama Islam kerana kasih sayang akan mendorong seseorang pendakwah menyeru orang lain ke jalan yang direndah Allah.
2. Menamankan perasaan lebih mulia dari orang kafir.
3. Menanamkan semangat jihad pada jalan Allah, sama ada dalam menentang hawa nafsunya atau musuh-musuh dakwah.
4. Menghilangkan rasa takut kepada celaan orang.
5. Mendorong diri seseorang pendakwah supaya mengikuti jejak Rasulullah saw.

b. Takut kepada Allah

Kecintaan kepada Allah akan menimbulkan rasa takut terhadap kemurkaaNya. Apabila perasaan ini telah mula menyerap dalam jiwa, maka seorang pendakwah itu akan cuba menghindarkan dirinya daripada kemaksiatan dan kejahanan. Dengan rasa takut ini juga akan menjadikan seorang pendakwah menerima dan mahu melaksanakan perintah Allah dan menghentikan segala sesuatu yang dilarangNya, serta menghadapkan dirinya untuk melakukan apa yang dianjurkan Allah, berpegang teguh pada kebenaran yang diimaninya, bersabar atas

segala dugaan, dan yakin bahawa apa yang telah dilakukannya akan memperoleh pahala yang besar dari Allah swt.⁴³

c. Pengharapan

Keimanan yang kuat juga akan melahirkan pengharapan iaitu perasaan tidak putus asa dari rahmat Allah. Setiap pengharapan ini mendorong seseorang pendakwah melaksanakan tugas sehingga tercapai matlamat dakwah. Ia menyerahkan segala urusan kepada Allah dan yakin dengan pertolongan-Nya.

Dengan adanya iman yang mantap dalam diri seseorang pendakwah akan melahirkan beberapa kualiti kerohanian dalam diri pendakwah tersebut, iaitu :⁴⁴

1. Ikhlas iaitu sifat hati yang mendorong seseorang melakukan sesuatu kebaikan atau meninggalkan kejahatan semata-mata kerana Allah.
2. Berani iaitu kekuatan jiwa dan rohani yang lahir daripada keimanan kepada Allah.
3. Sabar iaitu kekuatan jiwa dan rohani yang melahirkan ketabahan dalam diri seseorang untuk menghadapi apa jua dugaan dan kesusahan.
4. Optimis iaitu kekuatan jiwa dan rohani yang mendorong seseorang memandang dunia sentiasa terbuka luas, kejayaan sentiasa mungkin, harapan sentiasa ada dan tidak ada ruang bagi apa jua yang bernama putus asa kerana putus asa itu adalah salah satu sifat orang-orang kafir.

⁴³ Ali Abdul Halim Mahmud (1995), *Dakwah Fardiyah: Metode Membentuk Pribadi Muslim*. Jakarta: Penerbit Gema Insani Press, h. 228

⁴⁴ Mohd. Amin Abdul Rahim (2001) *op.cit.*, h. 39

Empat sifat rohani tersebut adalah penting dan perlu dimiliki setiap orang yang terlibat dengan bidang dakwah. Setiap sifat akan memberikan kekuatan jiwa dan ketahanan rohani kepada para pendakwah untuk terus maju ke hadapan tanpa mengira apa jua halangan, tentangan dan dugaan yang akan mereka tempuh.⁴⁵ Bahkan, mereka akan sentiasa inginkan kejayaan sekalipun terpaksa melakukan pengorbanan jiwa dan harta.

Pendakwah merupakan agen dalam menyampaikan dakwah Islamiah. Oleh itu adalah amat penting seseorang pendakwah itu mempunyai iman yang kuat kerana dengan iman yang kuat inilah membawa hasil dakwah yang baik. Allah hanya akan menerima sesuatu perbuatan muslim itu jika dilakukan atas dasar iman yang benar. Dengan adanya iman ini, pendakwah akan merasakan tugas dakwah itu bukan satu bebanan tetapi menganggap bahawa ianya tangungjawab yang murni.

2.2.3. Penghayatan Terhadap Ajaran Islam

Penghayatan terhadap ajaran-ajaran Islam merupakan salah satu tuntutan iman yang memanifestasikannya dalam bentuk amalan dan perbuatan. Firman Allah dalam menghubungkan iman dengan ibadat seperti ibadat solat, sedekah atau zakat ialah :

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ كَالَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ
أَيَّاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَى رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ يُقِيمُونَ

⁴⁵ Ibid., h. 40

الْأَصْلَوَةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفَقُونَ ﴿٢﴾ أُولَئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا هُمْ

دَرَجَتٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَمَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ

Maksudnya :

Sesungguhnya orang-orang yang beriman (sempurna imannya) ialah mereka yang bila disebut nama Allah (sifat-sifat-Nya) gemetarlah hati mereka, dan apabila dibacakan ayat-ayatNya bertambahlah iman mereka (karenanya), dan Hanya kepada Tuhanlah mereka bertawakkal.(yaitu) orang-orang yang mendirikan shalat dan yang menafkahkan sebagian dari rezki yang kami berikan kepada mereka. Itulah orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya. mereka akan memperoleh beberapa derajat ketinggian di sisi TuhanNya dan ampunan serta rezki (nikmat) yang mulia.

(Surah Al-Anfal : 2-4)

Seseorang itu tidak dikatakan sempurna imannya sekiranya keyakinan hanya melibatkan hati sahaja tetapi tidak menyerap ke dalam jiwanya dan tidak juga mendorong anggota-anggota luar tubuh badan mengerjakan tuntutan-tuntutan keyakinan itu.⁴⁶ Contohnya, seseorang yang hanya percaya kepada Allah dan kesempurnaan sifat-sifatNya tetapi dalam masa yang sama tidak menjawai dan menghayati suruhan-suruhan dan tegahan-tegahanNya, begitu juga mereka yang hanya percaya kepada syurga dan neraka, tetapi dalam diri mereka tidak wujud langsung keinginan kepada syurga dan tidak pula ketakutan kepada neraka dan samalah juga mereka yang hanya percaya kepada al-Quran tetapi mereka tidak berusaha untuk melaksanakan ajaran-ajaran yang terkandung di dalamnya.

Orang Islam dituntut supaya berpegang teguh kepada ajaran-ajaran agama Islam, mengamalkannya dalam kehidupan dan menghayatinya dengan penuh keyakinan.

⁴⁶ Imam Al-Ghazali (1998), *Mencapai kebahagian Hidup Dengan Taqwa*. Selangor: Penerbit Klang Book Centre, h. 49

Maka tuntutan tersebut juga ditekankan ke atas para pendakwah Islam. Sudah semestinya tidak akan berkesan sesuatu kegiatan dakwah yang dijalankan sekiranya pendakwah itu sendiri tidak mengamalkan apa yang didakwahkan.⁴⁷ Allah mencela orang-orang yang tampil berdakwah, yang ucapan mereka tidak sesuai dengan hatinya.⁴⁸ Oleh itu, seorang pendakwah mestilah selalu dan sentiasa berpegang teguh kepada ajaran-ajaran agama Islam.

2.2.4. Memiliki Akhlak Yang Mulia

Pendakwah yang menghiasi dirinya dengan kemuliaan akhlak dan menjauhkan diri dari akhlak-akhlak yang buruk dan tercela maka kesannya membawa kepada perubahan adalah besar dan kedinamikanya pada mata masyarakat adalah luar biasa.

Ada lima sifat atau jenis akhlak yang perlu dimiliki oleh para pendakwah, iaitu :⁴⁹

1. Benar (*al-sidq*) iaitu benar pada perbuatan, percakapan dan niat.
2. Amanah iaitu amanah pada harta, percakapan dan penyampaian risalah Islamiyah.
3. Tidak mudah marah (*al-hilm*), iaitu menyembunyikan kemarahan, menghubungkan silaturrahim dengan siapa yang memutuskannya, memberi maaf terhadap orang yang menganiaya dan berbuat baik kepada orang yang menyakitinya.
4. Merendah diri (*al-tawadu'*) iaitu bermuamalah dan bergaul dengan sesiapa sahaja dengan mesra dan tidak membesar diri dan berpada dengan kemudahan-kemudahan kehidupan seadanya.

⁴⁷ Mohd Amin Abdul Rahim (2001), *op.cit.*, h. 40

⁴⁸ Musthafa Ar-Rafi'i (2002), *op.cit.*, h. 53

⁴⁹ 'Abdullah Nasih 'Ulwan (1998), *Akhlaq Para Pendakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Pustaka Fajar, h. 43

5. Kemuliaan (*al-karam*), iaitu sifat kejiwaan yang murni dan perasaan kemasyarakatan yang terpuji seperti menjauhkan diri dari perbuatan-perbuatan yang tercela, berusaha melakukan sesuatu dengan sempurna, mengamalkan sikap lebih banyak memberi daripada menerima dan tidak mengutuk diri sendiri kerana suatu kegagalan atau kekurangan dan sebagainya.

Dengan adanya sifat-sifat ini, para pendakwah akan dipandang sebagai orang yang tinggi himmah dan mulia diri, maka akan terjalinlah hubungan mesra dan saling percaya-mempercayai di antara pendakwah dengan orang yang didakwah dan masyarakat umum, sehingga perjalanan dakwah dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

2.2.5. Mempunyai Peribadi Yang Kukuh Dan Menarik

Tugas pendakwah bukanlah merupakan tugas yang mudah. Ia merupakan suatu tugas yang sangat berat dan sesuatu yang kompleks. Seseorang yang menjalankan tugas dakwah tidak akan dapat melarikan diri daripada menghadapi pelbagai rintangan, cabaran dan dugaan yang bukan sahaja datang dari luar malah lebih banyak adalah dari dalam diri pendakwah itu sendiri. Faktor inilah dilihat banyak menyebabkan kegagalan dalam kegiatan dakwah.

Oleh itu, adalah penting bagi pendakwah memiliki peribadi yang kukuh dan menarik dalam bentuk ketahanan mental dan kelasakan emosi. Ini perlu supaya pendakwah tidak mudah putus asa dan mundur ke belakang apabila berhadapan dengan sesuatu dugaan dan cabaran ataupun lari dari medan perjuangan. Dalam berdakwah

secara berterusan, seseorang pendakwah haruslah mampu memelihara ketenangan dan keseimbangan jiwa.⁵⁰

Disamping itu, seseorang pendakwah perlu juga mempunyai motivasi yang tinggi, azam yang kental, kesungguhan serta kegigihan yang padu.⁵¹ Ini semua akan dirasai oleh seseorang pendakwah apabila mereka mempunyai niat yang ikhlas, pengetahuan yang jelas mengenai matlamat yang akan dicapai dan juga penghayatan jiwa terhadap tugas yang akan dipikul sebagai seorang pendakwah. Dalam usaha mengukuhkan kedudukan sebagai seorang pendakwah, pendakwah juga perlu memiliki peribadi yang menarik.⁵² Sehingga sasaran dakwah mudah untuk menerima dan menyukainya. Ini kerana, jika diperengkat awal sasaran dakwah sudah menunjukkan tanda-tanda menolak dan menentang disebabkan rasa benci kepada pendakwah maka sudah pasti akan menyukarkan bagi pendakwah untuk meneruskan langkah-langkah selanjutnya dan tiada yang lain yang akan dihadapinya melainkan kegagalan.

Dalam menghadapi situasi ini, pendakwah perlu mencontohi peribadi dan perilaku Rasulullah sebagai contoh yang teragung. Dengan peribadi baginda yang menarik, kepandaian baginda bermuamalah dan juga kebijaksanaan baginda mendekati orang yang didakwah, baginda bukan sahaja dapat menambat perasaan kawan tetapi juga menawan hati lawan.⁵³ Peribadi yang kukuh dan menarik mempunyai hubungan yang rapat dengan emosi yang stabil seperti tidak mudah marah, tidak mudah sedih, tidak mudah terlalu gembira, tenang menghadapi cabaran, optimis terhadap masa depan, percaya pada diri sendiri, mampu menimbang dengan saksama dan mampu menilai

⁵⁰ Mohammad Natsir (2000), *Fiqhud Da'wah*. Jakarta: Penerbit Media Da'wah, h. 134

⁵¹ Mohd Amin Abdul Rahim (2001), *op.cit.*, hal. 43

⁵² *Ibid*

⁵³ Haji Johari Haji Alias (2001), *Membina Semangat Positif*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2

dengan positif.⁵⁴ Kesemua kualiti dan ciri-ciri ini sangat perlu dimiliki oleh setiap pendakwah untuk mencapai kejayaan dan mencapai matlamat dalam bidang dakwah.

2.2.6. Sabar Ketika Menjalankan Tugas Dakwah

Sabar ialah kesanggupan seseorang menahan dan mengawal perasaan sifat-sifat *mazmumah* seperti marah, kecewa, putus asa dan hampa. Tanpa sifat sabar seorang manusia akan mudah kehilangan arah hidupnya dan lemah jiwynya.⁵⁵ Sifat sabar akan mampu menjadikan jiwa seseorang dekat kepada Allah swt. Rasulullah saw sangat sabar dalam merubah kemungkaran dan memerintahkan hal yang ma'ruf. Beliau selalu memperhatikan akibat yang akan terjadi dari penyampaian amar ma'ruf nahi munkar tersebut. Jika sekiranya dari penyampaian tersebut akan menimbulkan kemudharatan, maka beliau akan menahan diri untuk tidak melakukannya, dan meunggu masa yang sesuai untuk menyampaikannya.⁵⁶

Sabar menjadi tanda kesempurnaan ilmu pengetahuan. Perkataan yang lemah lembut menjadi anak kunci segala hati. Hati seorang pendakwah yang memiliki sifat sabar akan sentiasa tenang dan tidak mudah dikuasai oleh perasaan marah, tidak tergesa-gesa dan sentiasa bertindak dengan waras dan wajar, bermanis muka dan sentiasa senyum.⁵⁷ Pendakwah hendaklah sanggup menerima kesusahan dan jangan bosan meneruskan dakwah sekalipun menemui pelbagai rintangan, kesusahan dan bencana. Allah akan sentiasa bersama dengan orang-orang yang sabar, pertolongan

⁵⁴ Mohd Amin Abdul Rahim (2001), *op.cit.*, hal. 45

⁵⁵ Mohd. Yusoff (1995), *Bimbingan Akhlak Mulia Yang Murni dan Terpuji Untuk Setiap Muslim*. Kuala Lumpur: Penerbit Jasmin Enterprise, h. 35

⁵⁶ Abdurrahman Isa As-Salim (2001), *Manajemen Rasulullah (Dalam Berdakwah)*. Jakarta: Penerbit Pustaka Azzam, h. 21

⁵⁷ Ghazali Darusalam (1996), *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Publications dan Distributors Sdn.Bhd, h. 42

Allah akan sentiasa datang terhadap orang-orang yang sabar dalam menegakkan ajaran Islam. Seorang pendakwah tidak akan berjaya melainkan dengan sabar dan tetap dengan pendiriannya.

Sabar bergantung kepada dua fakta penting, iaitu :⁵⁸

1. Sabar terkait dengan tabiat hidup di dunia. Sesungguhnya Allah tidak menjadikan dunia ini sebagai tempat pembalasan dan tempat tinggal yang kekal abadi. Malahan dijadikan sebagai tempat ujian dan cubaan. Tempoh yang dihabiskan manusia di dunia ini merupakan tempoh bagi menjalani ujian. Ujian yang dihadapi manusia bukan berupa perkataan tertulis dan dialog yang diatur malahan ia dari jenis kesakitan yang menimpa badan dan perasaan takut dan bimbang di hati.
2. Sabar terkait dengan hakikat iman. Iman merupakan pertalian hamba dengan TuhanNya, oleh itu, ujian dan cubaan yang dihadapi manusia merupakan proses untuk menguji iman seseorang hambaNya. Iman yang diuji adalah iman yang teguh dan kukuh. Seorang itu diuji dengan kekuasaan, kedudukan, harta bendanya dan keseronokan dunia yang palsu. Sesungguhnya kekuatan umat terletak kepada iman yang mendalam bukan terletak pada jumlah besar, pangkat serta harta benda yang banyak tetapi ianya terletak pada ketahanan iman menerusi ujian di dalam hidup.⁵⁹

Untuk itu seorang pendakwah hendaklah melatih dirinya di atas kesabaran dari berbagai ujian dan cubaan yang datang, sehingga perjalanan dalam menjalankan dakwah dapat berkesan dan membawa manfaat kepada semua umat.

⁵⁸ Muhammad Al-Ghazali (1980), *Pekerti Muslim*. (Terj.) Ismail B.Mohd. Hassan, Siri 2, Kuala Lumpur: Penerbit Yayasan Islam Trengganu, h. 95

⁵⁹ Mohd. Rumaizuddin Ghazali (2003), *Panduan Berdakwah Kontemporari*. Pahang: Penerbit PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd, h. 90

2.2.7. Sederhana Dalam Sikap dan Perbuatan

Tinggi rendahnya kedudukan seseorang ulama terletak pada sifat berpada-pada yang ada pada dirinya dan sikapnya berpada-pada dengan dunia ini. Begitu juga dengan tunjuk ajar yang telah diberikannya, sama ada mereka menerima atau menolaknya, mempercayai ataupun sebaliknya. Pendakwah yang mencintai dunia akan mendorong orang lain supaya mencintai seperti dirinya. Apabila keadaan ini berlaku, maka dia akan menjadi perosak dunia dan bukannya orang yang memperbaikinya.

Islam mengandungi berbagai bimbingan yang terkait dengan kehidupan khusus orang-orang Islam yang bertujuan untuk mengatur soal-soal jasmani dan kejiwaan yang diletakkan dalam asas yang baik, iaitu tatasusila yang berhubung dengan makan minum, pakaian, rumahtangga serta semua yang menjadi cita-cita dan idamannya dalam kehidupan ini, agar ia tidak mirip kepada kehidupan secara rahib yang melulu dan tidak pula terjerumus kepada kehidupan kebendaan yang rakus.⁶⁰ Ini merupakan kehidupan yang bercorak pertengahan dan sederhana.

Kesederhanaan dalam sikap dan perbuatan ini, akan melahirkan sikap ‘tawadhu’, yang boleh membawa kepada kerendahan hati dan kesucian jiwa. Gerakan dakwah yang didasari oleh sikap kesederhanaan ini akan mampu memberikan teladan kepada orang-orang yang didakwah, sehingga gerakan dakwah akan menjadi lebih berkesan dan mampu diterima oleh masyarakat.

⁶⁰ Muhammad Al-Ghazali (1994), *Peribadi Muslim*. (Terj.) Osman bin Haji Khalid, Kuala Lumpur: Penerbit Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, h. 289

2.2.8. Berani Kerana Benar

Seseorang pendakwah hendaklah berani dan tidak gentar kepada sesiapa melainkan Allah untuk mengemukakan yang benar. Juga tidak terhalang kerana dicaci dan dicela demi menyampaikan pengajaran agama Allah, disamping itu juga tidak pula mahu diampu dan tidak berdiam diri melihat kemungkaran. Keberanian adalah penggerak semangat berjuang yang tidak pernah padam, dan pendorong di dalam mengambil tindakan yang positif, serta membuat aksi perjuangan yang konsekuensi.

Tanpa memiliki keberanian, perjuangan dakwah tidak dapat berjalan dengan lancar, bahkan akan menemui kegagalan. Seorang pendakwah sebagai pejuang dijalankan Allah, penegak kebenaran dan keadilan wajib memiliki keberanian dan semangat perjuangan yang dinamik, tidak mengenal rasa takut dalam menghadapi setiap halangan.⁶¹ Keberanian menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran menjadi salah satu kunci keberhasilan dakwah Islamiah.

Islam memerintahkan manusia agar mengamalkan sifat benar, dan mereka yang mengamalkan sifat ini adalah orang-orang yang suka berbuat kebajikan serta taat kepada Allah dan rasulNya.⁶² Islam mempunyai pedoman yang jelas dan tegas serta sistem yang mudah untuk memperoleh kebenaran serta melaksanakan amal kebajikan yang memberi jaminan akan mengangkat martabat manusia ke tingkat yang sempurna dan mulia.⁶³ Keberanian menegakkan kebenaran, dan keberanian untuk mencegah

⁶¹ Farid Ma'ruf Nor (1981), *Dinamika dan Akhlak Da'wah*. Surabaya: Penerbit PT. Bina Ilmu, h. 151

⁶² Haji Johari Haji Alias (1990), *Mencari kesempurnaan Hidup*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 82

⁶³ Muhammad Uzair Al Aziz (1995), *Islam Penyubur Jiwa dan Pendidikan Akhlak Manusia*. Kuala Lumpur: Penerbit Era Ilmu Sdn. Bhd, h. 76

kemunkaran merupakan satu sikap yang harus dimiliki oleh pendakwah dalam menjalankan misi dakwah Islamiah.

2.2.9. Tidak Menyembunyikan Ilmu

Ilmu pengetahuan mempunyai kedudukan yang amat istimewa dalam ajaran Islam, para ilmuan diberi kedudukan yang tinggi dalam hierarki sosial Islam sehingga mereka dianggap sebagai pewaris para nabi.⁶⁴ Ilmu pengetahuan adalah kunci penjelas pelbagai kecenderungan kehidupan manusia dan masyarakat. Oleh itu, pelbagai permasalahan dunia Islam harus dijelaskan dalam telaah mengenai ilmu pengetahuan yang berkembang dalam masyarakat.⁶⁵ Bakhil dengan ilmu itu suatu dosa. Kiranya orang-orang dahulu kala bakhil dengan ilmu pengetahuan tentu sekali pendakwah-pendakwah masa kini tidak mempunyai ilmu pengetahuan.⁶⁶ Seseorang pendakwah tidak bakhil untuk memberi pelajaran yang baik dan memberi apa yang dia tahu.

Allah swt menyuruh setiap muslim supaya terus menerus menuntut ilmu dan Dialah yang meninggikan darjah ulama, mereka diberi keutamaan kerana keimanan dan ilmu pengetahuan yang mereka miliki.⁶⁷ Para salafussalih, walaupun telah mencapai darjah ilmiah yang tinggi dan agung namun mereka tidak berhenti-henti dari berusaha menambah ilmu pengetahuan. Tanpa henti dan jemu belajar dan mereka terus menerus

⁶⁴ Muhammad Yusuf Khalid (2005), *Isu Dakwah dan Kemanusian Dalam Era Globalisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Kolej Universiti Islam Malaysia, h. 93

⁶⁵ Abdullah Muhammad Zin *et.al.* (1998), *Prinsip dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 190

⁶⁶ Wan Hussein Azmi (1988), *op.cit.*, h.19

⁶⁷ Mohd. Ali Hashimi (1987), *Keperibadian Muslim*. (Terj.) Taher Daeng Mengati, Cet. Ketiga, Kuala Lumpur: Penerbit Pantai Salam, h. 69

mencari ilmu pengetahuan hingga ke akhir hayat mereka. Mereka memandang bahwa ilmu itu hidup dan berkembang terus dengan cara belajar dan membaca.⁶⁸

Islam sangat mendorong umatnya supaya mencari sebanyak mungkin ilmu pengetahuan termasuk ilmu yang berguna untuk kehidupan manusia. Rasulullah juga turut merangsang umatnya supaya mencari ilmu dan menguasainya, kerana ilmu merupakan punca kemajuan dan pembangunan sesuatu bangsa serta boleh mendatangkan kebahagian hidup dan taqwa.⁶⁹ Dengan demikian, para pendakwah seharusnya melapangkan jiwa untuk menggali dan mempelajari ilmu pengetahuan dengan sepenuh hati dan fikiran, agar dapat menghidangkan berbagai santapan yang lazat dan menjadi ubat bagi jamaah.⁷⁰ Oleh itu, seorang pendakwah hendaklah sentiasa menuntut ilmu dan juga mengajarkannya kepada orang lain.

2.2.10. Berhemah Tinggi dan Mulia Diri

Tidak puas hati dengan perkara besar yang belum sampai kepada kesempurnaan dan menjauhkan diri daripada perkara hina serta marah kepada dirinya pada masa dirinya kekurangan sama ada pengetahuan atau jasa. Seorang pendakwah hendaklah bersifat tenang, tidak banyak bercakap perkara yang tidak perlu, tertib dalam gerak-geri, tidak tergesa-gesa, menjaga perkataan, tidak gopoh, memelihara diri daripada sendau gurau yang tidak sopan serta tidak bergurau dengan perkara yang boleh menghilangkan kehebatan diri.

⁶⁸ *Ibid.*, h. 71

⁶⁹ Wan Yahya Wan Ahmad (1998), “Al-Quran dan Ilmu” Dalam *Al-Manar*. Bil. 3, Edisi Julai-Disember 1998, Kuala Lumpur: Penerbit Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, h. 39

⁷⁰ Yusuf al-Qarađawi (2000), *Tazkirah Para Pendakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Al-Hidayah Publishers, h. 10

Sifat berhemah tinggi ini akan menjadikan seorang pendakwah memiliki keperibadian dan akhlak yang mulia, sehingga akan lahirlah pendakwah yang mampu memelihara diri, bersedia mendengar segala pertanyaan dan berhati-hati ketika menjawab, dan menghindari perkataan yang buruk, menghindari perbuatan yang tidak bermanfaat, serta bergaul dengan orang-orang yang shaleh.

Islam menyarankan kemuliaan kepada seorang muslim dengan menjelaskan bahawa keunggulan adalah di dalam taqwa, ketinggian adalah di dalam ibadah dan kemuliaan itu ialah di dalam mentaati Allah.⁷¹ Islam merupakan agama yang mengandung setiap bentuk pendidikan diri untuk merubah kebiasaan hidup yang buruk dan tercela ke arah hidup yang baik dan terpuji. Ia mengangkat kebudayaan manusia menjadi beradab, sopan santun, kasih sayang, berani, berilmu dan bersusila.⁷² Seorang muslim yang menyedari demikian serta melakukannya dengan sepenuhnya tanpa sebarang kekurangan akan membawa kepada kehidupan yang tinggi lagi mulia.

Demikian sifat-sifat yang perlu dimiliki oleh pendakwah, dengan adanya sifat-sifat seperti yang dikemukakan di atas, maka akan lahirlah pendakwah yang ideal yang mampu memberi teladan kepada masyarakat, mampu menghadapi cabaran dakwah di masa hadapan, serta mampu membawa perubahan yang berkesan kepada seluruh umat manusia.

⁷¹ Muhammad Al-Ghazali (1994), *op.cit.*, h. 415

⁷² Ali Munawar (1970), *Intisari Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Menara, h. 1

2.3. Peranan Pendakwah

Pendakwah merupakan pewaris nabi yang membawa tugas meneruskan perjuangannya, menerima cabaran seperti yang telah dialami oleh nabi tersebut. Kerana perintah kepada nabi bererti perintah kepada umatnya, maka disinilah tugas dan tanggungjawab pendakwah, iaitu melaksanakan apa yang telah diwariskan nabi kepadanya.⁷³ Nabi sendiri diutus oleh Allah swt untuk semua umat manusia dan menjalankan tugas kerasulannya. Sedangkan fungsi dan tugas nabi telah dijelaskan oleh Allah swt dalam firmanya, iaitu :

يَأَيُّهَا أُلْيَّاً إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَهِيدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا وَدَاعِيًا إِلَى
اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُّنِيرًا

Maksudnya :

Wahai nabi, sesungguhnya Kami telah mengutus kamu sebagai saksi, pembawa berita baik dan memberi amaran. Dan sebagai seorang yang mengajak kepada Allah dengan Din-Nya, dan sebagai lampu yang memancarkan cahaya.

(Surah Al-Ahzab : 45-46)

Dalam ayat diatas menerangkan tentang tugas junjungan kita Nabi Muhammad saw tugas-tugas yang disebutkan di dalam ayat di atas ialah :⁷⁴

1. Rasulullah sebagai saksi
2. Rasulullah sebagai pembawa berita yang baik.
3. Rasulullah sebagai pemberi amaran.

⁷³ Said bin Ali Al-Qaithani (1994), *Da'wah Islam Da'wah Bijak*. (Terj.) Masykur Hakim, Jakarta: Penerbit Gema Insani Press, h. 97

⁷⁴ *Ibid*

4. Rasulullah sebagai seorang yang mengajak kepada Allah.
5. Rasulullah sebagai lampu yang memancarkan cahaya.

Jika kehidupan Rasulullah saw merupakan *standard (uswatun hasanah)* bagi umatnya, maka tentu hal inipun berlaku dalam dakwah Islam. Dari contoh teladan ini maka akan timbul semangat untuk mencontohi Rasulullah saw.⁷⁵ Maka dari ayat tersebut di atas, pengkaji telah menghuraikan peranan Rasulullah kepada peranan yang dimainkan oleh pendakwah dalam berdakwah dengan mengikuti contoh teladan Rasulullah saw iaitu :

2.3.1. Peranan Pendakwah Sebagai Saksi

Jika dalam surah Al-Ahzab ayat 45-46 di atas Allah mengatakan bahawa Rasulullah sebagai saksi maka para pendakwah juga secara tidak langsung adalah sebagai saksi kepada sasarnya. Ini kerana para pendakwah merupakan penyambung kepada tugas Rasulullah saw. Rasulullah saw. diutuskan sebagai saksi kepada seluruh umat manusia mengenai kebenaran agama yang telah dikaburkan oleh kejahilan atau kepercayaan karut di kalangan manusia, atau pertelingkahan fahaman. Baginda tidak diutuskan untuk membawa suatu agama baru atau fahaman yang baru. Sebaliknya baginda diutus untuk mengajar agama sebenar. Baginda juga adalah saksi kepada Allah swt mengenai apa yang dilakukan oleh manusia dan bagaimana mereka menerima risalah Allah.⁷⁶ Firman Allah :

⁷⁵ Thomas W. Arnold (1977), *Sejarah Da'wah Islam*. (Terj.) Nawawi Rambe, Jakarta: Penerbit Fa. Widjaya, h. 10

⁷⁶ Abdullah Muhammad Zin (1998), *op.cit.* h. 101

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ

وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

Maksudnya :

Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam) umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas perbuatan kamu.

(Surah Al-Baqarah : 143)

Bagi seorang pendakwah, mereka juga merupakan saksi atas segala yang telah dilakukan oleh sasarannya. Seorang pendakwah haruslah mengenali perbuatan sasarannya. Ini kerana mereka dipertanggungjawabkan untuk mengajak sasarannya melakukan kebaikan dan meninggalkan segala larangan.⁷⁷ Semua perbuatan yang dilakukan oleh sasaran khususnya kejahatan akan diletakkan di atas bahunya sekiranya pendakwah tersebut tidak mengambil peduli atau melarang mereka dari melakukannya. Adalah menjadi satu dosa yang besar bagi pendakwah sekiranya mereka melihat sahaja kemungkaran yang dilakukan oleh sasarannya. Adalah menjadi munasabah Allah meletakkan dosa-dosa mereka itu ke atas bahu pendakwah kerana mereka mengetahui keburukan tersebut tetapi tidak melarangnya. Semua ini dilakukan kerana kemungkarankemungkaran yang dilakukan itu akan membawa kepada kerosakan yang amat besar.

Namun begitu, Allah itu maha adil kerana segala kebaikan yang disebarluaskan oleh pendakwah pula ganjarannya juga akan diperolehi bersama. Ini adalah sebagai salah satu motivasi kepada para pendakwah untuk menyebarkan dakwah kepada seluruh

⁷⁷ Ahmad Mushthafa Al-Maraghi (1989), *Tafsir Al-Maraghi* 22. (Terj), K. Anshori Umar Sitanggal, Semarang: Penerbit Toha Putra, h. 29

umat manusia secara bersungguh-sungguh. Allah juga mensyaratkan agar dakwah dilaksanakan dengan hati ikhlas, lisan dan perbuatan juga harus selari, serta rela mengorbankan harta dan jiwa.⁷⁸ Pendakwah mestilah terus menerus melakukan proses dakwah untuk merubah sasaran dakwah kepada kehidupan yang Islami.⁷⁹ Atas dasar tangungjawab saksi yang diberikan kepada para pendakwah, maka tidak boleh tidak para pendakwah seharusnya menyuruh kepada kebaikan dan melarang dari melakukan kemungkaran. Semua ini dilakukan supaya mereka tidak akan dipersoalkan di akhirat kelak.

2.3.2. Peranan Pendakwah Sebagai Pembawa Berita Yang Baik

Seperti Rasulullah, pendakwah juga berperanan sebagai pembawa berita baik kepada sasarannya. Pendakwah seharusnya memberi khabar berita gembira kepada sasarannya dengan menyatakan bahawa mereka akan diberikan nikmat sekiranya melakukan apa yang disuruh. Selain itu pendakwah mesti menyatakan kegembiraan bagi mereka bahawa Allah akan mengampuni dosa mereka sekiranya mereka bertaubat dan balasannya keselamatan di dunia dan di akhirat, dengan itu tempat selayaknya ialah syurga.⁸⁰

Pendakwah hendaklah menggembirakan hati sasarannya dengan memberi harapan kepada mereka bahawa jika mereka menuruti dan mematuhi apa yang disampaikan oleh rasul sebagai wahyu dari Allah maka balasannya adalah nikmat

⁷⁸ Amin Ahsan Ishlahi (1986), *Metode Dakwah Menuju Jalan Allah*. (Terj.) Mudzakir As et.al., Singapura: Pustaka Nasional Pte.Ltd, h. 28

⁷⁹ Mohd Radhi Ibrahim et.al. (2003), *Intelektualisme & Da'wah Masa Kini*. Kuala Lumpur: Fakulti Kepemimpinan dan Pengurusan Kolej Universiti Islam Malaysia, h. 44

⁸⁰ Hamka (t.t), *Tafsir Al-Azhar*. Singapura: Penerbit Pustaka Nasional Pte Ltd, h. 5745

syurga di akhirat kelak. Kehidupan di alam akhirat sesungguhnya mempunyai tujuan yang lebih besar, iaitu pemberian balasan terhadap perbuatan di dunia.⁸¹ Dalam menarik sasaran, yang paling utama bagi seorang pendakwah ialah mendahulukan dakwah mereka dengan berita yang menggembirakan. Kaedah ini amat penting dilakukan oleh para pendakwah apabila berhadapan dengan orang yang baru memeluk Islam. Ini kerana kebanyakan dari mereka apabila memeluk Islam, hubungan dengan keluarganya kurang begitu baik. Oleh itu, pendakwah hendaklah membawa berita gembira bagi mereka agar mereka tidak merasa menyesal apabila memeluk Islam, dengan cara ini dapatlah para pendakwah menjinakkan hati mereka.

Inilah perkara yang kerap kali dilupakan oleh para pendakwah. Apabila orang datang menanyakan sesuatu soal agama, mereka memberikan gambaran yang sukar dan menakutkan.⁸² Seperti yang diketahui, bagi mereka yang baru memeluk agama Islam, sudah tentu mereka menginginkan sesuatu yang lebih baik dari apa yang mereka ada sebelumnya. Oleh itu para pendakwah tidak seharusnya menyepit atau menakutkan mereka dengan berita yang menakutkan dan menyedihkan. Khabarkan kepada mereka berita gembira yang akan memberi mereka semangat untuk terus berada di dalam Islam. Proses penjinakan hati ini memakan masa yang agak lama. Oleh itu pendakwah haruslah berusaha dalam mencapai kejayaan ini dengan selalu menyampaikan berita yang menggembirakan mereka. Di sini dapatlah dibuat kesimpulan bahawa berita gembira itu merupakan aspek terpenting dalam proses untuk memulakan dakwah. Ia bukan hanya untuk orang yang baru memeluk Islam bahkan orang yang sudah lama memeluk Islam juga suka kepada sesuatu yang menggembirakan.

⁸¹ Waheeduddin Khan (1982), *Islam Menjawab Tantangan Zaman*. (Terj.) A. Rofii, Surabaya: Penerbit PT. Bina Ilmu, h. 93

⁸² Hamka (1982), *Prinsip dan Kebijaksanaan Dakwah Islam*. Jakarta: Penerbit Umminda, h. 63

2.3.3. Peranan Pendakwah Sebagai Pemberi Amaran

Amaran yang dimaksud di sini ialah ancaman atau peringatan. Umumnya pemberi amaran ini hanya bagi nabi dan rasul-rasul sahaja, tetapi sekiranya pengutusan rasul dan nabi telah berhenti, pemberi amaran atau ingatan ini tidak boleh berhenti. Dengan itu setelah wafatnya Rasulullah saw. maka para pendakwahlah yang menjadi pelangsung kepada tugas tersebut.⁸³ Amaran yang perlu diberikan oleh pendakwah kepada sasarannya ialah amaran kepada siapa yang tidak mahu menerima kebenaran Ilahi. Mereka ini mempersekutukan Allah dengan yang lain, takbur, suka menganiaya sesama makhluk dan lain-lain lagi.

Selain itu amaran atau ancaman haruslah diberikan kepada mereka yang berbuat dosa-dosa besar dan terus-menerus membuat kejahanan dengan tidak pernah bertaubat.⁸⁴ Amaran atau ancaman yang harus mereka terima ialah balasan neraka dan azab yang pedih di akhirat kelak. Sebagai orang yang berilmu, pendakwah wajib menjalankan tugas dakwah kepada orang-orang yang bodoh dan lalai. Mengenalkan mereka apa yang wajib ke atas diri mereka, dan mendorong mereka untuk belajar terhadap apa yang tidak mereka ketahui.⁸⁵

Jika diimbas kembali pada zaman Rasulullah saw dahulu, baginda diperintahkan supaya menyampaikan amaran daripada Allah kepada orang musyrikin Mekah. Ini kerana orang musyrikin semakin hanyut melakukan amalan-amalan syirik yang terpesong daripada tatasusila kehidupan yang mulia. Mereka hidup dalam suasana

⁸³ *Ibid.*, h. 64

⁸⁴ Hamka (t.t), *op.cit.*, hal. 5745

⁸⁵ Imam Habib Abdullah Haddad (2000), *Dakwah Yang Sempurna Peringatan Yang Utama*. (Terj.) Syed Ahmad Semait, Singapura: Pustaka Nasional Pte.Ltd, h. 33

kejahilan dengan melakukan amalan-amalan jahiliyah seperti berzina, menipu, merompak dan sebagainya. Ajaran Islam yang berteraskan tauhid yang disampaikan oleh Rasulullah saw telah berjaya mencetuskan suatu tamadun yang tinggi, walaupun asalnya orang-orang jahiliyah adalah orang-orang yang ganas, nomad dan tidak bertamadun.⁸⁶ Amaran merupakan salah satu ciri penting dalam proses penyebaran dakwah Islamiah. Ia adalah satu peringatan bagi mereka yang lalai dan sesat dari petunjuk Ilahi. Dengan adanya pemberi amaran, mereka yang lalai akan menyedari kesilapannya.

Para pendakwah memberikan amaran kepada golongan sesat agar mereka memperhatikan dan memikirkan tentang amaran Allah terhadap mereka dengan gambaran azab yang pedih. Azab ini akan tertimpa kepada mereka sekiranya tidak mahu beriman dengan Allah dan rasul-Nya. Selain daripada azab yang pedih amaran juga boleh diberikan dengan mengatakan bahawa dunia ini tidaklah kekal dan akan musnah apabila sampai waktunya. Yang kekal ialah kehidupan di akhirat yang akan bergantung pada amalan di dunia ini dan kehidupan akhiratlah yang paling penting.⁸⁷

Justeru itu amaran memainkan peranan penting dalam mengubah kedudukan manusia ke jalan yang direndai oleh Allah. Ia merupakan satu rahmat yang dapat membantu manusia menghindarkan diri dari terus terjerumus dalam kehidupan yang hina dan beralih kepada satu kehidupan yang diberkati dan direndai-Nya di dunia dan akhirat. Dengan itu adalah penting bagi pendakwah agar mempraktikkan cara ini, selain

⁸⁶ Mustaffa Kamil Ayub (1994), *Menangani Cabaran: Membina Kecemerlangan Tamadun Ummah*. Petaling Jaya: Penerbit Budaya Ilmu Sdn. Bhd., h. 14

⁸⁷ Abdullah Muhammad Zin (1998), *op.cit.*, h. 102

dari membawa berita gembira, cara ini berkesan bagi mereka yang berterusan melakukan kejahanan dan kemungkaran.

2.3.4. Peranan Pendakwah Mengajak Manusia Kepada Jalan Allah

Setelah pendakwah berperan sebagai saksi dan kemudian sebagai pembawa khabar berita gembira seterusnya sebagai pemberi amaran, pendakwah juga berperanan mengajak manusia kepada jalan Allah. Pendakwah menyeru manusia kepada jalan Allah dengan mengakui tentang ke-Esaan Allah dan segala yang wajib bagi-Nya seperti sifat-sifat kesempurnaan. Selain itu pendakwah haruslah menyeru seluruh manusia agar menyembah Allah dan melakukan segala perkara yang boleh mendekatkan diri kepada-Nya sama ada dalam keadaan rahasia mahupun terang-terangan.⁸⁸ Setiap kebangkitan suatu golongan atau suatu bangsa, mestilah ada para pendakwah yang menyeru kepada kebenaran. Dan apabila suatu bangsa sudah tidak mempunyai nilai-nilai kebenaran dan kehilangan orang-orang untuk menyeru kepada kebenaran, maka bangsa tersebut telah kehilangan kekuasaan dan maruah diri.⁸⁹

Pendakwah mempunyai hak untuk mengajak manusia supaya bertaubat dan mendapatkan keampunan bagi segala dosa. Maka setiap pendakwah menyampaikan agama Islam adalah dengan kebenaran dan perintah Allah. Seorang pendakwah dituntut agar setiap amal perbuatannya mengarah kepada tujuan untuk menegakkan dakwah Islam.⁹⁰ Oleh itu pendakwah tidak perlu menunggu kebenaran atau perintah sesiapa pun sama ada pemerintah, kementerian, yayasan, majelis agama, jabatan, pusat, badan, ketua dan sebagainya.

⁸⁸ Ahmad Mushthafa Al-Maghribi (1989), *op.cit.*, h. 30

⁸⁹ Sayid Sabiq (1981), *Unsur-Unsur Dinamika Dalam Islam*. (Terj.) Haryono S. Yusuf, Jakarta: Penerbit PT. Intermasa, h. 23

⁹⁰ Abdurrahman Al-Baghdadi' (t.t), *Menghayati Dakwah Rasulullah di Era Globalisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Serambi Timur Sdn. Bhd., h. 70

Pada zaman *al-Anbiya* terdahulu mereka berdakwah kepada kaumnya untuk mentauhidkan semata-mata tidak meminta kebenaran dari orang lain selain Allah. Contohnya nabi Adam tidak pernah meminta izin sesiapa malah syaitan sentiasa menghalangnya. Begitu juga nabi Nuh yang menyeru kaumnya dan memecahkan berhala dan nabi Musa yang menyeru Bani Israil tanpa meminta kebenaran Firaun. Seterusnya nabi junjungan kita Muhammad saw. ketika berdakwah pada umat manusia juga tidak meminta kebenaran dari sesiapa semua ini dilakukan atas izin Allah.⁹¹ Seperti Rasulullah dan nabi-nabi terdahulu, maka pendakwah juga tidak melakukan hal ini daripada kewibawaannya sendiri tetapi dengan izin dan kewibawaan yang telah diberikan oleh Allah. Hal ini supaya sasaran tidak menganggap pendakwah sebagai Tuhan. Pendakwah hanyalah sebagai pembimbing kepada jalan yang benar dan membantu ke arah tersebut.⁹²

Di sini dapat dilihat dengan jelas bahawa segala pengalaman yang ditempuh di dalam hidup ini bagaimana sekalipun baik dan jelas tujuannya, jika Allah tidak mengizinkan tidaklah tercapai. Semua ini mengandungi rasa hormat kepada Ilahi kerana manusia hanya berikhtiar sedangkan yang menyempurnakan dan menghasilkannya hanyalah Allah. Oleh itu adalah penting bagi pendakwah agar berdoa kepada Allah agar pekerjaan dakwah ini dipermudahkan dan dibimbing kepada jalan yang lurus.⁹³ Menyeru manusia kepada jalan Allah bukanlah perkara yang mudah tetapi ianya merupakan tanggungjawab yang tidak boleh ditinggalkan begitu sahaja.

⁹¹ Mohd. Noor Idris (1986), *Adakah Berdakwah Perlukan Tauliah*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Ikhman, h. 6

⁹² Abdullah Muhammad Zin (1998), *op.cit.*, h. 102

⁹³ Hamka (t.t), *op.cit.*, h. 5746

2.3.5. Peranan Pendakwah Sebagai Lampu Yang Memancarkan Cahaya

Pendakwah ini Allah umpamakan peranan mereka seperti lampu yang memancarkan cahaya. Dari pendakwah inilah orang-orang yang sesat dalam kegelapan dan kebodohan dapat mencari cahaya iaitu petunjuk sehingga mereka dapat menempuh jalan-jalan kebenaran dan kebahagiaan.⁹⁴ Rasulullah diutuskan sebagai lampu atau cahaya oleh Allah untuk menerangi seluruh dunia. Cahaya Islam ialah satu rahmat yang terbesar dan jika mereka memahaminya benar-benar mereka akan menyanjunginya.⁹⁵

Bagi memalapkan cahaya agama Islam ini, pendakwah haruslah memainkan peranan penting dan berusaha bersungguh-sungguh dalam kerja dakwah. Mereka harus mencontohi Rasulullah yang dalam hidup baginda, jalan yang baginda tempuh, keimanannya, keyakinan, kebenaran apa yang diseru, sikap dan sejarah baginda bagaikan cahaya yang terang benderang. Semakin bertambah musuh yang cuba memadamkan cahayanya, semakin bertambah sinar cahaya memancar.⁹⁶ Ini dibuktikan apabila Rasulullah saw. diutuskan kepada umat yang ketika itu berada di dalam kerosakan dan kejahanan. Rasulullah telah diturunkan untuk memperbaiki akidah, adat, ibadat masyarakat dan melenyapkan bentuk jahiliyah dan perhambaan yang merosakkan kemanusiaan yang diwarisi sejak beberapa abad. Dengan terutusnya Rasulullah saw. semua ini telah berubah dan menjadikan manusia hidup di dalam keadaan yang beriman dan bertamadun. Walaupun mereka kuat berpegang pada agama nenek moyang mereka

⁹⁴ Ahmad Mushthafa Al-Maghribi (1989), *op.cit.*, h. 30

⁹⁵ Abdullah Muhammad Zin (1998), *op.cit.*, h. 102

⁹⁶ Hamka (t.t), *op.cit.*, h. 5746

namun dengan kedatangan Rasulullah semua ini dapat di lenyapkan.⁹⁷ Sehingga akhirnya mereka mendapat hidayah dan petunjuk dari Allah, dan menjadikan Islam sebagai panduan hidup.

Kelima-lima peranan pendakwah di atas sebenarnya memberikan garis-garis penting mengenai konsep, pelaksanaan dan matlamat dakwah. Sedangkan menurut Quraish Shihab, ada tiga peranan pendakwah yang harus dijalankan sesuai dengan tugas kenabian dalam membawa kitab suci, iaitu :⁹⁸

1. Peranan pendakwah sebagai penyampai ajaran-ajaran Tuhan sesuai dengan perintahNya, yang terdapat dalam firmanNya, iaitu :

يَأَيُّهَا أَلْرَسُولُ بَلَغْ مَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا
بَلَغَتْ رِسَالَتُهُ وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي

الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ

Maksudnya :

Hai rasul, sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu. dan jika tidak kamu kerjakan (apa yang diperintahkan itu, berarti) kamu tidak menyampaikan amanat-Nya. Allah memelihara kamu dari (gangguan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang kafir.

(Surah Al-Maidah :76)

2. Peranan pendakwah untuk menjelaskan ajaran-ajaran Tuhan, berdasarkan firmanNya, iaitu :

⁹⁷ Abd. Aziz Modh. Zin (1997), *op.cit.*, h. 102

⁹⁸ Quraish Shihab (1995), *Membumikan Al-Quran*. Bandung: Penerbit Mizan, h. 376

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْذِكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya :

Dan kami turunkan kepadamu Al Quran, agar kamu menerangkan pada umat manusia apa yang Telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkan.

(Surah An-Nahl : 44)

3. Peranan pendakwah untuk memutuskan perkara atau masalah yang dihadapi masyarakat berdasarkan firman Allah, iaitu :

كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ الْنَّبِيًّا مُبَشِّرًا وَمُنذِرًا
وَأَنْزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِيَحُكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِيمَا آخْتَلُفُوا
فِيهِ وَمَا آخْتَلَفَ فِيهِ إِلَّا الَّذِينَ أُوتُوهُ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُمُ الْبِيِّنَاتُ
بَغْيًا بَيْنَهُمْ فَهَدَى اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا لِمَا آخْتَلُفُوا فِيهِ مِنْ
الْحَقِّ بِإِذْنِهِ وَأَنَّ اللَّهُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Maksudnya :

Manusia itu adalah umat yang satu. (Setelah timbul perselisihan), Maka Allah mengutus para nabi, sebagai pemberi peringatan, dan Allah menurunkan bersama mereka Kitab yang benar, untuk memberi keputusan di antara manusia tentang perkara yang mereka perselisihkan. Tidaklah berselisih tentang Kitab itu melainkan orang yang telah didatangkan kepada mereka Kitab, iaitu setelah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang nyata, Karena dengki antara mereka sendiri. Maka Allah memberi petunjuk orang-orang yang

beriman kepada kebenaran tentang hal yang mereka perselisihkan itu dengan kehendak-Nya. Dan Allah selalu memberi petunjuk orang yang dikehendaki-Nya kepada jalan yang lurus.

(Surah Al-Baqarah : 213)

Sungguh tidak ringan peranan yang dilakukan oleh pendakwah, mereka harus sentiasa menyampaikan segala apa yang terdapat dalam al-Quran sebagai suatu kewajiban, juga harus dapat memberi penjelasan dan mengatasi masalah yang dihadapi masyarakat berdasarkan al-Quran.⁹⁹ Peranan pendakwah merupakan sebuah tanggungjawab yang besar yang berterusan, dimana pendakwah mesti menyerahkan masa, tenaga, harta benda dan bersama semua apa yang dimilikinya untuk meneruskan masa depan perjalanan dakwah Islamiah.¹⁰⁰ Dengan demikian, pendakwah harus menjadi pimpinan dalam masyarakat, meskipun peranan mereka tidak dapat menyamai prestasi nabi dalam memimpin umat, tetapi paling tidak mereka harus berusaha memberikan yang terbaik untuk masyarakat.¹⁰¹

Namun demikian para pendakwah merupakan komuniti manusia yang penuh dengan kelebihan dan kekurangan. Untuk dapat memberikan pelayanan dakwah dengan maksimum ditengah-tengah banyaknya perubahan dalam masyarakat sekarang ini, diperlukan kekuatan bersama daripada seluruh umat Islam.¹⁰² Dengan adanya kekuatan bersama yang dibangun seluruh umat Islam, maka para pendakwah akan tampak sebagai jamaah profesional yang mampu menghadapi berbagai persoalan yang sesuai dengan kesanggupan masing-masing. Demikian beberapa peranan pendakwah dalam melaksanakan penyiaran agama Allah kepada semua manusia.

⁹⁹ *Ibid.* h. 377

¹⁰⁰ Mustafa Masyhur (2004), *Jalan Da'wah Antara Keaslian dan Penyelewengan*. (Terj.) Mohd. Yusuf Ismail, Cet. Keempat, Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Pustaka Fajar, h. 107

¹⁰¹ Dawan Rahardjo (1993), *Intelektual Intelekvensia dan Perilaku Politik*. Bandung: Penerbit Mizan, h.186

¹⁰² Asep Saeful Muhtadi *et.al.* (2003), *Metode Penelitian Dakwah*. Bandung: Penerbit Pustaka Setia, h. 17

2.4. Konsep Pembangunan Ekonomi

Pembangunan ekonomi merupakan satu aspek kehidupan yang penting kepada manusia. Dari segi fizikal, manusia memerlukan bekalan makanan, pakaian, dan keselamatan untuk membolehkannya terus hidup sama ada sebagai individu atau sesebuah masyarakat. Kesemua keperluan ini diperoleh melalui aktiviti ekonomi. semakin besar populasi sebuah negara, sudah pasti semakin krusial sektor ekonomi negara tersebut. Atas alasan inilah sebahagian besar daripada negara yang ada pada masa kini menganggap bahawa pembangunan ekonomi adalah paling penting.¹⁰³ Pembangunan ekonomi dapat membantu negara mencapai matlamat pembangunan dan kemajuan yang lebih bermakna.

2.4.1. Konsep Pembangunan Ekonomi Menurut Perspektif Konvensional

Pembangunan ekonomi merupakan proses perpindahan ekonomi daripada kadar pertumbuhan per kapita yang rendah atau negatif ke satu tingkat ekonomi yang mana kadar pertambahan pendapatan per kapita bertambah secara berterusan dalam jangka masa panjang.¹⁰⁴ Pembangunan ekonomi mengikut tafsiran barat ialah suatu siri kegiatan ekonomi yang menyebabkan bertambahnya daya pengeluaran ekonomi pada keseluruhannya serta daya pengeluaran pekerja biasa, dan juga meningkatkan nisbah kaum pekerja berbanding dengan jumlah penduduk. Ia dipandang sebagai proses dinamik yang melibatkan perubahan struktur. Perubahan ini akan melahirkan kemajuan yang pesat dan berterusan. Prestasi ekonomi berkenaan dari segi sebenar dan potensi,

¹⁰³ Ahmad Shukri Mohd. Naim *et.al.* (2003), *Konsep, Teori, Dimensi dan Isu Pembangunan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, h. 179

¹⁰⁴ Amir Hussin Baharuddin (1984), *Siri Kumpulan Esei Ekonomi Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 701

yang biasanya diukur melalui per kapita benar. Perubahan ini juga meliputi tempoh masa yang agak panjang di mana inti sarinya terletak pada kemampuannya membolehkan sesuatu masyarakat itu mengawal dengan berkesan suasana ekonomi mereka supaya ia dapat membaiki mutu kehidupan.

Pembangunan ekonomi adalah sebagai satu proses yang dinamik dan berurutan. Perubahan dalam satu set faktor menyebabkan perubahan dalam set pemboleh ubah yang lain, yang mana boleh menghasilkan pertambahan pendapatan per kapita.¹⁰⁵ Mengikut ekonomi barat atau konvensional, pembangunan akan membawa implikasi kuantitatif dan kualitatif. Pembangunan ekonomi ialah perubahan-perubahan kuantitatif dan kualitatif kepada angkubah-angkubah ekonomi yang utama di peringkat makro atau agregat dan di peringkat mikro atau individu.¹⁰⁶ Angkubah-angkubah yang dimaksud itu ialah keluaran negara kasar dan per kapita, produktiviti pekerja, pendapatan per kapita, paras tabungan dan pelaburan, jurang pendapatan antara kelompok-kelompok masyarakat, ini semua dilihat secara kuantitatif.¹⁰⁷

Impak pembangunan barat adalah diukur dan dinilai berdasarkan pencapaian pembangunan secara lahiriyah sahaja. Aspek pencapaian kerohanian dan keimanan diabaikan dalam proses mencapai matlamat pembangunan. Ini adalah kerana pembangunan mengikut perspektif mereka merupakan satu angkubah yang harus dinilai berdasarkan analisis kualitatif dan kuantitatif.¹⁰⁸

¹⁰⁵ Robert E. Baldwin (1983), *Pembangunan dan Pertumbuhan Ekonomi*. (Terj.) Amir Hussin Baharuddin, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 23

¹⁰⁶ Ahmad Mahdzan Ayob (1989), *Perancangan dan Penilaian Projek Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1

¹⁰⁷ *Ibid*

¹⁰⁸ *Ibid.*, h. 2

Pembangunan ekonomi mengikut perspektif barat lebih menumpukan kepada aspek material berbanding aspek akhlak dan nilai.¹⁰⁹ Ini adalah kerana mereka menilai sesuatu kejayaan hanyalah berdasarkan kepada faktor kuantitatif. Aspek pemeliharaan kerohanian tidak di ambil kira dalam melaksanakan pembangunan. Falsafah ekonomi barat yang mendukung fahaman kapitalisme meletakkan aspek pencapaian keuntungan maksimum sebagai aspek terpenting manakala aspek keagamaan dipisahkan daripada ekonomi. Bagi mereka segala urusan duniawi tidak boleh di campur adukkan dengan urusan ukhrawi kerana pencampuran keduanya akan menghalang kemajuan, pemodenan dan pembangunan yang hendak dilaksanakan.

Berdasarkan perbincangan diatas dapatlah dirumuskan bahawa pembangunan dan kemajuan yang dicapai oleh masyarakat barat tidak boleh dikatakan pembangunan yang sebenar. Ini kerana pembangunan yang sejati dan tulen tidak akan menyebabkan berlakunya kehancuran dalam masyarakat, hilangnya nilai-nilai kemanusiaan dan merosotnya ketamadunan masyarakat dan negara. Keterangan ini disokong lagi dengan kenyataan yang dikemukakan oleh Teori Kehidupan Masyarakat Bandar¹¹⁰ oleh Ibn Khaldun¹¹¹ yang mengatakan bahawa kemajuan sains, teknologi, sastera dan kehidupan yang mewah di bandar akhirnya akan membawa kepada keruntuhan masyarakat bandar itu sendiri. Keruntuhan ini, katanya tidak dapat dielakkan dan ia berlaku dalam masa empat generasi.¹¹² Sedangkan kemajuan dan pembangunan yang dibawa oleh Islam adalah lebih menyeluruh dan lengkap di mana ia meliputi pemeliharaan kebajikan dan kesejahteraan manusia di dunia dan akhirat. Fahaman barat yang mengatakan bahawa

¹⁰⁹ Yusuf Al Qaradawi (1998), *Peranan Nilai dan Akhlak Dalam Ekonomi Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam, h. 80

¹¹⁰ Wan hashim Wan Teh (1984), *Petani dan Persoalan Agraria*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 6

¹¹¹ Ibn Khaldun atau nama sebenarnya ‘Abd al-Rahman ibn Muhammad ibn Abi Bakr Muhammad ibn al-Hasan ibn Khaldun merupakan sarjana dan ulama Islam yang terkenal dalam bidang falsafah sejarah dan sosiologi. Untuk keterangan lanjut, sila lihat dalam, “Visi (2003) : Majalah Kefahaman Islam,” Bil.37, Januari-Februari 2003, Kuala Lumpur: IKIM, h. 141

¹¹² *Ibid*

kemajuan kebendaan adalah asas yang menentukan keutuhan sesebuah tamadun adalah tidak tepat.

Oleh itu tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kemajuan dan pembangunan ekonomi yang dibawa oleh masyarakat barat dalam erti kata sebenarnya merupakan satu bentuk pembangunan yang mengundur kebelakang manakala pembangunan ekonomi Islam merupakan satu bentuk pembangunan yang membawa masyarakatnya maju kehadapan. Pembangunan ekonomi merupakan satu tahap dalam menentukan kemajuan sebuah negara. Sebuah negara akan dianggap maju jika mempunyai tahap pembangunan ekonomi yang tinggi. Sebaliknya, anggapan yang bertentangan pula akan diberikan seandainya tahap pembangunan ekonomi sebuah negara itu agak lambat dan ketinggalan.

Secara amnya, pembangunan mempunyai konsep yang komprehensif dan cukup luas, yang melibatkan proses menyusun dan mengorientasikan semula sistem ekonomi dan sosial yang termasuk didalamnya pertambahan pendapatan dan pengeluaran, aspek perubahan institusi sosial, struktur pentadbiran, pendapat umum, adat resam dan kepercayaan.¹¹³ Pembangunan bukan berlaku hasil daripada proses evolusi yang spontan, sebaliknya pembangunan perlu dirancang secara sedar dan sengaja untuk mencapai matlamat yang diinginkan.

Pembangunan ekonomi merupakan suatu proses pembangunan yang berterusan dengan berlakunya peningkatan pengeluaran dan pendapatan negara. Peningkatan pengeluaran pula perlu seimbang dengan kebijakan rakyat seperti

¹¹³ Rahimah Abdul Aziz (2001), *Pengantar Sosiologi Pembangunan*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 58

penyediaan makanan, perumahan yang baik, pembasmian penyakit dan kemiskinan serta meninggikan taraf hidup masyarakat.¹¹⁴ Pembangunan ekonomi merupakan suatu proses yang menyebabkan pendapatan per kapita penduduk meningkat dalam jangka panjang.¹¹⁵ Dan juga dapat menaikkan taraf hidup penduduk.

a. Faktor-Faktor Pembangunan Ekonomi

Pembangunan ekonomi dapat dicapai berdasarkan beberapa faktor, iaitu :¹¹⁶

- i. Sumber Alam. Sumber alam yang dimiliki sangat mempengaruhi pembangunan ekonomi sebuah negara. Sumber alam yang dimaksud disini iaitu sumber-sumber seperti hasil galian, hasil laut, tanah yang subur untuk bercucuk tanam dan aktiviti penternakan adalah merupakan bahan yang penting dalam pembangunan ekonomi.
- ii. Tenaga manusia. Tenaga manusia juga merupakan penentu keberhasilan pembangunan ekonomi, kerana sumber-sumber alam yang sedia ada memerlukan tenaga manusia untuk memanfaatkannya. Jumlah dan kualiti tenaga manusia akan menjadi potensi utama dalam menjalankan pembangunan.
- iii. Modal. Modal juga amat perlu dalam proses pembangunan. Ini kerana pengeluaran sumber memerlukan modal untuk mengusahakannya. Begitu juga dengan tenaga manusia, sudah pasti memerlukan biaya dalam menguruskan sumber tersebut. Modal merupakan aset yang digunakan untuk membantu pengeluaran aset yang berikutnya. Tanpa modal, pengeluaran secara berskala besar dalam dunia industri

¹¹⁴Lim Meng seng (1979), *Pembangunan Ekonomi Dalam Pembangunan dan Masalah Ekonomi*. Kumpulan Rencana Pilihan Dewan Masyarakat 1962-1972, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 4

¹¹⁵Sadono Sukirno (1985), *Ekonomi Pembangunan, Proses, Masalah dan Dasar Kebijakan*. Jakarta: Penerbit Lembaga Penerbit Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia dan Bima Grafika, h. 26

¹¹⁶Ambar Tadang (1981), *Ekonomi Pembangunan: Problema Dasar dan Teori Pembangunan*. Surabaya: Penerbit PT. Bina Ilmu, h. 71

moden mustahil untuk dicapai, kerana hasil usaha manusia sahaja tidak mencukupi untuk mencapai tahap tersebut. Modal boleh dikumpulkan menerusi dana dalam negara dan juga melalui pelaburan asing.¹¹⁷ Modal merupakan faktor yang cukup penting dalam proses pembangunan, bahkan menjadi kunci dalam keberhasilan pembangunan ekonomi sebuah negara.

- iv. Kemahiran. Aspek lain yang tidak kurang pentingnya adalah kemahiran, kepandaian dan kepakaran untuk melaksanakan usaha-usaha ekonomi.¹¹⁸ Jika dilihat dalam skenario sekarang, iaitu dengan semakin meningkatnya kemajuan teknologi, maka teknologi merupakan prasyarat untuk pembangunan. Apatah lagi dalam era sains dan teknologi kini, penguasaan terhadap teknologi adalah aset berharga untuk sesebuah negara. Ini bererti pembangunan teknologi yang maksimum akan mempercepat proses pembangunan sesebuah negara.
- v. Pengurusan. Pengurusan yang baik adalah faktor yang membantu pembangunan ekonomi. Pengurusan yang dimaksudkan ialah dari sudut penggunaan sumber, penggunaan tenaga manusia dan juga perbelanjaan modal serta pengagihan kekayaan.¹¹⁹ Di samping itu, keperluan rakyat yang meliputi penyediaan prasarana seperti jalan raya, elektrik, bekalan air, dan sebagainya untuk rakyat perlu diambil kira dalam pelaksanaan rancangan pembangunan. Dalam konteks ini, pemerintah perlu memainkan peranan untuk mencapai matlamat pembangunan.¹²⁰ Peranan pemerintah amat sangat menentukan proses pembangunan.

¹¹⁷ Lim Meng Seng (1979), *op.cit.*, h. 12

¹¹⁸ Endang Saifuddin Anshari (1976), *Pokok Pikiran Tentang Islam*. Jakarta: Usaha Enterprise, h. 79

¹¹⁹ Lim Meng Seng (1979), *op.cit.*, h. 12

¹²⁰ *Ibid*

b. Petunjuk Pembangunan Ekonomi

Konsep pembangunan ekonomi dapat diukur melalui tiga petunjuk yang utama, iaitu :¹²¹

- i. Dengan melihat kepada kenaikan pendapatan negara bagi satu masa jangka panjang. Namun begitu, terdapat tentangan dalam menjadikannya sebagai satu bentuk petunjuk kepada pembangunan ekonomi tersebut. Ini kerana pendapatan negara menunjukkan kepada hasil total negara dalam bentuk barang-barang jasa lebih diambil kira berbanding dengan melihat kepada ukuran wang. Cara ini dilihat sebagai tidak realistik kerana seharusnya perubahan harga lebih dititikberatkan kerana ia merupakan satu elemen yang tidak dapat dihindarkan. Tentangan juga berlaku dalam keadaan di mana sekiranya berlaku perubahan dalam bentuk pertumbuhan penduduk. Jika berlaku kenaikan dalam pendapatan negara benar yang disertai dengan pertambahan penduduk yang lebih cepat, maka pembangunan ekonomi itu tidak akan berlaku.
- ii. Dengan melihat kepada kenaikan di dalam pendapatan ataupun output per kapita dalam jangka masa panjang. Pendapatan ini telah dipersetujui oleh ahli-ahli ekonomi. Namun begitu, boleh juga berlaku keadaan di mana pertambahan pendapatan per kapita tidak menaikkan taraf hidup masyarakat itu.
- iii. Dengan melihat pembangunan ekonomi dari segi kebajikan. Pembangunan ekonomi dilihat sebagai satu proses di mana kenaikan pendapatan per kapita diikuti dengan berkurangnya ketidakseimbangan pendapatan.

¹²¹ Ambar Tadang (1981), *op.cit.*, h. 4

Disamping tiga petunjuk utama yang dipaparkan diatas yang menjadi konsep pembangunan ekonomi, ada juga tiga nilai asas penting yang menjadi inti pembangunan, iaitu :¹²²

1. Kecukupan, iaitu kemampuan untuk memenuhi keperluan asas. Yang dimaksud dengan kecukupan disini bukan sahaja menyangkut makanan, melainkan mewakili semua hal yang merupakan keperluan asas manusia secara fizikal. Apa yang disebut dengan keperluan asas ialah segala sesuatu yang jika tidak dipenuhi akan menghentikan kehidupan seseorang. Seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, kesihatan dan keamanan. Fungsi asas dari semua kegiatan ekonomi pada hakikatnya adalah untuk menyediakan sebanyak mungkin keperluan asas masyarakat. Atas dasar inilah dinyatakan bahawa keberhasilan pembangunan ekonomi merupakan prasyarat bagi membaiknya kualiti kehidupan.
2. Harga diri, iaitu menjadi manusia seutuhnya. Dalam erti menjadikan kehidupan menjadi lebih baik dengan adanya dorongan yang kuat dari diri sendiri untuk maju, menghargai, dan merasa diri layak untuk melakukan atau mengejar sesuatu. Sesungguhnya semua ini terangkum dalam satu istilah, iaitu harga diri.
3. Kebebasan dari sikap menghamba, iaitu kemampuan untuk memilih. Ini ertinya, manusia punya kebebasan untuk menentukan hala tuju hidupnya ke arah yang lebih baik dan tidak diperbudak oleh aspek-aspek material dalam kehidupan. Membebaskan diri dari sikap menghamba ini akan menjadikan setiap individu mampu melaksanakan tanggungjawabnya untuk terus memperbaiki kualiti hidupnya.

¹²² Michael P. Todaro *et.al.* (2004), *Pembangunan Ekonomi Di Dunia Ketiga*. (Terj.) Haris Munandar, Jakarta: Penerbit Erlangga, h. 25

c. Tujuan Pembangunan Ekonomi

Pembangunan ekonomi bertujuan untuk menaikkan taraf hidup ekonomi sebahagian besar masyarakat. Pencapaian yang tinggi dalam bidang ekonomi boleh menjadi asas yang kukuh bagi memajukan atau membangunkan bidang-bidang lain seperti pelajaran, kemasyarakatan dan juga kebudayaan.¹²³ Tujuan pembangunan ekonomi memiliki tiga aspek penting, iaitu :

1. Menyediakan keperluan asas masyarakat seperti makanan, pakaian, perumahan, perkhidmatan,, kesihatan dan keamanan.
2. Meningkatkan lapangan pekerjaan, kemudahan pendidikan, sosial, politik dan ekonomi.
3. Memberi kebebasan kepada masyarakat untuk menjalankan sebarang usaha di pelbagai sektor.¹²⁴

Tujuan pembangunan bukanlah semata-mata untuk menjadikan sesebuah negara itu kaya dari segi ekonominya, meningkatkan pendapatan per kapitanya, tetapi apa yang lebih penting ialah bertujuan untuk memberi kesempurnaan kepada rakyat dari semua aspek termasuk politik dan sosial. Bagi kebanyakan negara, tujuan yang terpenting di dalam pembangunan ialah menekankan ekonomi seperti menyediakan makanan, pakaian, perlindungan dan pekerjaan. Ada tiga tujuan inti dalam pembangunan ekonomi, iaitu :¹²⁵

¹²³ Rahimah Abdul Aziz (2001), *op.cit.*, h. 59

¹²⁴ Umer Chapra (2005), *Islam dan Cabaran Ekonomi*. (Terj) Syed Putra Syed Hamid. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 313

¹²⁵ Michael P. Todaro *et.al.* (2004), *op.cit.*, h. 28

- i. Meningkatkan ketersediaan dan perluasan prinsip pengagihan barang pelbagai keperluan, seperti makanan, tempat tinggal, kesihatan, dan perlindungan keselamatan
- ii. Peningkatan taraf hidup tidak hanya dengan meningkatkan pendapatan, tetapi juga merangkumi lapangan kerja, meningkatkan kualiti pendidikan, dan memberikan sokongan kepada nilai-nilai budaya dan kemanusiaan, semua yang tidak hanya untuk meningkatkan kesejahteraan material, tetapi juga menumbuhkan harga diri pada peribadi dan bangsa berkenaan.
- iii. Perluasan pilihan-pilihan ekonomi dan sosial bagi setiap individu serta bangsa secara keseluruhan, iaitu dengan membebaskan dari ketergantungan kepada pihak lain atau negara lain.

Pembangunan juga perlu diadakan dalam konteks keadilan ekonomi dan sosial antara manusia demi mengurangkan penderitaan, pergantungan, ketaksamaan, dan penindasan di kalangan individu dan masyarakat. Manakala dalam konteks hubungan antara negara pula, tujuan pembangunan dilihat sebagai satu usaha merapatkan jurang serta meningkatkan taraf ekonomi dengan cara negara-negara maju memberi bantuan kepada negara-negara miskin dalam bentuk bantuan asing, pinjaman, pelaburan, perdagangan dan lain-lain.¹²⁶

Dengan demikian, tujuan pembangunan adalah untuk meningkatkan kesejahteraan hidup manusia, memperbaiki taraf hidup, menyempurnakan keperluan asas bagi manusia dan juga untuk mengembangkan dan memajukan bidang-bidang lain seperti pendidikan, politik, budaya dan sebagainya.

¹²⁶ Rahimah Abdul Aziz (2001), *op.cit.*, h. 50

d. Halangan Pembangunan Ekonomi

Pembangunan ekonomi perlu dilakukan dengan cekap dan berterusan demi terwujudnya kesejahteraan masyarakat yang komprehensif. Pada hakikatnya banyak negara yang berusaha mencapai pembangunan ekonomi yang baik, namun tidak semuanya berhasil sesuai dengan yang diinginkan kerana banyak masalah yang menjadi halangan dalam melaksanakan pembangunan tersebut. Diantaranya ialah :

1. Taraf ekonomi yang rendah.
2. Lajunya pertumbuhan penduduk.
3. Kurangnya prasarana kemudahan awam.
4. Tingginya angka pengangguran.¹²⁷

Antara halangan-halangan yang lain dari sudut ekonomi seperti masalah kekurangan modal dan sumber-sumber asli, perdagangan asing yang tidak seimbang, kesukaran menyesuaikan teknologi barat dengan tempatan, turun naik harga pasaran, krisis tenaga dan lain-lain lagi. Sementara itu, dari segi politik pula didapati aspek kepimpinan, penyertaan politik serta sikap dan ideologi boleh menjadi penghalang selain ketidakupayaan dan keengganannya pihak pemerintah melaksanakan reformasi atau menyelesaikan masalah nepotisme, rasuah dan monopoli kuasa. Masalah buta huruf, peningkatan kadar kelahiran, mobiliti sosial dan pertembungan antara nilai budaya yang sedia ada dengan yang datang dari luar turut menjadi penghalang kepada pembangunan ekonomi dari aspek sosial.¹²⁸

¹²⁷ Suvit Maesince (2001), *Pemasaran Keunggulan Bangsa*. Jakarta: Penerbit Prehallindo, h. 8.

¹²⁸ Rahimah Abdul Aziz (2001), *op.cit.*, h. 55

2.4.2. Konsep Pembangunan Ekonomi Menurut Perspektif Islam

Islam begitu mengambil berat mengenai masalah pembangunan ekonomi dan menganggapnya sebagai sebahagian daripada masalah pembangunan manusia yang mempunyai yang lebih luas. Islam berfungsi sebagai pemandu kepada pembangunan manusia agar sentiasa mengikut landasan yang tepat dan benar. Oleh itu, aspek pembangunan ekonomi akan sentiasa terpandu berlandaskan rangka kerja pembangunan insan secara keseluruhannya. Ini dapat menjamin pembangunan ekonomi itu kekal sebagai unsur pembangunan moral dan sosioekonomi masyarakat yang bersepadu dan tidak dapat dipisahkan daripada unsur-unsur agama itu sendiri.¹²⁹ Pembangunan ekonomi menurut perspektif Islam adalah bersifat material dan spiritual, tidak sahaja merangkumi pembangunan ekonomi, tetapi juga merangkumi pembangunan manusia itu sendiri, pembangunan sosial, kebudayaan dan sebagainya.¹³⁰

Islam menilai taraf pencapaian pembangunan ekonomi dilihat daripada semua aspek yang terkandung dalam rangka dasar pembangunan manusia dan bukannya memisahkan antara pembangunan jiwa dengan pembangunan ekonomi. Oleh sebab itulah segala usaha dan aktiviti ekonomi dipusatkan dan diberikan keutamaan kepada pembangunan jiwa manusia supaya pembangunan itu dapat memperkuatkan pembangunan sosioekonomi manusia dan masyarakat.¹³¹ Pembangunan menurut Islam hendaklah berkonsep pragmatik. Pembangunannya tidak sahaja meliputi kesejahteraan material di dunia seperti kedudukan pendapatan, kekayaan atau pemilikan kelengkapan

¹²⁹ Khurshid Ahmad (1991), “Pembangunan Ekonomi Dalam Rangka Kerja Islam” Dalam Kurshid Ahmad *et.al. Kajian dalam Ekonomi Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 269

¹³⁰ Joni Tamkin Bin Borhan (2008), “Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam”, dalam *Jurnal Usuluddin*, Bil. 27 Edisi Januari-Juni 2008, Kuala Lumpur: Penerbit Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 94

¹³¹ Hailani Muji Tahir (2007) *Institusi Baitulmal Dalam pembangunan Negara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 116

moden, tetapi lebih penting dalam Islam ialah pembangunan rohaniah. Pembangunan rohaniah dikaitkan dengan perhubungan antara manusia dengan Allah, perhubungan antara sesama insan dan perhubungan antara individu dan masyarakat.¹³²

Islam telah menetapkan garis panduan yang dijadikan asas dalam pembangunan ekonomi itu sendiri. Antaranya ialah :¹³³

- i. Konsep Tauhid. Konsep tauhid merupakan perhubungan antara manusia dengan Allah, perhubungan manusia dengan sesama manusia dan manusia dengan alam raya ini. Konsep tauhid ini merupakan tali penghubung yang dapat memelihara jiwa dan kesungguhan hati untuk mengakui wujudnya kuasa tertinggi yang mentadbir alam sejagat. Manusia dalam usahanya mengusai sumber alam ini perlulah sentiasa dalam keadaan sedar dan insaf, bahawa manusia hanyalah bertindak sebagai penyusun bukan pencipta. Manusia yang menyedari hubungannya dengan Allah akan berusaha untuk mempraktikkan ajaran Islam dalam seluruh aspek kehidupan sama ada dari sudut ibadah, akhlak, ekonomi dan kehidupan sosialnya. Dengan kesedaran ini manusia tidak mudah terpesona dengan kekuasaan dan kerakusan nafsu apabila mengusai sumber alam yang diberi percuma oleh Allah, tetapi dapat memanfaatkannya dengan sebaik mungkin.
- ii. Konsep *Rubūbiyyah*.¹³⁴ Konsep ini bererti mengakui sifat Allah swt sebagai penguasa yang membuat peraturan-peraturan bagi menampung dan menjaga serta mengarahkan kehidupan makhluk ke arah kesempurnaan. Konsep ini merupakan undang-undang asasi dalam alam jagat yang merupakan pedoman tentang model

¹³² Ataul Hug Pramanik (1998), *Pembangunan dan Pengagihan Dalam Islam*. (Terj.) Amar Said, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 208

¹³³ Hailani Muji Tahir (2007), *op.cit.* h. 116

¹³⁴ Konsep yang menerangkan sifat Allah. Sifat Allah adalah sebagai penguasa di alam ini. Dia yang berkuasa membuat peraturan bagi menjamin dan mengarah kehidupan manusia supaya sempurna dan sejahtera. Dia juga berkuasa untuk menjaga, mengawal, menampung dan mengurus kehidupan makhluk ke arah kesempurnaan.

yang suci bagi pembangunan sumber supaya berguna, saling menyokong dan saling berkongsi antara mereka. Dalam konteks peraturan yang ditetapkan oleh Allah swt inilah usaha-usaha manusia harus dijalankan.

- iii. Konsep *Khilāfah*. Peranan manusia sebagai khalifah di muka bumi ini memberikan status dan tanggungjawab manusia yang begitu tinggi. Ianya diawasi dan dikendalikan oleh norma yang terbit daripada status hamba Allah yang meliputi prinsip menjauhi segala kezaliman, prinsip berzikir, mengingati dan menyedari secara berterusan hubungan manusia dengan Allah dan merasa bersyukur kepadaNya atas limpahan kurnia dan kemurahanNya dalam menyediakan kemudahan hidup yang tidak terhitung jumlahnya.
- iv. Konsep *Tazkiyah*. Kesucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*) dapat dilihat sebagai asas kepada sesuatu pembangunan. Jiwa menentukan bangun runtuhan diri manusia. Tazkiyah, kesucian dan kemurnian jiwa dalam erti pembangunan adalah lebih bersifat membina, iaitu kemahuan yang mencegah berlakunya keruntuhan, bukannya yang bersifat membinasakan. Bagaimanapun, kemahuan itu tidak akan tegak menjadi suatu kekuatan, kecuali setelah diikat kuat dan dijalinkan dengan iman yang teguh dan takwa kepada Allah.
- v. Konsep *Ukhuwah* dan *Tadhiyah*. Ciri-ciri *ukhuwah* dan *tadhiyah* yang terangkum dalam falsafah pembangunan yang disalurkan melalui sistem pendidikan akan meresap ke dalam jiwa manusia muslim. ini akan melahirkan rasa takwa, kesedaran dan kesucian hati yang tergambar dalam bentuk sikap, amalan dan perbuatannya seperti ingin bertanggungjawab terhadap kehidupan sesama manusia dalam bentuk persaudaraan dan pengorbanan. Persaudaraan, kerjasama dan pengorbanan merupakan prinsip penting dalam pembangunan ekonomi dan konsep penghayatan masyarakat Islam. Sifat ini mengandungi aspek akhlak atau moral, rasa kepunyaan dan kesatuan nilai yang dapat menjamin suatu penghidupan yang sifatnya lebih

bertanggungjawab menuju ke arah *islah*, kerjasama dan kebaikan sesama umat Islam dan manusia sejagat.

Konsep pembangunan Islam lebih bersikap komprehensif kerana ia meliputi aspek akhlak, kerohanian dan kebendaan. Pembangunan akan ditumpukan kepada pengoptimuman kesejahteraan manusia di samping tidak memisahkan aspek-aspek akhlak, kebendaan, kerohanian, fizikal, ekonomi dan sosial.¹³⁵ Di samping itu juga, manusia merupakan teraju utama dalam pembangunan, Islam menganggap diri manusia itu sendiri sebagai tempat sebenar kegiatan pembangunan. Bukan sahaja faktor fizikal seperti modal, buruh, organisasi dan sebagainya yang diambil kira sebagai pemboleh ubah yang akan meluaskan dasar pembangunan ekonomi.¹³⁶

Manusia penting kepada pembangunan, sama ada sebagai alat atau objektif. Pembangunan harus dicapai oleh manusia untuk manusia. Manusia merupakan agen aktif pembangunan, sementara faktor lain adalah bersifat pasif. Lebihan dalam faktor bukan manusia tidak akan berguna tanpa sumber manusia. Sebagai contoh, sebarang aktiviti ekonomi memerlukan sumber manusia jenis keusahawanan untuk menggabungkan semua faktor lain, di samping tenaga kerja ini diperlukan juga untuk melaksanakan kerja amali dalam pengeluaran barang dan perkhidmatan. Pembangunan tidak boleh berlaku tanpa sumber manusia dalam bentuk buruh dan keusahawanan, sama ada pembangunan ekonomi, sosial, politik ataupun rohani.¹³⁷

¹³⁵ Surtahman Kastin Hasan (2005), *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 323

¹³⁶ *Ibid*

¹³⁷ Abulhassan Muhammad Sadeq (2003), *op.cit.* h. 102

Islam melihat manusia merupakan agen pembangunan utama di muka bumi. Berjaya atau tidaknya pembangunan di dunia, adalah bergantung kepada manusia. Oleh itu, pembangunan manusia menjadi fokus utama pembangunan dalam Islam. Sumber manusia menjadi penentu kayu ukur kepada keupayaan satu-satu pembangunan yang dibina.¹³⁸

Disebabkan pembangunan ekonomi Islam itu bersifat pelbagai dimensi, maka perseimbangan di antara pelbagai faktor sama ada kebendaan dan kerohanian, kuantitatif dan kualitatif, luaran dan dalaman itu diperlukan. Proses pembangunan itu mesti digerakkan melalui konsep syukur dan keadilan. Ini akan mewujudkan kesetaraan dalam penggunaan dan agihan serta perhubungan semua manusia berdasarkan hak dan keadilan.¹³⁹ Islam tidak pernah menghalangi umatnya untuk melaksanakan pembangunan, malahan umat Islam perlu mencapai kemajuan dan pembangunan bagi menyaingi bangsa-bangsa lain. Akan tetapi Islam mengajarkan agar pembangunan yang dilaksanakan tidak melampaui batas-batas hukum yang telah ditetapkan.

Kebajikan yang ingin disediakan oleh pembangunan ekonomi Islam bukanlah sekadar untuk keperluan dunia tetapi juga untuk akhirat, dan sesungguhnya di antara kedua-dua tujuan ini tidak ada sebarang percanggahan.¹⁴⁰ Konsep pembangunan dalam Islam adalah menyeluruh yang bertujuan untuk pembinaan umat yang bertamadun.

¹³⁸ Zulkifli Hj. Yusoff (2004), “Pembangunan Ummah Dari Perspektif Al-Quran” dalam *Jurnal Al-Bayan*. Bil. 2, Mei 2004, Kuala Lumpur: Penerbit Jabatan Al-Quran & Al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya , h. 69

¹³⁹ Surtahman Kastin Hasan (2005), *op.cit.*, h.323

¹⁴⁰ Nora Yusna Binti Mohamed Yusop (2004), *Pembangunan Sosioekonomi Menurut Perspektif Ekonomi Islam: Kajian Terhadap Peranan Teras Dara Konsortium Sdn. Bhd Dalam Pembiayaan Perumahan Di Wilayah Pahang Tenggara*. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 3

a. Nilai dan Prinsip Asas Pembangunan Ekonomi Islam

Pembangunan ekonomi dari perspektif Islam merupakan aktiviti ekonomi yang berasaskan prinsip yang terkandung dalam Al-Quran dan al-Sunnah. Aktiviti ekonomi menjadi tuntutan langsung agama Islam. Setiap aktiviti ekonomi juga merupakan satu bentuk ibadat, jika ianya dilakukan menurut peraturan dan adab yang diwajibkan terhadap setiap orang Islam. Beberapa nilai dan prinsip asas pembangunan ekonomi Islam ialah.¹⁴¹

- i. Matlamat pembangunan ekonomi Islam ialah penggunaan sumber alam dengan sebaik-baiknya untuk mencapai kecukupan keperluan kehidupan, keadilan sosial, persamaan peluang dan kerjasama antara pemilik, pengguna, pengusaha, majikan, pekerja, peniaga, pemodal, dan pemerintah. Islam tidak mengorbankan hak dan keperluan individu untuk memenuhi keperluan masyarakat dan tidak juga mengorbankan kepentingan masyarakat untuk melindungi kepentingan individu.
- ii. Aktiviti ekonomi yang halal ialah satu ibadah dalam Islam. Oleh yang demikian aktiviti ekonomi berkait-rapat dengan kepentingan dunia dan akhirat.
- iii. Harta kekayaan tidak menentukan status kehidupan di sisi agama, khususnya nasib kehidupan di akhirat, sama ada seorang manusia itu mencapai kedudukan yang tinggi ataupun rendah, di sisi Tuhan adalah bergantung kepada darjah ketaqwaannya.
- iv. Menyeimbangkan kepentingan dunia dan akhirat, iaitu tidak menumpukan seluruh masa kehidupannya di tempat kerja dengan mengabaikan tanggungjawab lain terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat, dan negara.

¹⁴¹ Ahmad Shukri Mohd. Naim *et.al.* (2003), *op.cit.* h. 129

- v. Pekerjaan yang halal. Oleh sebab bekerja ialah satu ibadah dalam Islam maka jenis pekerjaan yang wujud mestilah halal disisi agama.
- vi. Niat bekerja yang betul, iaitu melakukan sesuatu kerja kerana Allah swt. Seseorang pekerja mestilah sentiasa jujur, amanah, menepati janji, dan ikhlas dalam melaksanakan tugasnya.
- vii. Tidak meninggalkan ibadah khusus, seperti sembahyang dan puasa walaupun sibuk bekerja.
- viii. Bersederhana dalam perbelanjaan.
- ix. Menunaikan zakat apabila cukup kadar dan tempohnya.
- x. Sentiasa menjaga maslahat masyarakat dan alam.
- xi. Sentiasa bersyukur dengan kurniaan dan nikmat Allah swt.

Penggunaan sumber alam yang sedia ada akan melahirkan aktiviti-aktiviti ekonomi yang mampu menjana kekayaan bagi mengimbangi kehidupan dunia dan akhirat. Melakukan pekerjaan adalah satu kewajiban agama, ini bererti sikap manusia memikul tanggungjawab untuk menunaikan kewajiban, serta melakukan apa jua pekerjaan semata-mata untuk mendapatkan keredaan Allah swt. Oleh itu, berhasil atau tidaknya manusia memanfaatkan atau mengambil manfaat dari pelbagai sumber alam yang ada, bergantung sepenuhnya kepada usaha dan kerja keras manusia itu sendiri.¹⁴²

¹⁴² Syauqi Ahmad Dunya (1994), *Sistem Ekonomi Islam Sebuah Alternatif*. Jakarta: Penerbit Fikahati Aneska, h. 130

b. Matlamat Pembangunan Ekonomi Islam

Tujuan Islam yang diterapkan dalam masyarakat yang berekonomi tidak terpisah daripada erti kemanusiaan. Islam melihat kemajuan atau pembangunan itu sejajar dengan nilai dan tradisi yang menjadi tunjang sesebuah masyarakat. Ini bermakna, ciri-ciri normatif yang mempengaruhi diri dan cita rasa seseorang itu diadun bersama untuk menjayakan tujuan dan matlamat pembangunan ekonomi.¹⁴³

Islam telah meletakkan beberapa matlamat dalam dasar pembangunannya. Antara matlamat dasar pembangunan dalam Islam ialah pembangunan sumber insan, pengembangan pengeluaran yang berguna, memperbaiki kualiti hidup, pertahanan, pembangunan seimbang, teknologi baru dan juga pengurangan pergantungan negara kepada dunia luar dan integrasi yang lebih erat di kalangan dunia Islam.¹⁴⁴

Pembangunan sumber manusia dilihat sebagai matlamat dasar pembangunan Islam. Ia termasuklah menanamkan sikap dan aspirasi yang betul, pembangunan perwatakan dan personaliti, pendidikan dan latihan yang menimbulkan kemahiran yang diperlukan untuk pelbagai kegiatan, menggalakkan pengetahuan dan penyelidikan dan lain-lain lagi. Keutamaan haruslah diberikan kepada pengembangan dan pengislaman pendidikan dan juga mengorientasikan orang ramai dari segi moral dan juga untuk memperkembangkan struktur perhubungan baru berdasarkan kerjasama dan perkongsian.¹⁴⁵

¹⁴³ Abd. Al-Rahman Zaki Ibrahim (1998), *Petunjuk Amalan Ekonomi Islam*. (Terj.) Mujaini Bin Tarimin, Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 66

¹⁴⁴ Surtahman Kastin Hasan (2005), *op.cit.*, h. 331

¹⁴⁵ Kurshid Ahmad (1991), *op.cit.*, h. 274

Dari sudut peningkatan pula, dilihat perlu berlaku pertumbuhan yang berterusan dan berkekalan dalam pengeluaran negara meliputi kuantiti, kualiti, kecekapan dan campuran pengeluaran yang betul. Keutamaan dan galakan seharusnya diberi kepada pengeluaran yang dihalalkan terutamanya barang keperluan asas.¹⁴⁶ Pembaikan kualiti hidup membawa maksud pemberian ke arah kebajikan ekonomi, sosial dan akhlak semua lapisan masyarakat. Ia termasuklah pemberian dari sudut penggunaan iaitu dengan menukar corak penggunaan daripada yang haram, membazir dan mewah kepada yang halal dan lebih sederhana. Penyediaan kemudahan bantuan yang mencukupi kepada rakyat dan sebagainya melalui penciptaan pekerjaan, jaminan sosial secara berkesan dan kesaksamaan agihan pendapatan yang lebih adil.¹⁴⁷

Pembangunan dalam Islam bukanlah merupakan matlamat yang ingin dicapai, tetapi merupakan alat perantaraan ke arah mencapai matlamat supaya manusia dapat memainkan peranan yang lebih bermakna yang selaras dengan penghargaan yang paling tinggi yang telah dikurniakan kepadanya sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Pembangunan ekonomi akan menjadi tugas yang tidak bererti jika pada masa yang sama, tidak diikuti oleh pembangunan ke atas manusia itu sendiri. Supaya pembangunan ekonomi lebih bermakna, ia seharusnya menghasilkan peningkatan moral masyarakat manusia itu sendiri.¹⁴⁸

Dengan menolak material sebagai matlamat akhir pembangunan ekonomi, dan dengan menekankan tentang perlunya untuk menggabungkan secara harmoni antara nilai-nilai sekular dan spiritual kewujudan manusia, maka Islam merintis jalan bukan

¹⁴⁶ Surtahman Kastin Hasan (2005), *op.cit.*, h. 332

¹⁴⁷ *Ibid*

¹⁴⁸ Mohammad Ariff (1990), Pembangunan Ekonomi Mengikut Perspektif Islam. Dalam *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*. (Ed.) Muhammad Syukri Salleh, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, h. 24

sahaja untuk mendapatkan ganjaran bila dihidupkan semula di akhirat nanti, tetapi juga untuk menikmati kehidupan yang murni, serba lengkap dan penuh bererti dalam kehidupan di dunia kini.¹⁴⁹

Kebajikan yang ingin disediakan oleh pembangunan ekonomi Islam bukanlah sekadar untuk keperluan dunia sekarang tetapi juga untuk akhirat nanti, dan sesungguhnya di antara kedua-dua tujuan ini tidak ada sebarang percanggahan. Dengan itu adalah jelas bahawa pembangunan ekonomi dalam konteks Islam bukanlah semata-mata untuk mencapai kebajikan material duniawi sahaja.¹⁵⁰

Pembangunan yang seimbang merupakan salah satu matlamat dalam dasar pembangunan itu sendiri. Ini kerana melalui pembangunan yang seimbang di antara kawasan, bahagian dan sektor akan dapat memperbaiki dualisme dalam ekonomi di samping dapat membawa kepada integrasi yang lebih erat antara setiap negara.¹⁵¹ Perkembangan teknologi dan penyelidikan amat diperlukan oleh negara-negara Islam hari ini dan mestilah bertepatan dengan keperluan dan aspirasi negara Islam itu sendiri. Bidang teknologi dan penyelidikan perlu dipertingkatkan untuk mempertingkatkan kebolehan manusia menyelesaikan masalah dan membolehkan pembentukan dasar dibuat dengan lebih maju dan tepat.

Masalah pertahanan begitu dititikberatkan oleh Islam. Ia meliputi soal-soal yang berkaitan dengan tenaga ketenteraan, sistem perhubungan yang cekap dan sebagainya yang mana ianya adalah bertujuan untuk mempertahankan dan melindungi

¹⁴⁹ *Ibid*

¹⁵⁰ *Ibid*

¹⁵¹ Kurshid Ahmad (1991), *op.cit.*, h. 277

negara daripada serangan musuh.¹⁵² Pengurangan pergantungan negara kepada kuasa luar di samping menjalinkan integrasi yang lebih berat di kalangan negara Islam merupakan satu tuntutan langsung bagi umat Islam itu sendiri dan seharusnya ianya dilaksanakan. Pergantungan kepada dunia bukan Islam seharusnya diubah supaya menjadi sebuah negara yang lebih berdikari tanpa bergantung kepada orang lain dari segi ekonomi, mempunyai harga diri dan beransur-ansur untuk membina kekuatan.¹⁵³

Pergantungan dengan negara luar banyak merugikan negara Islam sendiri. Sistem kapitalisme yang dicipta oleh Barat boleh meruntuhkan bukan sahaja sistem ekonomi Islam, malah politik dan sosial juga terlibat. Oleh itu negara Islam perlu meningkatkan integrasi menerusi peningkatan kebebasan ekonomi, peningkatan rasa hormat diri sendiri dan memperkuatkan negara Islam. Hal ini dapat dicapai dengan cara, menghentikan penerimaan modal dari Barat, meningkatkan penyelidikan yang ideal dan berfaedah kepada Islam, meningkatkan semangat tolong-menolong di kalangan umat Islam. Sehingga menjadi negara yang digeruni oleh bangsa lain.

Sebagai titik berat pembangunan negara, pembangunan ekonomi diharapkan sebagai pengantar bagi peningkatan kesejahteraan masyarakat luas secara lebih merata dan dinamik dalam kehidupan berbangsa dan bernegara dalam mencapai tujuan-tujuan hakikat pembangunan.¹⁵⁴ Pembangunan merupakan suatu proses transformasi yang dalam perjalannya ditandai oleh perubahan struktur, iaitu perubahan pada tumpuan kegiatan ekonomi mahupun pada kerangka susunan ekonomi masyarakat yang berkenaan.¹⁵⁵

¹⁵² Surtahman Kastin Hasan (2005), *op.cit.*, h. 334

¹⁵³ Khursid Ahmad (1991), *op.cit.*, h. 277

¹⁵⁴ Faisal Basri (1995), *Perekonomian Indonesia Menjelang Abad XXI*. Jakarta: Penerbit Erlangga, h. 105

¹⁵⁵ Bachrawi Sanusi (2004), *Pengantar Ekonomi Pembangunan*. Jakarta: Penerbit Rineka Cipta, h. 8

c. Objektif Pembangunan Ekonomi Islam

Objektif pembangunan ekonomi dalam Islam adalah untuk mencapai *al-falāh* di dunia dan di akhirat. Konsep ini bermaksud setiap peningkatan taraf hidup dalam masyarakat hendaklah disertai dengan tujuan dan niat yang ikhlas semata-mata untuk memperoleh keredaan Allah swt.¹⁵⁶ objektif polisi pembangunan dalam Islam adalah sebagai berikut:

i. Pembangunan Sumber Insan

Pembangunan sumber insan atau manusia haruslah menjadi objektif utama dalam polisi pembangunan Islam. Dalam hal ini, selain kekuatan akhlak dan kerohanian, pembangunan harus mengambil kira sikap dan aspirasi yang betul, pembangunan perwatakan dan personaliti, pendidikan dan latihan yang menimbulkan kemahiran yang diperlukan untuk pelbagai kegiatan, menggalakkan pengetahuan dan penyelidikan, serta evolusi mekanisme bagi penyertaan yang bertanggungjawab dan kreatif oleh orang biasa dalam kegiatan pembangunan yang penting, dalam membuat keputusan di semua peringkat dan kahirnya dalam berkongsi hasil dari pembangunan itu sendiri. Keutamaan harus diberikan dalam pengembangan pendidikan, orientasi rohani dan pengembangan struktur perhubungan baru yang berasaskan kepada kerjasama, perkongsian dan penyertaan.¹⁵⁷

¹⁵⁶ Kurshid Ahmad (1991), *op.cit.*, h. 281

¹⁵⁷ Abulhassan Muhammad Sadeq (2003), *op.cit.* h. 101

ii. Pertambahan dan Pengeluaran Yang Bermanfaat

Pertambahan yang berterusan dan berkekalan dalam keluaran negara adalah objektif penting dari sudut jenis barang, kuantiti, kualiti dan percampuran keluaran yang betul. Pengeluaran bukanlah bermakna pengeluaran apa sahaja barang yang diminta oleh pasaran atau yang mampu dibeli oleh kuasa wang bagi mereka yang kaya dan berada, tetapi pengeluaran hanya terlibat dengan pengeluaran barang yang berguna kepada manusia. Dalam hal ini, adalah diutamakan pengeluaran barang keperluan asas berbanding dengan barang mewah dan barang keselesaan, melengkapkan keperluan pertahanan dan meningkatkan pengeluaran barang modal utama.

iii. Pembaikan Kualiti Kehidupan

Usaha-usaha haruslah ditujukan untuk membaiki taraf kehidupan sebenar semua orang dan ke arah mencapai kebajikan akhlak, ekonomi dan sosial mereka. Untuk mencapai objektif ini, keutamaan yang tinggi harus diberikan sekurang-kurangnya kepada perkara berikut, iaitu:

- a. Mengadakan peluang pekerjaan dan semua penyelarasian dari segi struktur, teknologi, pelaburan, kedaerahan dan pendidikan yang timbul daripadanya.
- b. Mengadakan satu sistem jaminan sosial yang berkesan yang menjamin keperluan hidup yang asas bagi semua orang yang tidak berupaya melibatkan diri dalam pekerjaan atau usaha-usaha mencari nafkah hidup, dan mereka yang layak mendapat bantuan dan pertolongan masyarakat melalui institusi zakat, hibah, hadiah, sedekah dan sebagainya.

c. Melaksanakan sistem agihan pendapatan dan kekayaan yang seksama dan adil.

Haruslah ada dasar yang kukuh untuk mengurangkan jurang perbezaan kekayaan antara golongan yang kaya dengan golongan yang kurang berada, dasar yang telus untuk meningkatkan pendapatan golongan yang miskin, yang akan mengurangkan nisbah penumpuan kekayaan kepada segolongan tertentu sahaja.

iv. Pembangunan Seimbang

Pembangunan seimbang bermaksud pembangunan yang harmoni dan seimbang antara wilayah dan antara sektor-sektor dalam masyarakat dan ekonomi. Desentralisasi ekonomi dan pembangunan yang tepat bagi semua bahagian dan sektor adalah dituntut untuk mencapai keadilan dan kemajuan yang maksimum.¹⁵⁸ Islam menganjurkan pembangunan tanpa bersyarat kepada sempadan (desa atau bandar), taraf hidup (miskin atau kaya) dan lain-lain. Tujuannya supaya dapat mengelakkan ekonomi dualisme dan dapat mengeratkan perpaduan.

v. Penggunaan Teknologi Baru

Objektif ini bermaksud penggunaan teknologi yang sesuai dengan keadaan keperluan dan aspirasi negara. Proses pembangunan itu akan dapat bertahan sendiri hanya apabila sesebuah negara itu bebas daripada bantuan asing dan dapat menguasai teknologi yang terkini, maju dan mempunyai jenama tersendiri. Oleh itu, keutamaan harus diberikan kepada usaha-usaha penyelidikan untuk mendapatkan

¹⁵⁸ Surtahman Kastin Hasan (2005), *op.cit.*, h. 188

teknologi dan semangat baru dalam era globalisasi ini.¹⁵⁹ Islam juga mementingkan pembangunan teknologi. Teknologi yang ingin dibangunkan itu mestilah sesuai dengan persekitaran tempatan iaitu sesuai dengan keperluan atau kehendak negara Islam. Islam menggalakkan merekacipta, memperbaiki, dan mengubahsuai teknologi yang ada kepada teknologi yang lebih canggih.

vi. Pengurangan Pergantungan Kepada Negara Luar

Menjadi sebuah tuntutan kepada umat untuk membebaskan diri dari pergantungan kepada kuasa luar yang bukan negara Islam dan menjadi kefarduan pula untuk mengeratkan hubungan di antara negara-negara Islam dalam semua hal supaya masing-masing saling cukup-mencukupi, bantu-membantu, sokong-menyokong di antara satu sama lain.

d. Bentuk- Bentuk Pembangunan Ekonomi Islam

Bentuk-bentuk pembangunan ekonomi masyarakat dalam Islam ialah :¹⁶⁰

- i. Pembangunan luar bandar. Pembangunan luar bandar tidak hanya setakat membangunkan infrastruktur desa tetapi sampai ke tahap memberikan kemudahan kepada masyarakat desa untuk meningkatkan hasil pertanian mereka.
- ii. Memperbanyakkan perusahaan kecil dan mikro iaitu suatu bentuk usaha yang dijalankan oleh masyarakat atas bantuan pemerintah. ini dapat meningkatkan pendapatan masyarakat desa.

¹⁵⁹ *Ibid.*, h. 189

¹⁶⁰ M. Umer Chapra (2005), *op.cit.*, h. 314

- iii. Polisi untuk menggunakan teknik mempelbagai bentuk pekerjaan amat membantu bagi mengurangkan masalah pengangguran.
- iv. Memperbaiki taraf kesihatan masyarakat yang terdedah kepada lingkungan yang tidak sihat.
- v. Memastikan wujudnya kesejahteraan awam.
- vi. Mengutamakan pembangunan sistem pengangkutan awam.

Salah satu aspek yang harus disentuh ialah bagaimanakah pula sebuah ekonomi bercorak Islam harus dibangunkan. Pembangunan ala kapitalis dan sosialis telah diusahakan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dari aspek material semata, dengan cara menambahkan modal untuk pelaburan dengan harapan kadar pertumbuhan yang tinggi akan tercapai. Hasilnya, negara-negara membangun telah mencapai suatu kadar pertumbuhan yang tinggi beserta pengagihan pendapatan yang makin tidak saksama, kadar pengangguran yang tinggi, inflasi dan turun naik harga sangat tidak menentu, dan lain-lain. Pembangunan dianggap sebagai modernisasi, yang bererti membandarkan desa termasuk mencorakkan cara hidup bandar yang penuh dengan masalah sosial yang berlawanan dengan Islam.¹⁶¹

Masa depan sebuah negara bergantung kepada keupayaan merumus konsep pembangunan ekonomi yang lebih bersepadu, mempunyai daya saing dan keupayaan dalam menembus pasaran global. Ia juga bergantung kepada sistem pentadbiran dan pengurusan negara yang telus, tegas, dan bebas dari campurtangan politik yang tidak wajar dan berkepentingan.

¹⁶¹ Syed Othman Alhabshi (1989), *Islam, Ekonomi dan Pengurusan*. Shah Alam: Penerbit HIZBI, h. 56

2.5. Bidang-Bidang Ekonomi Islam

Islam mengakui wujudnya ketidaksamaan ekonomi di antara manusia tetapi tidak membiarkannya menjadi bertambah meluas. Islam tidak menganjurkan kesamaan ekonomi tetapi ia menyokong dan menggalakkan kesamaan sosial sehingga ke tahap bahawa kekayaan negara yang diperolehi sewajarnya tidak terbatas dimiliki oleh sesuatu kumpulan tertentu dalam masyarakat sahaja. Disamping itu, amat perlu setiap individu dalam sebuah negara memperoleh peluang yang sama untuk berusaha mendapatkan pekerjaan atau menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi.¹⁶²

Islam menganjurkan suatu sistem yang amat sederhana untuk meningkatkan ekonomi masyarakat yang membolehkan ahlinya melakukan proses pembangunan ekonomi yang stabil dan seimbang. Sistem ekonomi Islam menyediakan peluang-peluang yang sama dan memberi hak-hak semula jadi kepada semua (iaitu hak terhadap harta dan kebebasan berusaha), dan pada masa yang sama mengekalkan keseimbangan dalam pengagihan kekayaan, tetapi untuk tujuan memelihara kestabilan dalam sistem ekonomi.¹⁶³

Islam tidak menutup diri terhadap berbagai kemajuan ekonomi. Islam memandang bahawa pada hakikatnya, praktik perekonomian itu menjadi urusan manusia yang terus akan berkembang dari zaman ke zaman. Islam membenarkan praktik perekonomian masyarakat dengan beberapa prinsip sebagai berikut :¹⁶⁴

- a. Islam memandang bahawa harta atau benda ekonomi lainnya bukan hak mutlak manusia.

¹⁶² Afzal-Ur-Rahman (1994), *Doktrin Ekonomi Islam*. Jil. I, (Terj.) Mustafa Kasim, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 8

¹⁶³ *Ibid.*, h. 11

¹⁶⁴ Ajid Thohir (2004), *Perkembangan Peradaban Di Kawasan Dunia Islam*. Jakarta: Penerbit PT. RajaGrafindo Persada, Cet. I, h. 344

- b. Manusia hanya diberi amanat untuk memelihara harta yang mutlak milik Allah.
- c. Islam membolehkan mengambil manfaat dari harta ekonomi melalui cara-cara yang benar.
- d. Keberadaan harta-harta tersebut haruslah bermanfaat untuk umum

2.5.1. Bidang Ekonomi Makro Islam

Dalam falsafah ekonomi kapitalis diyakini ada terjadi kekurangan sumber dan kehendak manusia yang tidak terhad. Prinsip ekonomi kapitalis ini telah mendorong nafsu manusia untuk menguasai segala sumber untuk memuaskannya tanpa melihat halal atau haram. Islam memandang bahawa keperluan manusia terhadap sumber kekayaan alam dan kepuasaan manusia terhadap sesuatu tidak ada batasnya, namun Allah swt telah memberikan jaminan bahawa semua makhluk yang ada dimuka bumi telah ditentukan rezekinya. Faktor yang terjadi dalam realiti kehidupan manunjukkan bahawa sumber yang ada di alam ini tidak sebanding dengan kehendak manusia. Ini disebabkan nafsu serakah sebahagian kecil manusia yang menguasai majoriti kekayaan tersebut, sehingga terjadi ketidakseimbangan dan hilangnya keadilan.

Islam mengakui perbezaan dalam agihan pendapatan dan kekayaan pada tahap yang munasabah. Perbezaan antara kaya dan miskin dari segi ekonomi, bukanlah suatu dosa dan kesalahan, selama mana masing-masing telah berusaha dengan segala potensi yang diberikan Allah swt untuk meningkatkan kesejahteraannya. Hal yang amat penting dalam pandangan Islam adalah perlu diwujukkan keadilan sosial dan pengagihan kekayaan yang lebih luas, serta jangan sampai majoriti potensi ekonomi dikuasai oleh segelintir orang sahaja. Firman Allah yang bermaksud: “Dan janganlah kekayaan itu

hanya dikuasai oleh orang-orang kaya kamu sahaja.”¹⁶⁵ Ayat ini memerintahkan umat Islam untuk menciptakan persekitaran yang kondusif untuk terciptanya keadaan ekonomi yang lebih adil (*fair*). Penguasaan ekonomi oleh satu kelompok tertentu akan menimbulkan mudarat bagi kehidupan masyarakat dan negara. Dalam Islam, diantara hukum dan etika dalam ekonomi makro ialah larangan memakan riba, larangan penipuan, larangan spekulasi dan lain-lain.¹⁶⁶

Dalam Islam, negara tidak boleh melakukan campurtangan dalam semua sektor ekonomi. Namun dalam beberapa hal, diperlukan peranan negara untuk mengaturnya, agar ekonomi berjalan dengan baik dan adil. Peranan negara yang paling utama ialah memelihara kepentingan masyarakat dalam aspek agihan pendapatan dan peruntukan barang, dan perkhidmatan dalam pasaran.¹⁶⁷ Negara mestilah mampu memberikan pelayanan yang terbaik kepada masyarakat.

2.5.2. Bidang Ekonomi Mikro Islam

Salah satu elemen penting dalam struktur ekonomi Islam ialah asas ekonomi mikro. Asas mikro ini merujuk kepada tingkah laku masing-masing unit pembuat keputusan pada tahap mikro, misalnya seorang pengguna, satu rumah tangga, sebuah perusahaan atau firma, pengeluar, dan lain-lain. Dengan mengetahui kebiasaan umum penggunaan individu dan masyarakat maka dapat dijangkakan perubahan dalam permintaan pasaran. Begitu juga dengan memahami tingkah laku pengeluar dapat dijangkakan perubahan dalam *demand* (penawaran pasaran).

¹⁶⁵ Q.S. al-Hasyr : 7

¹⁶⁶ Muhammad Amin Suma (2008), *Menggali Akar Mengurai Serat Ekonomi dan Keuangan Islam*. Jakarta: Penerbit Kholam Publishing, h. 208

¹⁶⁷ Radiah Abdul Kader (2001), *Ekonomi Islam*. Kuala Lumpur: Univision Press Sdn Bhd, h. 18

Dalam sistem ekonomi kapitalis, analisis tingkah laku pengguna (*customers*) dan pengeluar (*produser*) tersebut mestilah mencerminkan asas-asas falsafah *laissez-faire* (pasaran bebas tanpa campur tangan kerajaan). Berbeza dengan sistem ekonomi Islam, analisis keduanya itu mestilah selari dengan prinsip-prinsip *tawhīd*, *khilāfah*¹⁶⁸ dan nilai moral dan etika yang menjadi asas falsafah ekonomi Islam. Seorang muslim adalah orang yang *al-istislām li Allah* (menundukkan dirinya semata-mata kepada Allah) untuk memperolehi keredaanNya. Dengan demikian sebagai pelaku ekonomi sama ada pengguna (*customers*), pengeluar (*produser*), ataupun pengedar (*distributor*) yang muslim akan berbeza gelagatnya dengan manusia ekonomi (*economic man*) yang merupakan unit analisis dalam sistem ekonomi kapitalis.

Individu muslim meyakini adanya pertanggungjawaban atas segala perbuatan yang telah dilakukannya di dunia ini. Keyakinan adanya hari kiamat, padang mahsyar, hari pembalasan, kehidupan di akhirat telah menjadikan dirinya sentiasa mengikuti peraturan-peraturan Allah swt. Prinsip tanggungjawab inilah yang bertindak sebagai kawalan dalaman ke atas fitrah atau naluri manusia yang cintakan kekayaan dan mementingkan dirinya sendiri. Prinsip pertanggungjawaban dalam Islam bukanlah untuk menyekat kegiatan ekonomi manusia melainkan sebagai kawalan bagi semua kegiatan ekonomi yang dijalankan supaya tidak hanya dirinya yang puas dan memperolehi harta sementara pihak lain menderita kerugian akibat perbuatannya, dan menanamkan rasa keprihatinan sosial terhadap masyarakat sekitarnya dengan mengeluarkan zakat yang merupakan hak orang lain yang terdapat dalam hartanya.¹⁶⁹

¹⁶⁸ *Ibid.* h. 32

¹⁶⁹ *Ibid.* h. 21

Di samping itu Islam juga menganjurkan sifat prihatin terhadap persekitaran sosialnya. Seseorang dikatakan mendustakan keislamannya bila tidak peduli terhadap anak yatim, orang miskin, orang-orang yang berhajat kepada bantuan saudaranya, sementara ia memiliki kemampuan ekonomi yang cukup untuk membantunya, oleh sebab itu, Islam mengajurkan *sadaqah*, *infāq*, *hibah*,¹⁷⁰ *wasiyyah*,¹⁷¹ *waqf*,¹⁷² dan lain-lain yang berbentuk kebajikan sosial.

Dengan kekuatan ekonomi, seseorang dapat meningkatkan kesejahteraannya di dunia dan mencapai kebahagian di akhirat bila semua amal soleh dilakukan dengan ikhlas dan mengikut sunnah Rasulullah saw. Bahkan tidak terbatas hanya setakat ini sahaja. Prinsip ‘*aml jariyyah*’¹⁷³ pada hakikatnya merupakan keprihatinan kepada persekitarannya, masyarakat dan keluarga yang menjadi tanggungjawabnya. ‘*Aml jariyyah* yang terus menyalurkan pahala bagi sesiapa yang berniat dan melakukannya selama hidupnya, kerana perbuatannya itu menghasilkan nilai positif bagi kemaslahatan orang ramai walaupun orang yang awal melakukannya telah tiada. Inilah yang memberi ilham kepada seorang muslim untuk berbuat adil dan seimbang dalam memanfaatkan ekonominya.

Tujuan mencari kekayaan yang diperintahkan oleh Islam bukanlah sekadar untuk menjadikan keperluan terpenuhi dengan puas, atau untuk mencari kebanggaan,

¹⁷⁰ *Hibah* merupakan pemberian oleh seseorang kepada orang lain tanpa mengharapkan ganjaran.

¹⁷¹ *Wasiyyah* merupakan suatu hasrat atau keinginan yang dizahirkan secara lisan atau bertulis oleh seseorang mengenai hartanya untuk diuruskan selepas berlaku kematianya.

¹⁷² *Waqt* ialah menahan harta yang mungkin dapat diambil orang manfaatnya, tidak musnah seketika, dan untuk penggunaan yang dibolehkan, serta dimaksudkan untuk mendapat reda Allah.

¹⁷³ ‘*Aml jariyyah* merupakan ‘*aml* yang dilakukan seseorang yang akan terus mendapat ganjaran selama orang lain mendapat kemaslahatan dengan apa yang telah diberikannya sekalipun orang tersebut telah tiada.

akan tetapi semua aktiviti ekonomi yang dijalankan secara menyeluruh adalah untuk menjalankan perintah Allah swt. Islam telah memerintahkan setiap muslim untuk bekerja dan memanfaatkan kekayaan yang mereka perolehi, dan juga memerintahkan setiap muslim agar mencari kehidupan akhirat dengan tidak melupakan kehidupan dunia. Oleh demikian, Islam telah menjadikan falsafah ekonominya berpijak pada upaya untuk menjalankan aktiviti ekonomi dengan berpandukan perintah Allah swt.

Kegiatan ekonomi yang dilakukan oleh seorang muslim adalah bertujuan mencapai keredaan Allah swt. Inilah kejayaan yang menjadi cita-cita muslim iaitu kebahagian di dunia dan akhirat.¹⁷⁴ Dengan demikian semua kegiatan ekonomi merupakan alat untuk menyempurnakan ketaatan kepada Allah swt. Suatu keuntungan yang diperolehi dari suatu kegiatan ekonomi hendaknya dinilai dari dua aspek utama iaitu aspek nilai ekonomi dalam bentuk nilai kegunaan atau keuntungan, dan aspek kerohanian berupa balasan pahala kerana mematuhi syariatNya.

Oleh yang demikian, dalam konteks ekonomi Islam, segala aktiviti manusia dalam melaksanakan tugasnya sebagai khalifah Allah di dunia mestilah berpandukan syariah Islam yang telah ditentukan oleh Allah swt. Antara lain tugasnya ialah meneroka dan memajukan sumber-sumber alam untuk kemakmuran dan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat¹⁷⁵.

¹⁷⁴ *Ibid.* h. 20

¹⁷⁵ Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 42

2.6. Masalah-Masalah Dalam Menjayakan Pembangunan Ekonomi

Semua negara yang ada di dunia baik negara maju maupun negara berkembang tentu melaksanakan pembangunan ekonomi dengan tujuan untuk menaikkan pendapatan per kapita atau paling tidak mempertahankan tingkat pendapatan yang telah dicapai.¹⁷⁶ Namun demikian, dalam melaksanakan pembangunan ekonomi, tentu sahaja tidak terlepas dari masalah-masalah yang dihadapi. Adapun masalah-masalah yang dihadapi dalam menjayakan pembangunan ekonomi ialah :¹⁷⁷

2.6.1. Masalah Kekurangan Modal

Modal merupakan aset yang digunakan untuk membantu pengeluaran aset yang berikutnya. Ia termasuklah semua benda yang bukan sahaja memberikan kepuasan peribadi bahkan membantu dalam penghasilan kekayaan yang lebih banyak.¹⁷⁸ Faktor utama yang mampu membantu daya pengumpulan modal ialah dengan meningkatkan pendapatan. Sekiranya pendapatan meningkat, terdapat kemungkinan wujudnya simpanan dan seterusnya meningkatkan daya pengumpulan modal.¹⁷⁹

Kekurangan modal merupakan penghalang utama bagi perkembangan ekonomi yang cepat. Ini kerana kekurangan modal akan berakibat rendahnya tingkat pengeluaran, penggunaan tenaga kerja menjadi tidak efektif, terjadinya pengangguran, dan penggunaan potensi sumber daya alam tidak maksimum.¹⁸⁰ Tambahan pula, kekurangan modal juga akan mengakibatkan permintaan bantuan ekonomi dari negara

¹⁷⁶ Irawan *et.al.* (1981), *Ekonomi Pembangunan*. Yogyakarta: Penerbit Fakultas Ekonomi Universitas Gajah Madha, H. 181

¹⁷⁷ *Ibid*

¹⁷⁸ Afzal-Ur-Rahman (1994), *op.cit.*, h. 218

¹⁷⁹ *Ibid.*, h. 221

¹⁸⁰ Jomo K.S. *et.al.* (2004), *Teori Pembangunan Ekonomi*. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, h. 19

asing antarabangsa, dan juga akan mengakibatkan kadar bunga menjadi tinggi dalam pemberian kredit.

Dalam proses pembangunan ekonomi, modal merupakan sesuatu yang amat penting bagi menambah dan mempengaruhi kelancaran produktiviti.¹⁸¹ Peningkatan produktiviti yang terjadi secara terus menerus dalam masa yang lama bergantung pada besarnya modal yang dimiliki. Oleh itu, keutamaan mesti terus diberikan terhadap masalah kekurangan modal kerana ianya mempunyai peranan yang cukup penting dalam proses pembangunan ekonomi.

2.6.2. Masalah Sumber Alam

Keupayaan ekonomi yang rendah berpuncak dari masalah sumber alam (mutu tanah yang rendah, kekurangan bahan logam, iklim, masalah pengangkutan, dan lain-lain) dan mutu tenaga kerja (dari segi kebudayaan, pendidikan, kesihatan dan pemakanan).¹⁸² Hasil kerja sesuatu ekonomi akan banyak bergantung kepada sumber alam yang dimiliki, seperti tanah, hutan, perairan, logam, minyak dan lain-lainnya.¹⁸³ Kekurangan sumber alam adalah salah satu punca terhadnya pembangunan ekonomi di sebuah negara.

Ketidakmampuan untuk memenuhi kekurangan sumber alam ini, akan mempengaruhi corak pertumbuhan ekonomi sebuah negara. Ini kerana tujuan utama untuk memenuhi sumber alam ini adalah bagi memastikan segala perkhidmatan dan

¹⁸¹ Mohd. Zaki Zakaria (1997), *Mikroekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 145

¹⁸² Jomo K.S. et.al. (1986), *Teori Pembangunan Ekonomi: Satu Ulasan Kritis Terhadap Pendekatan Yang Sedia Ada*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 25

¹⁸³ Richard T. Gill (1983), *Ekonomi Pembangunan Dulu dan Sekarang*. (Terj.) Prijono Tjiptoherijanto, Jakarta: Ghalia Indonesia, h. 23

keperluan asas masyarakat dalam sebuah negara dapat terpenuhi dengan baik.¹⁸⁴ Oleh itu, masalah kekurangan sumber alam mesti diambil perhatian yang cukup serius bagi memastikan pembangunan ekonomi berjalan dengan lancar.

2.6.3. Masalah Daya Pengeluaran Rendah

Perbandingan antara negara mundur dan maju menunjukkan perbezaan ketara dari segi tingkat pengeluaran. Tidak dinafikan bahawa daya pengeluaran rendah merupakan faktor yang menghalang pembangunan ekonomi.¹⁸⁵ Ini kerana ia melambatkan proses pengumpulan modal. Daya pengeluaran rendah menyebabkan sebahagian besar daripada kemampuan pengeluaran digunakan untuk memenuhi kehendak pengguna sedangkan hanya sebahagian kecil yang tertinggal untuk pelaburan, oleh itu, sukar untuk memulakan pengumpulan modal dalam ekonomi. bagaimanapun pengumpulan modal sebenarnya bergantung kepada agihan harta dan pendapatan serta corak penggunaan.¹⁸⁶

Apabila penduduk bertambah, ekonomi mungkin akan mengalami ketaksamaan yang bertambah buruk, oleh itu, jika daya pengeluaran lebih rendah daripada kadar pertumbuhan penduduk, maka ketakseimbangan ini boleh membawa kepada kebekuan ekonomi. Sebuah masyarakat yang tidak mampu memenuhi keperluan asas dan tidak mempunyai cukup makanan, tempat tinggal, dan kesihatan yang baik, dikenali sebagai masyarakat yang mempunyai daya pengeluaran rendah.¹⁸⁷ Keadaan ini sangat mempengaruhi pembangunan ekonomi sebuah negara.

¹⁸⁴ Sarimah Hanim Aman Shah (2005), *Prinsip Ekonomi*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd, h. 8

¹⁸⁵ *Ibid.*, h. 32

¹⁸⁶ Jomo K.S (2004), *op.cit.*, h. 22

¹⁸⁷ K. Cole *et.al.* (2001) *Aliran Pemikiran Ekonomi: Kenapa Ahli Ekonomi Tidak Sependapat?*. (Terj.) Jomo K.S *et.al.*, Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 190

2.6.4. Masalah Peranan Pemerintah

Peranan pemerintah dalam memajukan perekonomian serta hubungan sektor pemerintah dan swasta adalah bergantung pada lingkungan sosial, tingkat perkembangan ekonomi, politik, dan sebagainya. Pemerintah menjalankan tugas dalam banyak cara yang berkait rapat dengan perkembangan ekonomi, iaitu membiayai perkhidmatan awam, membentuk institusi ekonomi, membentuk penggunaan sumber, membentuk pembahagian pendapatan, mengawal kuantiti wang, mengawal turun naik ekonomi, memastikan gunatenaga penuh, dan membentuk paras pelaburan.¹⁸⁸ Jika peranan ini tidak mampu dijalankan dengan baik, maka akan menjadi masalah yang cukup serius dalam proses pembangunan ekonomi.

Pemerintah boleh mempunyai pengaruh yang berkesan ke atas perbangunan ekonomi, sekiranya mereka membuat perkara yang betul, pembangunan akan dapat dimajukan. Dalam ekonomi pembangunan menekankan mesti adanya peranan pemerintah dalam proses pembangunan bagi melahirkan sikap optimis terhadap pertumbuhan ekonomi.¹⁸⁹ Sekiranya pemerintah mempunyai pengaruh yang sedikit atau perkara yang salah, maka pembangunan ekonomi akan terhalang. Pemerintah mestilah sentiasa menggalakkan pembangunan sekeras mungkin dengan cara mengambil peranan yang menentukan dalam ekonomi.

¹⁸⁸ W. Arthur Lewis (1982), *Teori Pertumbuhan Ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 588

¹⁸⁹ M. Umer Chapra (2000), *Islam dan Pembangunan Ekonomi*. (Terj.) Ikhwan Abidin Basri, Jakarta: Penerbit Gema Insani Press, h. 46

2.6.5. Masalah Teknologi

Teknologi merupakan teknik yang mengandungi alat-alat pengeluaran barang dan perkhidmatan sama ada dalam bentuk penulisan maklumat, pengetahuan mesin, pemprosesan, kemahiran individu serta kebolehsesuaian proses pengeluaran kepada operasi asas dan keadaan pasaran.¹⁹⁰ Peningkatan dalam kemajuan teknologi akan dapat mempertingkatkan pembangunan ekonomi sesebuah negara.¹⁹¹ Akan tetapi jika ianya tidak dimanfaatkan dengan baik dan betul, maka akan menjadi ancaman terhadap perkembangan pembangunan ekonomi.

Kemajuan teknologi masa kini dari satu sudut telah banyak memberi manfaat kepada proses pembangunan sesebuah negara, tetapi pada sudut yang lain, jika tidak dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya maka kemajuan teknologi akan menjadi ancaman yang cukup serius bagi sebuah negara. Negara yang tidak mempunyai *literasi teknologi* akan terus ketinggalan dan terbelakang.

Masalah teknologi merupakan salah satu penentu dalam proses pembangunan ekonomi sesebuah negara, jika sebuah negara dapat memanfaatkan kemajuan teknologi dengan baik dan benar, maka pembangunan negara tersebut akan berjalan dengan lancar dan cepat, akan tetapi jika sebuah negara tidak mampu menguasai teknologi yang semakin meningkat, maka proses pembangunan ekonomi negara tersebut akan berjalan lambat.

¹⁹⁰ Nor Aini Haji Idris *et.al.* (2004), *Teori Pertumbuhan dan Pembangunan Ekonomi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 125

¹⁹¹ Zairon Hj Othman (1996), *Ekonomi Malaysia*. Shah Alam: Penerbit Institut Teknologi MARA, h. 7

2.7. Peranan Pendakwah Dalam Pembangunan Ekonomi

Pembangunan ekonomi dalam perspektif Islam menggalakkan setiap anggota masyarakat untuk dapat menjalin kerjasama antara satu dengan yang lain. Semangat jihad perlu ditanamkan dan dihidupkan semula dalam setiap jiwa dan individu masyarakat Islam. Hal tersebut hanya dapat dilaksanakan melalui pendidikan Islam yang dijalankan secara menyeluruh dan berterusan. Proses bagi menerapkan pembangunan ekonomi yang berteraskan Islam di sebuah kawasan hendaklah dimulai di sektor pendidikan bagi melahirkan generasi yang cekap dan berdisiplin pada masa hadapan.¹⁹² Usaha membangun kekuatan ekonomi umat Islam adalah suatu usaha yang berterusan. Tanpa kekuatan ekonomi umat Islam akan pincang dan akan dipinggirkan.¹⁹³

Agenda pembangunan ekonomi umat Islam mestalah difahami dan diyakini sebagai suatu tuntutan keagamaan terhadap umat Islam itu sendiri. Pembangunan ekonomi mengambil pendekatan pembangunan manusia secara syumul dalam semua aspek seperti, aspek rohani dan kebendaan, individu dan masyarakat, menghayati akhlak dan kegiatan ekonomi dan sebagainya.¹⁹⁴ Pembangunan manusia yang seimbang antara jasmani dan rohani sudah pasti akan lebih peka kepada nilai-nilai murni dan etika yang mulia yang seharusnya mempunyai peranan yang penting dalam kehidupan.¹⁹⁵

¹⁹² Muhammad Syukri Salleh (1987) *Pembangunan Berteraskan Islam*. Petaling Jaya: Fajar Bakti, h. 26

¹⁹³ Nik Mustapha Hj. Nik Hassan (2001) “Agenda Membangun Ekonomi Umat Islam” Dalam *Konsep Pembangunan Ummah Dalam Islam: Perspektif Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerangan dan Penyelidikan Kerajaan Negeri Johor, h. 85

¹⁹⁴ *Ibid*

¹⁹⁵ Syed Othman Al-Habshi (1992), *Islam dan Pembangunan Ekonomi Di Malaysia ; Satu Perubahan Paradigma. Dalam Kongres Menjelang Abad 21; Islam dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Penerbit Jabatan Percetakan Negara, h. 185

Dalam era semasa di mana setiap negara begitu ghairah membangunkan ekonomi negara masing-masing, permasalahan kemanusiaan seperti keruntuhan akhlak, kemiskinan, ketidakadilan, sosial dalam masyarakat, kadar jenayah yang meningkat, keruntuhan institusi keluarga, ketidakseimbangan sistem ekologi dan sebagainya turut sama berkembang dengan kadar yang membimbangkan. Jika persoalan yang ada hubungkaitnya dengan manusia ini turut terjejas maka hasil dari pembangunan ekonomi, kesejahteraan masyarakat lambat laun akan mengalami krisis yang ketara.¹⁹⁶

Dakwah secara umumnya bermaksud mengajak manusia kepada kebaikan dalam semua aspek kehidupannya. Dakwah bukan semata-mata menyeru kepada manusia menganut agama Islam, tetapi dakwah juga merupakan kegiatan untuk membangunkan manusia supaya mampu untuk menuaikan tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Islam sebagai agama yang syumul dan relevan dengan zaman, sentiasa menggalakkan manusia untuk mempertingkatkan kualiti dan potensi diri melalui konsep pembangunan. Bagi mencapai kemakmuran negara melalui pembangunan, manusia itu sendiri perlu di bangunkan dan dipertingkatkan keupayaannya baik dari segi rohani, emosi, mental dan fizikal. Itulah sebabnya konsep pembangunan ekonomi dalam Islam amat menitikberatkan tentang konsep pembangunan insan di samping pembangunan material. Atas dasar bahawa betapa pentingnya peranan manusia yang merupakan teraju utama untuk melaksanakan pembangunan dalam negara.¹⁹⁷

¹⁹⁶ Nik Musthapa Bin Nik Hassan (2006), *Pembangunan Ekonomi Seimbang & Komprehensif*. Putra Jaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, h. 1

¹⁹⁷ Fariza Md. Sham *et.al.* (2006), “Peranan Dakwah Dalam Pembangunan Modal insan.” Dalam Ahmad Zaki Berahim *et.al.*, *Prosiding Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan Peringkat Kebangsaan 2006*, Kuala Lumpur: Penerbit Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 243.

Bagaimanapun semua ini perlu dirancang dengan baik, agar pembangunan ekonomi dapat memberikan manfaat kepada seluruh masyarakat, dan tentu sahaja semua ini bergantung kepada tokoh-tokoh Islam yang memiliki pengaruh dalam membuat keputusan. Kehadiran para tokoh-tokoh Islam seperti cendekiawan muslim, ulama, imam dan para pendakwah sangat diperlukan dalam pembangunan ekonomi umat, ini kerana para tokoh tersebut adalah orang yang sangat dekat dengan masyarakat. Adapun peranan yang dilakukan oleh para pendakwah dalam pembangunan ekonomi ialah :¹⁹⁸

2.7.1. Pendakwah Sebagai Wadah Ekonomi

Sebagaimana kita ketahui bahawa ekonomi mampu meraih rasa hormat dan kagum manusia memandangkan ianya adalah perkara pertama yang dilihat oleh masyarakat dunia dewasa ini. Rasa kagum dan hormat ini sebenarnya memberi laluan yang mudah bagi dakwah Islam kerana ia menjinakkan manusia untuk menghampiri Islam.

Dalam konteks perkembangan dan penyebaran dakwah Islamiah pula, perdagangan merupakan media yang menyebar dan memperkembangkan Islam ke seluruh dunia, Islam telah dibawa ke Asia dan Afrika melalui perdagangan. Perniagaan jugalah yang menyebarkan dakwah ke seluruh pelosok dan ceruk rantau dunia ini. Oleh itu, perdagangan dan perniagaan amat penting dalam konteks penyebaran dan perkembangan dakwah Islamiah.¹⁹⁹

¹⁹⁸ Abdul Ghani Samsudin (2005), Artikel Yang Dimuat di Laman Web. <http://www.iacenter.org/>

¹⁹⁹ Mustafa Haji Daud (1994), *Perniagaan Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, h. 7

Ekonomi adalah aset utama dalam meningkatkan taraf hidup dan sosial masyarakat. Ini adalah kerana asas penting dalam sistem ekonomi Islam adalah keadilan pengagihan dan seterusnya membentuk keadilan dan keseimbangan sosial. Ini bukan bermakna menghapuskan golongan miskin kerana perkara itu adalah mustahil, tetapi nikmat kekayaan dan kesenangan itu tidak dibolot oleh individu tertentu sahaja sebaliknya ia turut dirasai oleh semua. Pelaksanaan sistem zakat, pengharaman riba dan seumpamanya adalah wasilah kepada pembentukan ekonomi yang stabil dan sihat. Di sini amat diperlukan peranan tokoh-tokoh Islam seperti pendakwah dalam mengelola pelaksanaan zakat, memberi penjelasan tentang pengharaman riba dan mengajak umat Islam untuk menghindari aktiviti-aktiviti ekonomi yang mengandung unsur riba. Peranan ini amat penting dimainkan oleh pendakwah, kerana ianya akan menjadi wadah bagi masyarakat dalam memahami persoalan-persoalan ekonomi.

2.7.2. Pendakwah Sebagai Model Aktiviti Ekonomi Yang Bersih

Falsafah ekonomi Islam tidaklah terhenti mengajar orang supaya bekerjasama selepas menggalakkan mereka melibatkan diri dalam perusahaan yang produktif. Ia mencipta pendorong yang kuat bagi pembangunan. Seorang Islam yang sebenar memandang usaha pembangunan sebagai perjuangan kejalan Allah. Pembangunan ekonomi telah menjadi syarat yang perlu dan mesti dipenuhi untuk membolehkan orang-orang Islam melaksanakan tugas dengan sifat kemanusiaan. Tugas ini terkait dengan kesejahteraan semua umat manusia.²⁰⁰

²⁰⁰ Muhammad Najetullah Siddiqi (1989), *Pemikiran Ekonomi Islam: Suatu Tinjauan Penulisan Semasa*. (Terj.) Mohd Amin Bin Abdullah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 10

Seorang muslim yang berjaya di dalam dunia dan akhirat adalah orang yang lebih teguh di dalam ekonomi untuk kepentingan diri sendiri dan memberi sumbangan kepada masyarakat. Bahkan untuk urusan ibadah yang menjadi rukun agama seperti zakat, haji dan kebajikan am lainnya, tidak dapat ditunaikan tanpa memiliki ekonomi yang mapan, hanya sahaja cara untuk memperolehnya perlu menepati tuntutan syariah.²⁰¹

Pendakwah merupakan pemimpin umat, secara tidak langsung mereka merupakan teladan dalam masyarakat Islam, oleh itu setiap tindakan dan aktiviti yang dilakukan menjadi ikutan bagi masyarakat umum, maka pendakwah perlu mencebur diri dalam aktiviti ekonomi, memberikan contoh kepada masyarakat dalam pelaksanaan aktiviti ekonomi yang bersih.

Aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh orang-orang beriman melahirkan masyarakat yang soleh dan dihormati, ini kerana segala sifat-sifat mulia seperti belas kasihan, kerja sama, persaudaraan, jujur dan amanah menjadi asas pengisian terhadap aktiviti yang diamalkan sehingga melahirkan keimanan.²⁰²

Islam telah merestui semua aktiviti-aktiviti ekonomi yang halal, iaitu selari dengan ajaran agama Islam. Perdagangan, usaha perniagaan, koperasi dan lain-lain adalah halal dari segi operasinya. Walau bagaimanapun agama Islam telah menggariskan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan segala usaha perniagaan. Undang-undang dan peraturan ini digariskan dengan tujuan untuk

²⁰¹ Haron Din (2007), *Islam: Agama Bisnes & Pengurusan*. Kuala Lumpur: Penerbit PTS Millennia Sdn. Bhd, h. 56

²⁰² Sobri Salamon (1989), *Ekonomi Islam: Pengenalan Sistem dan Kemungkinan*. Petaling Jaya: Penerbit Al-Rahimah, h. 15

memastikan bahawa perniagaan-perniagaan tersebut dijalankan dengan jujur, amanah dan bermanfaat.²⁰³

Kehadiran pendakwah dalam aktiviti ekonomi boleh menjadi *role model* dalam menjayakan ekonomi umat Islam, ini kerana aktiviti ekonomi yang dijalankan pendakwah adalah aktiviti ekonomi yang berlandaskan syariah, yang jauh dari unsur-unsur riba dan kebathilan. Oleh itu, keterlibatan pendakwah dalam ekonomi ini akan menjadi contoh dalam masyarakat dan pengusaha-pengusaha lainnya, juga sebagai teladan dalam menjalankan aktiviti ekonomi yang bersih.

2.7.3. Peranan Dalam Memajukan Sektor Ekonomi Mikro Islam

Sektor ekonomi mikro merupakan salah satu penyumbang terbesar dalam pembangunan ekonomi, sektor ekonomi mikro ini termasuk dari usaha-usaha kecil dan menengah. Sektor ekonomi mikro merupakan pemain utama dalam kegiatan ekonomi dipelbagai sektor, selain mampu menyediakan lapangan kerja, sektor ekonomi mikro juga mampu mengembangkan ekonomi tempatan dan pemberdayaan ekonomi masyarakat.

Para pendakwah yang terlibat aktif dalam aktiviti ekonomi, merupakan pengusaha-pengusaha yang bergerak dalam sektor ekonomi mikro, kehadiran mereka dalam menceburi dunia bisnes sedikit sebanyak telah menggerakkan sektor ekonomi mikro. Disamping itu, bisnes yang mereka jalankan adalah bisnes yang dilandasi konsep ekonomi syariah, dan ini bererti, mereka telah memajukan sektor ekonomi mikro Islam.

²⁰³ Muhammad Zakariyya Al-Kandahlawi (1994), *Kelebihan Perniagaan dan Pencarian Nafkah Dalam Islam: Jawaban Terhadap Masalah Mu'amalah Harian Anda*. Kuala Lumpur: Penerbit Darul Nu'man, cet. I h. 2

2.7.4. Peranan Dalam Memberikan Image Positif

Islam merupakan agama yang memberikan rahmat bagi semua orang. Islam melihat kehidupan sebagai satu kesatuan, kehadiran Islam bukan untuk diingkari, melainkan untuk dipatuhi. Islam tidak mempercayai kehidupan yang berorientasi pada akhirat tanpa memikirkan kehidupan dunia, ataupun sebaliknya hanya memikirkan materi tanpa memikirkan dunia akhirat.²⁰⁴

Manusia merupakan satu-satunya makhluk yang dicipta Allah dengan pelbagai kelebihan dan potensi. Dengan kelebihan dan potensi yang dikurniakan akan membolehkan mereka berusaha untuk memastikan pencapaian kejayaan yang berterusan melalui pelbagai pekerjaan. Namun begitu, walaupun manusia berjaya mencapai pelbagai kejayaan melalui pekerjaan yang dilakukan, tetapi jika tidak bersandarkan kepada tuntutan Islam pasti mereka akan tergelincir ke lembah kemusnahan yang akan berakhir dengan kegagalan. Ini adalah kerana pekerjaan yang dilakukan dan natijah daripada pekerjaan berkenaan tidak mampu meningkatkan martabat keinsanan dan mendekatkan diri kepada Tuhan. Sebaliknya, ia akan menjurus kepada kemusnahan nilai-nilai keinsanan dan juga sumber fizikal alam.²⁰⁵

Dengan demikian, dengan semakin banyaknya pendakwah yang menceburι ekonomi, maka secara berangsur-angsur ini telah membentuk persepsi yang baik dari masyarakat terhadap Islam. Kehadiran pendakwah dalam aktiviti bisnes akan memberikan image yang positif dalam masyarakat, bahawa Islam bukan sahaja

²⁰⁴ Adiwarman Azhar Karim (2001), *Sejarah Pemikiran Ekonomi Islam*. Jakarta: International Institute of Islamic Thought, h. 23

²⁰⁵ Ab. Aziz Yusof *et.al.* (2008), *Pengurusan Perniagaan Islam: Konsep, Isu dan Pelaksanaan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, h. 31

mementingkan urusan akhirat, tetapi juga mengambil berat tentang kehidupan dunia demi memperoleh kebahagian hidup diakhirat.

2.7.5. Peranan Dalam Memajukan Ekonomi Ummah

Krisis ekonomi yang melanda umat Islam ketika ini terjadi salah satu penyebabnya ialah akibat tidak meratanya pengagihan pendapatan dan kesempatan berusaha bagi masyarakat. Selama ini masyarakat masih dijadikan objek pembangunan sahaja, tetapi belum dilibatkan sepenuhnya dalam pembangunan yang menyeluruh, sehingga masyarakat kehilangan keseimbangan dalam menghadapi kemajuan ekonomi global. Dalam konteks Islam, pembangunan ummah mesti dilaksanakan secara menyeluruh, bukan hanya meliputi aspek fizikal tetapi juga memenuhi kehendak rohani.

Islam bukan sahaja sekadar agama, tetapi juga suatu cara mengorganisasikan lingkungan untuk membaiki kehidupan ke arah yang lebih baik. Dengan demikian Islam memiliki seperangkat wawasan mengenai bidang-bidang ekonomi, *financial, administrasition* dan sosial yang kesemuanya berakar di dalam suatu model pengorganisasian lingkungan. Islam menyediakan suatu kerangka kerja untuk pembangunan dan organisasi ummah.²⁰⁶ Keterlibatan pendakwah dalam aktiviti ekonomi akan menjadi penentu dalam pembangunan ekonomi ummah.

²⁰⁶ Ibrahim Boolaky (1985), “Sistem Ekonomi dan Keuangan Kota Dalam Islam” Dalam Amrullah Achmad *et.al.* (Ed.), *Islamisasi Ekonomi: Suatu Sketsa Evaluasi dan Prospek Gerakan Perekonomian Islam*. Yogyakarta: Penerbit PLP2M, h. 113

2.7.6. Peranan Dalam Pengembangan Dan Sosialisasi Ekonomi Islam

Sistem ekonomi kapitalis dan sosialis yang telah banyak mempengaruhi sistem perekonomian dunia saat ini, menyebabkan sebahagian umat Islam meragukan bahawa Islam tidak mempunyai sistem ekonomi sendiri. Konsep yang keliru ini timbul kerana kurangnya pengetahuan mengenai nilai-nilai Islam dan falsafah hidup. Pada kenyataannya Islam adalah satu-satunya agama yang mengemukakan prinsip-prinsip yang meliputi semua aspek kehidupan manusia, tidak hanya mengenai ibadah sahaja, tetapi juga membincangkan tentang nilai-nilai ekonomi. Islam telah menanamkan pelan kerja yang luas berdasarkan atas kesempatan berekonomi yang sama dan adil untuk mengarahkan umatnya kearah ekonomi yang seimbang.

Peranan pakar-pakar ekonomi, sama ada pakar ekonomi Islam mahupun pakar-pakar ekonomi konvensional yang mempunyai kepedulian terhadap Islam amat diperlukan untuk mengembangkan dan mensosialisasikan sistem ekonomi Islam di tengah-tengah masyarakat bagi menumbuhkan kepercayaan masyarakat terhadap ekonomi Islam. Oleh itu, pendakwah sebagai orang yang rapat dengan masyarakat dilihat cukup strategik untuk mengemban amanah ini.

Selain peranan-peranan yang dikemukakan diatas, beberapa hal perlu dilakukan oleh pendakwah dalam menjayakan pembangunan ekonomi, iaitu :²⁰⁷

1. Pendakwah perlu memahami secara mendalam tentang ekonomi umat supaya dapat menghadapi cabaran ekonomi yang semakin berkembang. Kerana tanpa memahami

²⁰⁷ Ibid

dengan lebih mendalam maka usaha untuk memajukan ekonomi umat mungkin akan kurang berkesan.

2. Dalam konteks globalisasi ekonomi, pendakwah perlu merumuskan dasar-dasar ekonomi yang lebih adil, Islami dan melindungi nilai-nilai moral dan kemanusiaan. pendakwah boleh menyakinkan umat dan orang ramai tentang kelebihan-kelebihan ekonomi Islam.
3. Pendakwah perlu mendorong kepada kewujudan badan koperasi, institusi kewangan, syarikat dan perusahaan yang berlandaskan ekonomi Islam atau dasar ekonomi yang lebih berperikemanusiaan dari yang ada sekarang.
4. Pendakwah harus memberikan penyelesaian secara Islami dalam mengatasi krisis ekonomi yang tengah dihadapi umat.
5. Pendakwah perlu membuktikan bahawa sistem ekonomi Islam adalah pilihan terbaik untuk mengatasi krisis ekonomi.

Lanjutan dari itu, para pendakwah juga perlu memberikan pemahaman kepada masyarakat bahawa:²⁰⁸

1. Bekerja dan berusaha adalah sesuatu yang dipandang mulia oleh Islam dan digalakkan.
2. Mencebur diri dalam bidang keusahawanan adalah amal soleh yang besar pahalanya.
3. Sebaik-baik makanan ialah makanan yang terhasil daripada kerja dan usaha sendiri.
4. Orang yang paling disayangi oleh Allah ialah orang yang paling banyak memberi manfaat kepada orang lain. Para usahawan adalah antara orang yang selalu berusaha

²⁰⁸ Adnan Alias Mohamed Dahlan Ibrahim (2002) *Keusahawanan Islam*. Selangor: Penerbit Prentice Hall, h. 3

untuk menghasilkan manfaat kepada masyarakat, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

5. Islam menganjurkan supaya melibatkan diri dengan bekerja dan berusaha untuk mendapatkan rezeki yang halal.

Islam menekankan pentingnya kerja sebagai asas pencaharian rezeki, pekerjaan bukan sahaja dianggap sebagai sesuatu yang mulia, bahkan ia menanamkan rasa tanggungjawab dalam diri untuk maju kehadapan. Umat Islam perlu berdikari dan bukannya setiap masa dibantu oleh orang lain, apatah lagi oleh orang yang berlainan agama.²⁰⁹ Sehubungan dengan itu, ciri utama pembangunan ekonomi menonjolkan keadilan sosial dan pertumbuhan itu berjalan serentak. Ini dipastikan oleh dorongan bahawa Islam membuka jalan untuk pembangunan ekonomi demi tercapainya keadilan dan usaha untuk memajukan kehidupan ke arah yang lebih baik.

Tujuan Islam menggalakkan pembangunan ekonomi bukan untuk menjadi kaya atau untuk menjadi jutawan atau untuk menguasai dunia dan sebagainya, tetapi adalah untuk:

1. Supaya hukum Allah tertegak di dalam ekonomi.
2. Membangun ibadah asas.
3. Membangun fardhu kifayah di bidang ekonomi agar terhapus dosa bersama.
4. Berkhidmat kepada masyarakat.
5. Berdikari dan tidak bergantung kepada orang lain.
6. Untuk membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat.
7. Untuk mensyukuri nikmat Allah.

²⁰⁹ Asyraf Hj. Ab Rahman *et.al.* (2008), *Islam dan Ekonomi*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu, h. 5

8. Untuk membuat kebajikan sebanyak-banyaknya kepada masyarakat melalui ekonomi, kerana orang yang banyak membuat kebajikan kepada makhluk dianggap sebaik-baik manusia.

Demikianlah peranan yang mesti dimainkan oleh pendakwah dalam pembangunan ekonomi, apa yang ingin disimpulkan disini adalah, bahawa Islam lebih menitikberatkan pembangunan rohani sebelum menuju kepada pembangunan material. Pembangunan material akan lebih sempurna dan efektif sekiranya akhlak dan kerohanian setiap umat Islam telah mapan.

BAB III

EKONOMI MASYARAKAT KOTA MEDAN

Pembangunan kota Medan saat ini tidak terlepas dari tuntutan persaingan global, serta tuntutan keperluan masyarakat yang semakin besar yang menginginkan tingkat kesejahteraan yang lebih baik. Pembangunan ekonomi kota Medan mengalami perubahan dari semasa ke semasa, dari ekonomi tradisional ke ekonomi moden. Pengembangan ekonomi masyarakat kota Medan bermula dari ekonomi berdasar lingkungan hingga pelaburan, yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan per kapita masyarakat.

3.1. Pengenalan Kota Medan

Kota Medan adalah ibu kota provinsi²¹⁰ Sumatera Utara, salah satu negeri yang terletak disebelah barat Indonesia.²¹¹ Sebagai salah satu daerah ottonom berstatus kota di provinsi Sumatera Utara, kedudukan, fungsi dan peranan kota Medan cukup penting dan strategik secara *regional*. Bahkan sebagai Ibukota Provinsi Sumatera Utara, kota Medan sering digunakan sebagai tolak ukur dalam pembangunan dan pelaksanaan pemerintah daerah.

Untuk mewujudkan pembangunan kota Medan yang lebih terancang, terarah, menyeluruh, bersepadau, realistik, berterusan dan boleh dinilai, maka perlu dirumuskan rancangan strategik sebagai *guide line* penyelenggaraan pemerintahan, pembangunan

²¹⁰ Sebutan untuk Ibu Negeri

²¹¹ Buku Medan Selayang Pandang tahun 2007, hal. 2

dan pembinaan masyarakat di kota Medan²¹². Dengan demikian di samping adanya rencana pembangunan bandar yang handal, perlu adanya pengukuran capaian prestasi sebagai bentuk akuntabiliti yang dapat meningkatkan perkhidmatan awam yang dikehendaki.

Dikuatkuasakannya Undang-Undang Nombor 32 Tahun 2004 tentang pemerintahan daerah, ternyata telah membawa perubahan, terutamanya dari sudut pentadbiran penyelenggaraan pemerintahan kota. Dikuatkuasakannya Undang-Undang tersebut telah membawa implikasi, iaitu :²¹³

- a. Semua persoalan diselesaikan di peringkat lokal.
- b. Semua daerah mesti mempunyai kreativiti dan inovasi guna memajukan dan menjayakan pembangunan.
- c. Memperakui adanya pelbagai berbezaan, sama ada perbezaan suku, budaya, agama mahupun prinsip atau fahaman, dan menjadikan perbezaan tersebut sebagai potensi negara atau kota.
- d. Adanya kerjasama antara dewan parlimen dengan pentadbir kerajaan dalam memajukan pembangunan kota
- e. Perlunya peranserta masyarakat yang dinamik dalam mentadbir pemerintahan dan pembangunan kota.

Dari sudut pentadbiran pula, autonomi daerah juga dinamakan dengan adanya pertukaran kekuasaan dari yang semula dikuasai oleh kerajaan pusat menjadi penguasaan daerah, kemudian bekerjasama dengan masyarakat. Adanya perubahan

²¹² *Ibid*

²¹³ Buku Rencana Pembangunan Jangka Menengah (RJPM) Tahun 2006-2010 Pemko Medan, hal. 6

tersebut, menjadikan adanya perubahan dalam strategik pembangunan kota yang dilaksanakan termasuk oleh pemerintah kota Medan.

Pelaksanakan outonomi daerah tersebut menjadikan pembagian kekuasaan antara pemerintah pusat dengan daerah. Kekuasaan pemerintah pusat hanya pada aspek-aspek yang sangat terhad seperti politik luar negeri, pertahanan, peradilan, moneter dan fiskal, agama serta kekuasaan lain yang tidak atau belum dapat dilaksanakan oleh pemerintah daerah. Untuk itu, Kota Medan harus mampu melaksanakan pentadbiran yang merangkumi administrasi pemerintahan umum, pertanian, perikanan dan kelautan, industri dan perdagangan, koperasi, penanaman modal, kerja raya, kesehatan, pendidikan dan kebudayaan, sosial, pemukiman, perhubungan, lingkungan hidup, kependudukan dan sukan.

Bagi Pemerintah Kota Medan, pelaksanaan outonomi daerah harus mampu memberikan pelayanan kepada masyarakat dan dunia usaha secara adil dan sama rata, sehingga pembangunan dapat terlaksana dengan baik. Kota Medan yang merupakan ibukota provinsi Sumatera Utara telah berkembang dengan pesat sejalan dengan kemajuan pembangunan sekarang ini. Kota Medan ditadbir oleh Walikota²¹⁴ dan mempunyai hubungan secara langsung dengan gabenor kepala daerah tingkat I²¹⁵ Sumatera Utara.

²¹⁴ Sebutan untuk Datuk Bandar

²¹⁵ Sebutan untuk Menteri Besar

Sejak kemerdekaan Republik Indonesia pada tahun 1945 hingga saat ini, kota Medan telah mengalami beberapa kali perubahan pemerintah. Hal ini dapat dilihat dari jadual senarai pentadbir kota Medan, di bawah ini.

Jadual 3.1 : Pentadbir Kota Medan
(1945-2009)

NO	PENTADBIR	JANGKA MASA
1	MR. Luat Siregar	Oktober 1945 s/d November 1945
2	MR. M. Yusuf	November 1945 s/d Ogos 1947
3	Djaidin Purba	Ogos 1947 s/d July 1952
4	A.M. Jalaludin	July 1952 s/d Disember 1954
5	H. Muda Siregar	Disember 1954 s/d Jun 1958
6	Madja Purba	Jun 1958 s/d Februari 1961
7	Basyrah Lubis	Februari 1961 s/d Oktober 1964
8	P.R. Telaumbanua	Oktober 1964 s/d Ogos 1965
9	Aminurraisyid	Ogos 1965 s/d September 1966
10	Drs. Sjoerkani	September 1966 s/d July 1974
11	A.M. Saleh Arifin	July 1974 s/d Mac 1980
12	H.A.S. Rangkuti	Mac 1980 s/d Mac 1990
13	H. Bachtiar Djafar	Mac 1990 s/d Mac 2000
14	Drs. H. Abdillah Ak, MBA	Mac 2000 s/d 2008
15	Drs. H. Rahudman Harahap MM	2008 s/d saat ini

Sumber : Bahagian Organisasi Pejabat Walikota Medan 2009

Berdasarkan data di atas diketahui bahawa pentadbir kota Medan yang paling lama memegang jawatan tersebut adalah bapak H.A.S Rangkuti (Mac 1980 s/d Mac 1990) dan bapak H. Bachtiar Djafar (Mac 1990 s/d Mac 2000) kedua-dua pentadbir ini telah memegang jawatan tersebut selama 10 tahun, manakala bapak MR. Luat Siregar merupakan Walikota Medan yang paling singkat iaitu hanya satu bulan sahaja.

Pasal 1 Undang-Undang No.22 tahun 1999, tentang pemerintahan di Indonesia menjelaskan bahawa Gabenor merupakan pentadbir di peringkat Negeri. Walikota/Bupati merupakan pentadbir pada peringkat kota/daerah. Manakala kecamatan

ditadbir oleh Camat/Ketua mukim. Fungsi Pemerintah Kota Medan pada asasnya dapat dibahagi ke dalam lima sifat, iaitu :²¹⁶

1. Memberi pelayanan.
2. Melakukan pengaturan (penetapan perda).
3. Melaksanakan pembangunan.
4. Sebagai perwakilan kepada pemerintah provinsi dan pusat.
5. Merancang dan mengawal pelaksanaan pembangunan kota.

Berdasarkan lima sifat ini, maka pemerintah kota Medan melaksanakan dua bidang pengurusan, iaitu :²¹⁷

1. Pengurusan pentadbiran secara teknikal yang pelaksanaannya dilakukan oleh jabatan-jabatan daerah.
2. Pengurusan pentadbiran secara am, iaitu :
 - i. Kekuasaan mengatur yang dilaksanakan bersama dengan Dewan Perwakilan Rakyat Daerah, sebagai badan parlimen kota.
 - ii. Kekuasaan yang tidak bersifat mengatur yang dilaksanakan oleh Walikota sebagai pimpinan tertinggi pemerintahan kota.

Dalam kaitan ini, maka pemerintah kota Medan dituntut untuk melaksanakan pentadbiran yang merangkumi bidang pertanian, perikanan dan kelautan, industri dan perdagangan, koperasi, pelaburan, kerja raya, kesihatan, pendidikan dan kebudayaan, sosial, lingkungan hidup, kependudukan dan sukan.

²¹⁶ Buku Rencana Pembangunan Jangka Menengah (RJPM) Tahun 2006-2010 Pemko Medan, *Op.Cit*, hal. 7

²¹⁷ *Ibid*

Dalam menguruskan dan menjalankan pentadbiran yang komited, maka pemerintah kota Medan telah menetapkan beberapa visi bagi menjayakan pembangunan. Adapun visi pemerintah kota Medan ialah :²¹⁸

1. Menjadikan Medan sebagai kota metropolitan yang moden. Kota moden yang akan diwujudkan adalah kota perkhidmatan, perdagangan, kewangan, dan pendidikan yang siap bersaing secara *regional* dan *global* dengan sistem arus kewangan yang *efisien* serta *competitif* dengan sokongan infra-struktur, sosial ekonomi yang lengkap, asas perekonomian yang kuat, stabiliti keamanan, sosial dan politik yang aman dan pentadbiran yang profesional serta pembangunan yang berfokus pada peningkatan kesejahteraan masyarakat, kualiti sumber daya manusia, ilmu pengetahuan dan teknologi, serta iman dan taqwa.
2. Menjadikan Medan sebagai kota madani. Kota madani yang akan diwujudkan adalah kota yang beradab dan penuh dengan nilai-nilai keagamaan sebagai cerminan dalam cara berfikir, sikap dan perilaku yang berbudaya, mandiri, menghargai ilmu pengetahuan, kepelbagaian, adil, terbuka, serta demokratik.
3. Menjadikan Medan sebagai kota yang religi. Kota religi yang akan diwujudkan adalah kota dengan masyarakat yang dinamik, menjunjung tinggi nilai ajaran agama sehingga menjadikan agama sebagai landasan etika dan moral. Di samping itu makna utama dari visi religi adalah terwujudnya sikap bertimbangrasa dan kerukunan hidup beragama, antara umat beragama dan antara kaum serta dengan pemerintah yang tercermin dalam kehidupan sehari-hari.

Proses reformasi yang terjadi di Indonesia telah menjadikan kota Medan menjadi daerah outonom, hal ini terlaksana ketika Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia (DPR-RI) menggubal Undang-Undang Autonomi Daerah Nombor 22 Tahun

²¹⁸ Buku Kota Medan Pintu Gerbang (Bappeda), (2007), hal. 5

1999 tentang ottonomi daerah, dan Undang-Undang Nomor 25 Tahun 1999 tentang perimbangan kewangan antara pusat (Jakarta) dan daerah.²¹⁹ Dengan demikian kota Medan adalah merupakan daerah ottonom setelah dikuatkuasakan undang-undang tersebut. Oleh itu peranan walikota dan seluruh masyarakat sangat diperlukan dalam melaksanakan pembangunan di kota Medan.

3.2. Keadaan Geografi dan Demografi Penduduk Kota Medan

Secara amnya ada dua faktor yang dapat mempengaruhi pembangunan kota Medan, pertama faktor geografi, dan kedua faktor demografi. Kedua faktor tersebut biasanya berhubung kait satu dengan lainnya, tetapi faktor-faktor lain seperti ekonomi, politik, kewangan, pentadbiran dan keamanan negara juga merupakan penentu dalam pembangunan ekonomi kota Medan.

3.2.1. Keadaan Goegrafi Kota Medan

Secara geografi kota Medan terletak pada $3^{\circ} 30' - 3^{\circ} 43'$ Lintang Utara dan $98^{\circ} 35' - 98^{\circ} 44'$ Bujur Timur. Untuk itu topografi kota Medan cenderung miring ke

²¹⁹ Kementerian Dalam Negeri Republik Indonesia (1999) *Undang-Undang Otonomi Daerah 1999: Undang-Undang Nomor 22 Tahun 1999 Tentang pemerintahan Daerah, Undang-Undang Nomor 25 Tahun 1999 Tentang Perimbangan Keuangan Antara Pemerintah Pusat dan Daerah, Undang-Undang Nomor 28 Tahun 1999 Tentang Penyelenggaraan Negara Yang Bersih dan Bebas Dari Korupsi, Kolusi dan Nepotisme*. Jakarta: Restu Agung, hal. 11

utara dan berada pada ketinggian 2,5 - 37,5 meter diatas permukaan laut. Kota Medan mempunyai sempadan daerah seperti berikut :²²⁰

- a. Sebelah utara bersempadan dengan selat Melaka.
- b. Sebelah selatan bersempadan dengan kabupaten Deli Serdang
- c. Sebelah barat bersempadan dengan kabupaten Deli Serdang
- d. Sebelah timur bersempadan dengan kabupaten Deli Serdang

Kota Medan memiliki luas 26.510 Ha (265,10 km²) atau 3,6% dari keseluruhan kawasan Sumatera Utara.²²¹ Dengan demikian, dibandingkan dengan kota/kabupaten lainnya, Kota Medan memiliki luas kawasan yang cukup kecil, tetapi dengan jumlah penduduk yang cukup ramai. Daerah kota Medan dilalui beberapa aliran sungai dan semuanya bermuara ke Selat Malaka. Sungai-sungai itu adalah sungai Deli, sungai Babura, sungai Sikambing, sungai Denai, sungai Putih, sungai Badra, sungai Belawan dan sungai Sulang Saling/Sei Kera.²²² Ini berarti sepanjang wilayah Utara, kota Medan bersempadan langsung dengan Selat Malaka. Dengan demikian kota Medan memiliki posisi strategik sebagai pintu masuk aktiviti perdagangan barang dan perkhidmatan, baik perdagangan tempatan maupun luar negara.

Mengenai curah hujan di kota Medan digolongkan dua macam iaitu, Maksima Utama dan Maksima Tambahan. Maksima Utama terjadi pada bulan Oktober sehingga bulan Disember sedang Maksima Tambahan antara bulan Januari sehingga bulan September. Secara rinci curah hujan di kota Medan rata-rata 2000 pertahun dengan intensiti rata-rata 4,4 mm/jam.²²³

²²⁰ Badan Pusat Statistik Kota Medan tahun 2007, hal. 2

²²¹ *Ibid*

²²² *Ibid*

²²³ *Ibid*

Berdasarkan peraturan pemerintah Republik Indonesia Nombor 35 tahun 1992 tentang pembentukan beberapa kecamatan di Kotamadya Daerah Tingkat II kota Medan, kawasan kota Medan dijadikan lebih luas dari tahun-tahun sebelumnya iaitu dari 11 kecamatan dengan 144 kelurahan menjadi 21 kecamatan dengan 151 kelurahan. Hal itu dapat dilihat melalui jadual di bawah ini.

Jadual 3.2 : Kecamatan dan luas wilayah di kota Medan tahun 2008

NO	KECAMATAN	LUAS WILAYAH (km)²
1	Kecamatan Medan Amplas	11,19 km ²
2	Kecamatan Medan Area	5,52 km ²
3	Kecamatan Medan Barat	6,82 km ²
4	Kecamatan Medan Baru	5,84 km ²
5	Kecamatan Medan Belawan	26,25 km ²
6	Kecamatan Medan Deli	20,84 km ²
7	Kecamatan Medan Denai	9,00 km ²
8	Kecamatan Medan Helvetia	13,16 km ²
9	Kecamatan Medan Johor	14,58 km ²
10	Kecamatan Medan Kota	5,27 km ²
11	Kecamatan Medan Labuhan	36,67 km ²
12	Kecamatan Medan Maimun	2,98 km ²
13	Kecamatan Medan Marelan	23,82 km ²
14	Kecamatan Medan Perjuangan	4,09 km ²
15	Kecamatan Medan Petisah	5,33 km ²
16	Kecamatan Medan Polonia	9,01 km ²
17	Kecamatan Medan Selayang	12,81 km ²
18	Kecamatan Medan Sunggal	15,44 km ²
19	Kecamatan Medan Tembung	7,99 km ²
20	Kecamatan Medan Timur	7,76 km ²
21	Kecamatan Medan Tuntungan	20,68 km ²

Sumber : Jabatan Statistik Kota Medan 2008

Dari jadual di atas dapat diketahui bahawa di antara kecamatan yang terdapat di kota Medan, yang paling luas adalah kecamatan Medan Labuhan iaitu 36,67 km². seterusnya adalah kecamatan Medan Belawan iaitu 26,25 km². kemudian kecamatan Medan Marelan yang mempunyai luas 23,82 km².

3.2.2 Keadaan Demografi Kota Medan

Garis-garis Besar Haluan Negara (GBHN) menyatakan bahwa jumlah penduduk yang besar dan berkualiti akan menjadi modal asas yang efektif bagi pembangunan nasional. Namun dengan pertumbuhan yang pesat, sukar untuk meningkatkan mutu kehidupan dan kesejahteraan secara layak dan merata. Hal ini bererti bahwa penduduk yang besar dengan kualiti yang tinggi tidak akan mudah untuk dicapai. Program kependudukan di kota Medan seperti halnya di daerah lainnya di Indonesia merangkumi, iaitu :²²⁴

- i. Pengendalian kelahiran.
- ii. Penurunan tingkat kematian bayi dan anak.
- iii. Perpanjangan usia harapan hidup.
- iv. Penyebaran penduduk yang seimbang.
- v. Pengembangan potensi penduduk sebagai modal pembangunan yang terus ditingkatkan.

Komponen kependudukan secara amnya menggambarkan pelbagai dinamik sosial yang terjadi di masyarakat, baik secara sosial maupun budaya. Menurunnya

²²⁴ *Ibid.*, h. 4

tingkat kelahiran (*fertility*) dan tingkat kematian (*mortality*), meningkatnya arus perpindahan antar daerah (*migration*) dan proses *urbanization*, akan mempengaruhi kebijakan kependudukan yang diterapkan. Ketidak seimbangan komponen penduduk tersebut akan mempengaruhi masalah ekonomi, sosial, politik, keamanan, dan tingkat pengagihan kesejahteraan masyarakat.

a. Jumlah Penduduk Berdasarkan Tingkat Kepadatan

Pertumbuhan penduduk setiap tahun dapat diketahui apakah berkurang atau bertambah dengan melakukan bancian penduduk yang dijalankan. Perubahan jumlah penduduk juga selalu diikuti dengan masalah yang terjadi seperti bahan makanan, kesehatan, pendidikan, tempat tinggal dan juga masalah sosial lainnya. Masalah penduduk merupakan masalah yang sangat serius yang dihadapi oleh pemerintah, kerana ianya berkait dengan kesejahteraan penduduk tersebut.

Sebagai salah satu kota terbesar di Indonesia, penduduk kota Medan dari tahun ke tahun mengalami peningkatan. Hal ini disebabkan semakin tingginya tingkat kelahiran dan ditambah pula dengan semakin ramainya penduduk di perkampungan yang datang ke kota Medan untuk mencari pekerjaan. Untuk lebih jelasnya dapat dilihat pada jadual di bawah ini.

Jadual 3.3 : Jumlah Penduduk, Tingkat Kepadatan dan Luas Wilayah Kota Medan
Tahun 2001-2007

T a h u n	Jumlah Penduduk	Laju Pertumbuhan Penduduk	Luas Wilayah (KM ²)	Kepadatan Penduduk (Jiwa/KM ²)
2001	1.926.052	1,17	265,10	7.267
2002	1.963.086	1,94	265,10	7.408
2003	1.993.060	1,51	265,10	7.520
2004	2.006.014	0,63	265,10	7.567
2005	2.036.018	1,50	265,10	7.681
2006	2.067.288	1,53	265,10	7.798
2007	2.083.156	0,77	265,10	7.858

Sumber : Badan Pusat Statistik Kota Medan Tahun 2007

Berdasarkan jadual 3.3 di atas diketahui bahawa jumlah penduduk Kota Medan terus meningkat setiap tahunnya, dari 2.067.288 orang pada tahun 2006 menjadi 2.083.156 orang pada tahun 2007. peningkatan tersebut berkisar 1,53% pada tahun 2006 dan 0,77% pada tahun 2007. Walaupun meningkat namun tidak terlalu ketara, bahkan percepatan pertumbuhan penduduk cenderung lebih rendah tahun 2007 berbanding tahun 2006.

b. Jumlah Penduduk Berdasarkan Kelompok Umur

Berdasarkan data kependudukan dari tahun 2001 hingga tahun 2007, penduduk kota Medan mengalami peningkatan. Pada tahun 2007 penduduk kota Medan berjumlah 2.083.156 orang, terdiri dari 1,034,696 lelaki dan 1,048,460 perempuan.²²⁵ Untuk lebih jelasnya dapat dilihat pada jadual kependudukan dibawah ini.

Jadual 3.4 :Jumlah Penduduk Kota Medan
Menurut Kelompok Umur Tahun 2007

Kelompok Umur	Lelaki		Perempuan		Jumlah	
	Jiwa	Peratusan	Jiwa	Peratusan	Jiwa	Peratusan
0 - 4	89,206	8,62	92,853	8,86	182,059	8,74
5 - 9	96,559	9,33	91,885	8,76	188,444	9,05
10 - 14	98,519	9,52	100,590	9,59	199,109	9,56
16 - 19	111,263	10,75	105,426	10,06	216,689	10,40
20 - 24	116,164	11,23	121,385	11,58	237,549	11,40
25 - 29	99,499	9,62	102,041	9,73	201,540	9,67
30 - 34	83,325	8,05	75,926	7,24	159,251	7,64
35 - 39	75,482	7,30	83,180	7,93	158,662	7,62
40 - 44	70,091	6,77	75,926	7,24	146,017	7,01
45 - 49	57,837	5,59	53,680	5,12	111,517	5,35
50 - 54	47,054	4,55	47,393	4,52	94,447	4,53
55 - 59	30,879	2,98	31,434	3,00	62,313	2,99
60 - 64	26,468	2,56	22,246	2,12	48,714	2,34
65 +	32,350	3,13	44,495	4,24	76,845	3,69
Jumlah	1,034,696	100.00	1,048,460	100.00	2,083,156	100

Sumber : Badan Pusat Statistik Kota Medan Tahun 2007

²²⁵ Ibid., h. 5

Berdasarkan jadual 3.4 di atas diketahui bahawa penduduk di daerah kota Medan yang paling ramai pada tahun 2007 adalah berumur antara 20-24 tahun iaitu 237,549 orang, terdiri dari 116,164 lelaki dan 121,385 perempuan. Manakala penduduk yang paling sedikit adalah berumur 60-64 tahun iaitu 48,714 orang, terdiri dari 26,468 lelaki dan 22,246 perempuan.

Percepatan pertumbuhan penduduk kota Medan pada tahun 2007 lebih rendah dari tahun-tahun sebelumnya, bahkan dibawah paras satu peratus. Faktor penurunan ini diperkirakan dipengaruhi oleh tingkat kelahiran semakin berkurang dan juga tingkat kematian yang terus bertambah. Faktor lainya dipengaruhi oleh tingkat pendidikan masyarakat kota Medan. Dengan adanya tingkat pendidikan yang semakin tinggi, maka pandangan masyarakat terkait dengan upaya peningkatan kesejahteraan semakin meningkat.

Program kependudukan di kota Medan seperti halnya di daerah Indonesia lainnya iaitu, pengendalian kelahiran, penurunan tingkat kematian bayi dan anak, perpanjangan usia harapan hidup, penyebaran penduduk yang seimbang serta pengembangan potensi penduduk sebagai modal pembangunan yang terus ditingkatkan. Komponen kependudukan umumnya menggambarkan berbagai dinamik sosial yang terjadi di masyarakat, baik secara sosial mahupun budaya. Menurunnya tingkat kelahiran (*fertility*) dan tingkat kematian (*mortality*), meningkatnya arus perpindahan antar daerah (*migrasion*) akan mempengaruhi kebijakan kependudukan yang diterapkan.

c. Jumlah Penduduk Berdasarkan Kecamatan

Mengenai jumlah penduduk berdasarkan masing-masing kecamatan, dapat diketahui melalui jadual di bawah ini.

Jadual 3.5 : Jumlah penduduk berdasarkan kecamatan tahun 2007

NO	KECAMATAN	Jumlah penduduk
1	Kecamatan Medan Amplas	88,638
2	Kecamatan Medan Area	110,432
3	Kecamatan Medan Barat	86,706
4	Kecamatan Medan Baru	43,415
5	Kecamatan Medan Belawan	91,881
6	Kecamatan Medan Deli	130,255
7	Kecamatan Medan Denai	125,505
8	Kecamatan Medan Helvetia	128,144
9	Kecamatan Medan Johor	101,889
10	Kecamatan Medan Kota	84,530
11	Kecamatan Medan Labuhan	89,245
12	Kecamatan Medan Maimun	48,995
13	Kecamatan Medan Marelan	88,790
14	Kecamatan Medan Perjuangan	97,699
15	Kecamatan Medan Petisah	69,778
16	Kecamatan Medan Polonia	46,316
17	Kecamatan Medan Selayang	77,783
18	Kecamatan Medan Sunggal	103,803
19	Kecamatan Medan Tembung	134,113
20	Kecamatan Medan Timur	112,888
21	Kecamatan Medan Tuntungan	64,645

Sumber : Badan Pusat Statistik Kota Medan tahun 2007

Berdasarkan jadual di atas, maka dapat diketahui bahawa kecamatan yang mempunyai jumlah penduduk paling ramai adalah kecamatan Medan Tembung dengan jumlah penduduk 134,113 orang. Manakala jumlah penduduk yang paling sedikit adalah kecamatan Medan Baru iaitu 43,415 orang.

Komposisi penduduk kota Medan berpengaruh terhadap kebijakan pembangunan kota, baik sebagai subjek maupun objek pembangunan. Keterkaitan komposisi penduduk dengan upaya-upaya pembangunan kota yang dilaksanakan, didasarkan kepada keperluan pelayanan yang harus disediakan kepada masing-masing kelompok usia penduduk, seperti pelayanan kesehatan, pendidikan bahkan pelayanan kesejahteraan sosial lainnya. Pada umumnya meningkatnya pendidikan masyarakat secara langsung akan meningkatkan rata-rata pendidikan generasi muda, yang merupakan calon orang tua yang memasuki kehidupan rumah tangga. Melalui tingkat pendidikan yang semakin memadai dan pandangan masyarakat terkait dengan upaya peningkatan kesejahteraan semakin meningkat.

Sebagai kesimpulan jumlah penduduk kota Medan yang sampai saat ini diperkirakan berjumlah 2,083 juta lebih, dan diramalkan akan mencapai 2,167 juta penduduk pada tahun 2010, dan ini boleh menjadi beban pembangunan yang harus ditangani secara terpadu dan menyeluruh. Disamping itu, mengawal kuantiti, dan meningkatkan kualiti penduduk yang sesuai dengan pertumbuhan ekonomi wilayah sangat diperlukan pada masa hadapan.

3.3. Pembangunan Ekonomi Kota Medan

Pembangunan ekonomi kota Medan dalam masa jangka panjang membawa perubahan asas dalam struktur ekonomi, dari ekonomi tradisional ke ekonomi moden. Salah satu tujuan pembangunan ekonomi kota Medan adalah meningkatnya pendapatan per kapita masyarakat.²²⁶ Untuk itu pertumbuhan ekonomi diharapkan selalu berada di atas paras pertumbuhan penduduk. Agar mencapai hal ini, peningkatan pertumbuhan ekonomi diharapkan dapat meningkatkan *output*, membuka kesempatan kerja baru, mengurangi kesenjangan, serta mendorong tercapainya peningkatan kualiti hidup masyarakat kota Medan.

Ada kecenderungan, bahwa semakin tinggi pertumbuhan ekonomi membuat semakin cepat proses peningkatan pendapatan masyarakat per kapita, dan semakin cepat pula perubahan struktur ekonomi, dengan anggapan bahawa faktor-faktor penentu lain menyokong proses tersebut, seperti tenaga kerja, bahan baku, dan teknologi, relatif tetap. Pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan prosesnya yang berkelanjutan merupakan kondisi utama bagi kelangsungan pembangunan ekonomi kota Medan. Karena penduduk mengalami peningkatan dan berarti pula keperluan ekonomi juga akan bertambah.

Rata-rata pertumbuhan ekonomi kota Medan sebelum krisis ekonomi mencapai lebih dari 6,5% setiap tahunnya. Sebagai dampak krisis ekonomi dan

²²⁶ Medan Dalam Angka Tahun 2007, h. 2

moneter, pertumbuhan ekonomi sempat jatuh pada angka negatif (-20,11%) di tahun 1998. Namun pertumbuhan positif kembali terjadi sebesar 5,32% pada tahun 2003 dan 5,49% pada tahun 2004 dan 6,98% pada tahun 2005. Kemudian pada tahun 2007 perekonomian kota Medan telah meningkat diatas 7 %.²²⁷ Kondisi ini memperlihatkan bahwa kondisi perekonomian kota Medan dapat pulih dan bangkit lebih cepat dari krisis yang terjadi sekaligus mampu mempercepat pertumbuhan ekonomi lebih tinggi dibandingkan daerah-daerah lainnya. Adapun sektor-sektor usaha yang telah menyokong pertumbuhan ekonomi kota Medan dapat dilihat pada jadual dibawah ini.

Jadual 3.6 Sektor usaha yang menyokong pertumbuhan ekonomi kota
Medan tahun 2007

No	Sektor Usaha	Peratusan
1	Pertanian	5,14
2	Industri Pengolahan	6,08
3	Listrik, Gas dan Air Bersih	5,39
4	Kontraktor	6,43
5	Perdagangan, Hotel dan Restoran	5,94
6	Pengangkutan dan Telekomunikasi	10,61
7	Kewangan dan Jasa Perusahaan	12,81
8	Jasa-jasa Lainnya	6,83

Sumber : Tim ekonomi moneter kota Medan tahun 2007

Berdasarkan jadual diatas maka dapat dilihat bahawa sektor usaha kewangan dan jasa perusahaan adalah penyumbang terbesar dalam pertumbuhan ekonomi kota

²²⁷ *Ibid*

Medan, iaitu sebesar 12,81 peratus, sedangkan penyumbang terkecil ialah sektor usaha pertanian, iaitu sebesar 5,14 peratus.

Dengan membandingkan kondisi sebelum krisis dan pada saat krisis moneter terjadi, beberapa variabel utama yang menggerakkan pertumbuhan ekonomi nasional, pertumbuhan ekonomi kota Medan dapat dikenalpasti. Sebelum krisis ekonomi nasional, pertumbuhan ekonomi kota Medan secara dominan digerakkan oleh sektor pelaburan (Penanaman Modal Dalam Negeri dan Penanaman Modal Asing) serta sektor usaha kecil dan menengah.²²⁸

Faktor pendorong pertumbuhan ekonomi lainnya dapat dilihat dari jumlah pengeluaran pemerintah kota Medan untuk pembangunan setiap tahun. Jika sebelum krisis, pelaburan merupakan penggerak utama pertumbuhan ekonomi, maka selama krisis dan pada tahap pemulihan, peningkatan konsumsi dan pengeluaran pemerintah (pusat/daerah) yang lebih berperan sebagai penyokong pertumbuhan ekonomi kota Medan.²²⁹

Dana pembangunan yang dikeluarkan pemerintah kota Medan dimaksudkan untuk mendukung kesiapan infrastruktur kota agar dapat merangsang peningkatan pertumbuhan ekonomi. Pada masa yang sama, pemerintah kota Medan juga melakukan kebijakan dibidang pelaburan dan perdagangan barang dan jasa yang dapat menyokong

²²⁸ *Ibid.*, h. 3

²²⁹ *Ibid*

pertumbuhan ekonomi kota Medan. Hal ini dilakukan agar pada masa hadapan pertumbuhan ekonomi kota Medan dapat mencapai 6-7% pertahun.

Faktor penggerak pertumbuhan ekonomi kota Medan yang tak kalah penting adalah kemampuan pengguna masyarakat. Kenaikan angka pengguna masyarakat dimungkinkan dengan meningkatnya pendapatan per kapita masyarakat. Peningkatan ini terjadi pada dua tahun terakhir dari Rp. 10,9 bilion di tahun 2006 menjadi Rp. 12,5 bilion di tahun 2007. peningkatan ini disokong oleh menurunnya tingkat pengangguran dari 11,44% pada tahun 2006 menjadi 11,01% pada tahun 2007.²³⁰

Untuk mewujudkan visi dan misi kota Medan dimasa hadapan, maka penting untuk melakukan pembangunan di semua sektor, sehingga pembangunan yang diharapkan dapat tercapai dengan baik. Namun untuk mewujudkan hal tersebut diperlukan dana yang sangat besar untuk melaksanakan pembangunan secara bertahap di berbagai sektor dan bidang seperti bidang kesehatan, pendidikan, infrastruktur perkotaan dan lain sebagainya. Pemerintah kota Medan sedar akan kemampuan dan terhadnya dana yang dimiliki, yang bersumber dari Anggaran Pendapatan Belanja Daerahnya dan penggunaan pengeluarannya lebih diutamakan untuk pembiayaan sektor publik dan pemberantasan kemiskinan sesuai dengan fungsi pemerintah kota Medan yang bersifat melayani, melindungi dan mengayomi masyarakat sehingga dana yang diperlukan untuk membangun kota Medan adalah memberikan kesempatan seluas-luasnya bagi pihak swasta dan masyarakat untuk terlibat dan berperan serta tidak hanya

²³⁰ *Ibid*

dalam aktiviti-aktiviti yang mengutamakan perolehan laba, tetapi juga untuk aktiviti atau kegiatan pembangunan kota Medan bersifat sosial secara keseluruhan.

Untuk menyokong peran serta pihak swasta dan masyarakat dalam pembangunan kota, maka salah satu cara yang ditempuh adalah membangun kerjasama antara pemerintah kota Medan, swasta dan masyarakat dengan sokongan kaum profesional dan intelektual. Berbagai usaha dan kerjasama terus dibangun dan dikembangkan atas dasar saling memperkuat, saling memerlukan dan saling menguntungkan satu sama lain dalam pembangunan kota (*sector public*) dengan berbagai bentuk perjanjian yang mungkin dilaksanakan seperti sistem kontrak pelayanan dan jasa, kontrak pengelolaan, kontrak sewa dan lain-lain. Dengan demikian tanggungjawab pembangunan kota, dipandang merupakan tanggungjawab bersama dan seluruh lapisan masyarakat.

Berbagai terobosan dilakukan pemerintah kota untuk dapat menarik minat pelabur asing, mulai dari penyempurnaan pelayanan perizinan pelaburan sampai kepada pemberian insentif baik yang bersifat langsung maupun tidak langsung. Dalam pelaksanaannya, berbagai langkah yang sedang, telah dan akan dilakukan pemerintah kota Medan adalah :²³¹

- a. Membentuk institusi pejabat penanaman modal daerah kota Medan sebagai institusi yang menguatkuaskan perizinan pelaburan baik yang bersifat penanaman modal dalam negeri, maupun sebahagian penanaman modal asing, yang sebelumnya ada pada pemerintah pusat/negeri.

²³¹ *Ibid.*, h. 5

- b. Membentuk Medan Bisnis Forum (MBF) sebagai wadah kemitraan antara pemerintahan kota, masyarakat, dan dunia usaha (swasta) yang berfungsi sebagai forum komunikasi, fasilitator, mediator, kegiatan bisnis dan pelaburan usaha swasta dan asing.
- c. Mempersiapkan Unit Pelayanan Terpadu (UPT) satu bumbung, sebagai bentuk pelayanan perizinan bagi pelabur tempatan dan asing sehingga diharapkan dapat lebih sederhana, cepat, mudah, murah, terbuka, efektif dan ekonomik.

3.3.1. Bidang Usaha Penyokong Pembangunan Ekonomi Di Kota Medan

Pembangunan ekonomi di kota Medan tidak akan terlaksana dengan baik tanpa adanya sokongan dari bidang-bidang usaha yang dijalankan. Bidang usaha ini merupakan bidang usaha yang sangat penting dalam menyokong pembangunan ekonomi kota Medan dan telah menjadi nadi dalam perkembangan ekonomi di kota Medan. Walaupun bidang-bidang ini tidak sepenuhnya menjadi tumpuan pembangunan, akan tetapi sumbangannya dilihat cukup bererti, dengan harapan di masa hadapan meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Adapun bidang-bidang usaha yang telah menyokong pembangunan ekonomi di kota Medan ialah :²³²

²³² Buku Rencana Pembangunan Jangka Menengah (RJPM) Tahun 2006-2010 Pemko Medan, *op.cit.* h. 8

1. Perdagangan, Hotel dan Restoran

Sebagai daerah yang berada di pinggiran jalur pelayaran Selat Melaka, kota Medan sebagai ibukota Provinsi Sumatera Utara memiliki kedudukan strategik. Bandar ini merupakan pintu bagi arus penumpang dan perdagangan barang dan perkhidmatan, baik perdagangan tempatan dan asing. Untuk kota Medan, aktiviti perdagangan, hotel dan restoran menjadi jentera ekonomi kota Medan.²³³

Sebagai salah satu bandar terbesar di Indonesia, aktiviti perdagangan yang dijalankan mempunyai potensi untuk terus berkembang, perdagangan merupakan salah penyumbang terbesar di bidang ekonomi di kota Medan.²³⁴ Demikian pula industri hotel, hotel di kota Medan berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik, ini terbukti dengan banyaknya hotel yang telah mampu dibina, dari hotel yang sederhana hingga hotel-hotel lima bintang, dan telah banyak mewarnai aktiviti hotel di kota Medan. Bidang restoran di kota Medan juga terus tumbuh dari tahun ke tahun, dari kafe-kafe, makanan warung sampai Restoran bertaraf seperti Restoran Garuda, Restoran ACC, Restoran Padang Melayu, perkembangannya telah cukup menggembirakan. Ketiga bidang telah memberikan sumbangan cukup bermakna dalam pembangunan ekonomi di kota Medan.

²³³ <http://www.pempropsu.go.id>

²³⁴ <http://www.pemkomedan.go.id>

2. Pelabuhan Laut Belawan

Pelabuhan memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan ekonomi di suatu wilayah. Pelabuhan yang menjadi andalan kota Medan adalah Pelabuhan Belawan, yang terletak 26 km dari pusat bandar. Pelabuhan ini tidak hanya penting bagi perekonomian kota Medan, tetapi juga untuk Wilayah Sumatera Utara. Kegiatan eksport dan import kabupaten/kota lain dijalankan di pelabuhan ini yang dapat dilihat melalui kegiatan bongkar-muat setiap hari.²³⁵

Sampai saat ini, Pelabuhan Belawan telah memiliki kemudahan terminal penumpang dan barang, termasuk terminal peti kemas. Kecenderungan pembangunan perkhidmatan pengangkutan melalui laut akan memerlukan kemudahan tambahan yang lebih masuk akal. Kapasiti terhad yang ada di pelabuhan ini, memerlukan pembangunan yang lebih luas. Sesuai dengan arah perkembangan kota Medan, pelaburan di masa hadapan perlu dilakukan dalam bidang kontena dan simpanan bagi memperluas aktiviti perdagangan di pelabuhan. Ini kerana pelabuhan Belawan selama ini telah memberikan sumbangan yang cukup bererti dalam perkembangan kota Medan, oleh itu pelabuhan Belawan perlu terus dikembangkan dan diperluas untuk memudahkan aktiviti perniagaan melalui laut.

²³⁵ *Ibid*

3. Lapangan Udara Polonia

Lapangan Terbang Polonia terletak di ibukota Provinsi Sumatera Utara yang merupakan satu-satunya lapangan terbang antarabangsa di pulau Sumatera, yang dilengkapi dengan fasiliti operasi yang cukup baik, sehingga pesawat berbadan lebar seperti Boeing 747 boleh mendarat. Lapangan Terbang Polonia di samping lapangan terbang antarabangsa juga mempunyai peranan yang sangat tinggi, iaitu untuk melayani pengangkutan nasional dan serantau sehingga kewujudan Lapangan Terbang Polonia dapat menunjang kegiatan ekonomi di wilayah barat Indonesia mahupun ke luar negara.²³⁶

Lapangan terbang Polonia merupakan sebuah lapangan terbang antarabangsa yang terletak kira-kira 2 km dari pusat bandar Medan. Lapangan terbang ini melayani penerbangan ke bandar-bandar besar di Indonesia seperti Jakarta, Batam dan juga ke Malaysia (Kuala Lumpur, Penang dan Ipoh) dan juga Singapura. Dihitung dari jumlah penumpang, lapangan terbang Polonia adalah lapangan terbang terbesar keempat di Indonesia setelah Soekarno-Hatta Jakarta, Juanda Surabaya dan Ngurah Rai Bali. Dari segi jumlah penerbangan, sejak tahun 2005 lapangan terbang Polonia telah melayani penerbangan 125-150 per hari, dengan penumpang sekitar 3,8 juta orang pada per tahun. Baik penerbangan domestik mahupun antarabangsa.²³⁷ Aktiviti lapangan terbang ini telah banyak memberikan sumbangan dalam pembangunan ekonomi di kota Medan.

²³⁶ <http://www.poloniaairport.com>

²³⁷ http://id.wikipedia.org/wiki/Bandar_Udara_Internasional_Polonia

4. Hasil Industri Kecil

Salah satu cara yang dilakukan pemerintah untuk mengatasi pendapatan yang rendah dan masalah pengangguran adalah pengembangan industri kecil sebagai prioriti utama akan membawa perubahan asas dan dapat mendorong terwujudnya struktur ekonomi yang seimbang dan kukuh. Kedudukan kota Medan yang strategik dan dengan kebijakan pembangunan yang sedia ada, mencuba meningkatkan dan mengembangkan pembangunan sektor industri kecil. Pembangunan sektor industri kecil tersebut akan menambah kesempatan peluang kerja baru, membuka kesempatan berusaha, meningkatkan eksport, menjimat devisa negara serta dapat memanfaatkan sumber daya alam secara terarah sehingga dapat memberi sumbangan perekonomian kota Medan.

Adapun beberapa produk unggulan yang termasuk dalam kategori industri kecil ini, dan merupakan produk yang dijadikan andalan kota Medan jika dilihat dari segi pasarnya. Komoditi unggulan ini termasuk produk pengguna sederhana, seperti perabot rumah tangga dari kayu, anyaman rotan, alas kaki dan barang hasil konveksi. Adapun komoditi unggulan dari industri kecil makanan ialah kopi olahan, sirup markisa, bika ambon dan kerupuk ubi. Salah satu produk makanan ini, iaitu bika ambon telah menjadi buah tangan yang khas untuk dibawa bagi yang berkunjung ke Kota Medan.²³⁸

²³⁸ <http://www.pemkomeden.go.id>

5. Pengembangan Kawasan Industri

Kota Medan merupakan kota ketiga terbesar di Indonesia, maka seperti kota besar pada umumnya, kota Medan memiliki kawasan industri. Untuk mengendalikan perkembangan industri dan keperluan lokasi berusaha yang lebih besar, pemerintah kota Medan menyediakan Kawasan Industri Baru (KIB), yang terletak di Kecamatan Medan Labuhan dengan lahan yang disediakan 650 Ha, dan masih dapat dikembangkan menjadi 1000 Ha.

Untuk aktiviti industri kecil tersedia Perkampungan Industri Kecil (PIK) yang terletak di Kecamatan Medan Denai. Ada satu kawasan industri di Medan yaitu Kawasan Industri Medan (KIM) dekat Pelabuhan Belawan. KIM memiliki luas lahan 514 Ha dan disediakan fasiliti listrik 120 MW. Saat ini terdapat 86 perusahaan swasta nasional yang menempati lokasi tersebut berdampingan dengan 17 perusahaan asing.²³⁹ Kota Medan dinilai sebagai kota yang aman untuk melabur di Indonesia. Pengembangan kawasan industri yang lebih luas dan moden akan menarik minat para pelabur baik lokal maupun pelabur asing. Dengan semakin banyaknya pelabur yang datang di kota Medan, maka pengembangan industri akan semakin meningkat. Dan tentu sahaja pengembangan industri ini akan memberi sumbangan terhadap pembangunan ekonomi di kota Medan.

²³⁹ Buku Rencana Pembangunan Jangka Menengah (RJPM) Tahun 2006-2010 Pemko Medan. op.cit., h. 8

6. Pariwisata

Di luar potensi perniagaan, kota Medan sangatlah layak menjadi destinasi pelancongan. Selain untuk melawat lokasi seperti Danau Toba atau Berastagi yang sejuk, kota Medan sendiri sarat dengan objek wisata. Tempat-tempat wisata di kota Medan di antaranya adalah Taman Buaya di kawasan Medan Sunggal, berisikan 3000 ekor buaya aneka jenis. Namun pelancongan yang paling menarik di Kota Medan adalah bangunan tuanya yang dibina dari pertengahan abad ke-20 di Medan. Dan sebahagian besar bangunan tua itu masih ada sampai kini, indah dan memberi gambaran utuh pada kota Medan masa lalu.²⁴⁰ Objek wisata ini akan menjadi ciri khas tersendiri bagi kota Medan, dan tentu sahaja ini dapat memberi sumbangan bagi pembangunan ekonomi di kota Medan.

3.3.2 Bidang Usaha Yang Patut Dikembangkan Untuk Menyokong Pembangunan Ekonomi Kota Medan

Selain bidang-bidang usaha yang menyokong pembangunan ekonomi kota Medan seperti yang dinyatakan diatas, ada dua bidang usaha yang dilihat cukup layak untuk dikembangkan bagi menyokong pembangunan ekonomi kota Medan di masa hadapan, iaitu:²⁴¹

²⁴⁰ *Ibid*

²⁴¹ *Ibid*

1. Fasiliti Pergudangan Pelabuhan

Perniagaan pergudangan sangat erat kaitannya dengan perkembangan industri, eksport dan import. Dalam menghadapi era globalisasi dan pasaran bebas, dijangka arus eksport dan import akan semakin meningkat, hal ini akan berdampak juga pada peningkatan bisnes pergudangan. Selain itu permintaan atas bangunan yang berupa gudang akhir-akhir ini semakin meningkat juga sebagai kesan adanya pindaan peraturan di sektor industri perkilangan serta perdagangan antarabangsa. Dan sebagai tindak lanjut adanya peraturan pemerintah wilayah Sumatera Utara dalam rangka menetapkan tata ruang kota, yang mana untuk pergudangan umum yang terletak di kawasan bandar terkena *relocation*. Maka kesan daripada pembongkaran bangunan gudang tersebut adalah berkurangnya bangunan gudang, dan sementara itu permintaan akan bilik gudang semakin meningkat, sehingga dapat dikatakan bahawa masih ada peluang pasaran untuk bisnes pergudangan.²⁴²

Melihat semakin meningkatnya perdagangan eksport dan import, dan kota Medan yang merupakan pusat perdagangan Sumatera bahagian Utara, maka bisnes penyediaan fasiliti gudang pelabuhan dilihat sangat berpotensi untuk dibangunkan, ini kerana kota Medan mempunyai pelabuhan Belawan yang menjadi tumpuan bagi perdagangan melalui jalur laut, dan ini akan menjadi bidang usaha yang boleh menyokong pembangunan ekonomi di kota Medan.

²⁴² *Ibid.*, h. 4

2. Kawasan Industri Besar

Bisnes kawasan industri hingga saat ini dapat dikatakan belum ada kenaikan yang cukup memadai. Hal ini mengingat bahawa bisnes kawasan industri sangat bergantung terhadap stabiliti politik, keamanan dan ekonomi. Penurunan kepercayaan dunia usaha secara keseluruhan, akibat krisis moneter yang berkelanjutan menahan perusahaan-perusahaan asing untuk melakukan pelaburan industri baru di Indonesia. Akibat kondisi ekonomi politik yang terjadi akhir-akhir ini, memaksa sejumlah pelabur asing menunda perluasan bisnesnya ke Indonesia. Bisnes kawasan industri swasta tempatan memiliki mitra dengan swasta asing yang juga berfungsi sebagai jaringan pemasaran di negara asal mitranya. Jika keadaan politik dan ekonomi kembali membaik maka bisnes kawasan industri besar cukup mempunyai peluang yang menjanjikan.²⁴³

Bisnes kawasan industri besar ini adalah sebuah peluang usaha yang mesti dikembangkan, mengingat kota Medan merupakan salah satu pintu masuk perdagangan, baik perdagangan tempatan maupun perdagangan antarabangsa. Terutama perdagangan melalui jalur laut seperti pelabuhan belawan yang banyak melakukan kegiatan bongkar muat barang-barang perdagangan. Kegiatan ini memerlukan lagi kawasan industri yang lebih besar dan luas bagi menampung arus masuk dan keluar barang tersebut. Oleh demikian, bidang usaha ini akan sangat menjanjikan dan dapat menjadi penyokong pembangunan ekonomi di kota Medan.

²⁴³ *Ibid*

3.4. Sumber Kewangan Kota Medan

Salah satu tujuan penubuhan kota Medan adalah untuk lebih memudahkan perkhidmatan kepada masyarakat. Dalam hal ini kota Medan lebih memberikan perhatian kepada program-program pembangunan ekonomi yang pada akhirnya akan mewujudkan pembangunan yang menyeluruh demi terciptanya keadilan dan kemakmuran. Sokongan sumber kewangan untuk melaksanakan pembangunan ekonomi sangat diperlukan, sehingga pelbagai upaya untuk meningkatkan pendapatan daerah menjadi sasaran utama yang mesti dilaksanakan oleh pemerintah. Adapun usaha-usaha yang dijalankan oleh pemerintah bagi meningkatkan pendapatan daerah tersebut ialah seperti berikut :²⁴⁴

1. Usaha yang berterusan dalam mengelola sumber-sumber kewangan dengan tujuan untuk mamperbesar pendapatan dan belanja daerah, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan pembangunan daerah.
2. Setiap lembaga atau ahli jawatan kuasa yang mengelola sumber-sumber pendapatan mesti bekerja keras untuk mendapatkan hasil yang maksimum serta bertanggungjawab melakukan pungutan terhadap hutang-hutang daerah.
3. Upaya meningkatkan pendapatan asli daerah dapat dilakukan dengan cara mengenal pasti objek dan subjek pajak daerah, memberikan denda atau hukuman, penyempurnaan prosedur pungutan serta memperbaharui peraturan-peraturan daerah yang berhubungan dengan perihal pungutan pajak atau cukai daerah yang tidak sesuai lagi dengan keadaan semasa.

²⁴⁴ Medan Dalam Angka, *op.cit.*, h. 7

4. Sempena meningkatkan pembangunan ekonomi daerah dan meningkatkan jumlah rizab atau simpanan daerah, upaya-upaya kerjasama dengan pihak-pihak lain yang berkenaan mesti ditingkatkan.

Dasar yang ditempuh pemerintah kota Medan dalam bidang kewangan daerah untuk memperbaiki keadaan bea cukai daerah dan ekonomi daerah yang lebih baik dilakukan paling tidak menyangkut dua bidang utama, iaitu bidang anggaran dan bidang bea cukai daerah. Dibidang anggaran pemerintah kota Medan terus berusaha untuk dapat meningkatkan pelaburan kerajaan dengan meningkatkan anggaran pengeluaran pembangunan sehingga lebih profesional dengan sisi penerimaannya. Peningkatan jumlah anggaran dapat meningkatkan perkhidmatan kepada masyarakat melalui perbaikan dan pembangunan infrastruktur dan suprastruktur usaha. Hal ini dimaksudkan agar berkurangnya kos-kos yang tidak berkaitan dengan kegiatan pengeluaran yang harus dikeluarkan pelabur jika memilih lokasi usahanya di kota medan.

Dibidang cukai daerah, guna meningkatkan kemampuan kewangan pemerintah kota Medan dalam membiayai keperluan perbelanjaan sektor perkhidmatan masyarakat, pemerintah kota Medan lebih memilih memperhebat cukai dan retribusi yang sudah ada daripada memperbanyakkan jenis cukai dan retribusi baru, sehingga tidak membebani para pebisnis. Hal ini diharapkan memberi peluang yang besar bagi pebisnis untuk mendapatkan keuntungan usahanya di kota Medan sehingga mampu menampung lebih banyak tenaga kerja yang ada.

Adapun jenis-jenis sumber kewangan kota Medan seperti berikut:²⁴⁵

1. Pajak Daerah.
2. Retribusi Daerah
3. Keuntungan Perusahaan Milik Daerah (BUMD)
4. Lain-Lain Asli Pendapatan Daerah.
5. Bagi Hasil Pajak
6. Bagi Hasil Bukan Pajak
7. Dana Alokasi Umum
8. Dana Alokasi Khusus
9. Lain-Lain Pendapatan Yang Sah.

Sumber kewangan yang termasuk dalam kategori pajak daerah ialah, pajak hotel, pajak rumah, pajak hiburan, pajak iklan, pajak lampu jalan, dan pajak sembelihan haiwan. Adapun retribusi daerah terdiri daripada pelbagai retribusi (cukai) seperti retribusi perkhidmatan kesihatan, retribusi perkhidmatan kebersihan, retribusi parking di jalan raya, retribusi pasar, retribusi pengujian kereta dan motor, retribusi pasar grosir, retribusi stesen bas, retribusi tempat kapal berlabuh, retribusi izin penggunaan tanah, retribusi izin mendirikan bangunan, retribusi izin gangguan, dan retribusi kapal penyeberangan.

Keuntungan perusahaan milik daerah ialah keuntungan yang diperolehi daripada perusahaan daerah pembangunan, pembahagian deviden, dan pembahagian kewangan untuk pembangunan daerah. Pendapatan asli daerah (PAD) yang lain dan

²⁴⁵ *Ibid*

dipersetujui sebagai sumber kewangan yang sah adalah jasa biro, sumbangan pihak ketiga, dan penerimaan pelbagai jawatankuasa.

Sedangkan sumber kewangan lain adalah bagi hasil bukan cukai yang berasal daripada penerimaan pajak bumi dan bangunan (selain perlombongan), kos kejayaan hak ke atas bangunan, pembahagian hasil cukai pendapatan, cukai bumi dan bangunan, minyak dan gas (migas). pendapatan bukan cukai pula, adalah penerimaan daripada wilayah sumber hutan, yuran eksplorasi dan eksploitasi (*royalty*), minyak bumi, dan pemberian hak atas tanah negara. Dana peruntukan khusus merupakan sumber kewangan pemerintah daerah yang diperuntukkan oleh kerajaan pusat, disamping daerah sendiri mempunyai dana perunukan sendiri yang diperoleh dari pendapat cukai yang ada.

Sedangkan terakhir ialah pendapatan daerah yang berasal daripada pelbagai sumber lain yang dibenarkan, seperti cukai kenderaan bermotor, cukai penggunaan air bawah tanah, cukai bahan bakar kenderaan bermotor, dana semakan, dan lain-lain. Demikian beberapa sumber kewangan kota Medan yang menjadi penentu dalam pembangunan ekonomi masyarakat Medan, Indonesia.

BAB IV

PERANAN PENDAKWAH DARI ASPEK EKONOMI DI KOTA MEDAN

Pendakwah merupakan agen perubahan sosial ditengah-tengah masyarakat. Sebagai agen perubahan, peranan pendakwah diharapkan tidak hanya mengajak manusia untuk meningkatkan ibadah semata-mata, tetapi juga menyeru manusia untuk memperbaiki dan meningkatkan kehidupan bermuamalah. Peranan yang dilakukan pendakwah dalam bidang ekonomi di kota Medan akan mampu menjadi teladan dalam masyarakat sekaligus memberi gambaran bahawa Islam tidak pernah memisahkan kehidupan dunia dan akhirat.

4.1. PENGENALAN

Islam merupakan satu agama yang syumul kerana ia membawa bersamanya satu peraturan hidup yang lengkap dan meyeluruh dalam aspek kehidupan manusia. Peraturan ini dikenali sebagai Syariah yang bersifat umum dan khusus. Tujuan atau *Maqāṣid* Syariah ini adalah semata-mata untuk meningkatkan martabat hidup (*tamadun*) manusia dari satu tahap yang rendah kepada yang lebih tinggi.²⁴⁶

Islam adalah agama yang menyeru umatnya supaya maju dalam segala aspek kehidupan termasuk ekonomi. Konsep pembangunan ekonomi menurut Islam adalah berbeza daripada pembangunan yang berasaskan kepada pemikiran barat. Ia merangkumi setiap aspek kehidupan manusia seperti politik, sosial, kebudayaan,

²⁴⁶ Syed Othman Al-Habshi (1992), “Ekonomi dan Pembangunan Masyarakat Dalam Islam”. Dalam *Risalah, Mei 1992*, hal. 41

ekonomi dan sebagainya.²⁴⁷ Manusia tidak hanya perlu mementingkan pembangunan material yang berbentuk penambahbaikan dari aspek ekonomi, sosial, budaya, politik dan sebagainya, tetapi juga mesti menunjukkan penambahbaikan dari sudut kerohanian yang akan melahirkan sifat-sifat dan budi pekerti yang mulia dan unggul selaras dengan kehendak Islam.

Pembangunan dalam Islam difokuskan kepada pembangunan manusia itu sendiri, ini bererti Islam menganggap bahawa tempat sebenar aktiviti pembangunan adalah manusia itu sendiri, termasuklah faktor fizikal, modal, tenaga kerja, pendidikan dan kepakaran. Faktor-faktor kemanusiaan pula seperti sikap, insentif, rasa dan juga aspirasi menjadi angkubah yang akan menjadikan spektrum pembangunan dalam Islam menjadi lebih luas.

Meningkatkan taraf ekonomi masyarakat merupakan matlamat penting dalam pembangunan ekonomi dalam Islam. Ini bukanlah bermaksud aspek-aspek lain diketepikan, tetapi matlamat pembangunan yang dimaksudkan mestilah ditumpukan kepada program-program pengislahan dan pembangunan umat bagi menjamin keadilan masyarakat dan pertumbuhan ekonomi yang terus meningkat tanpa mengabaikan prinsip-prinsip nilai yang diikat dengan takwa dan keimanan.²⁴⁸

Pembangunan ekonomi akan menjadi lebih bermakna jika ia dapat meningkatkan moral manusia itu sendiri. Dengan menolak material sebagai matlamat akhir pembangunan dan dengan menekankan tentang perlunya untuk menggabungkan

²⁴⁷ *Ibid*

²⁴⁸ Hailani Muji Tahir (1982), *Baitulmal: Institusi Kewangan Negara Islam dan Asas Belanjawan Negara*, Kajang, Penerbit Al-Rahmaniah, hal. 125

secara harmoni antara nilai-nilai sekuler dan spiritual kewujudan manusia, maka Islam merintis jalan, bukan sahaja untuk mendapatkan ganjaran diakhirat nanti, tetapi juga untuk menikmati kehidupan yang murni, serba lengkap dan penuh bererti dalam kehidupan di dunia ini. Peningkatan nilai-nilai spiritual akan dapat melindungi manusia daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang dalam Islam dan dapat menjauhkan manusia daripada bersifat tamak, haloba, dengki, permusuhan dan sebagainya. Walaupun sukar untuk melihat perubahan dan pembangunan aspek spiritual ini, namun jika terus diabaikan akan membawa kepada kehancuran dan kemunduran Islam itu sendiri.

Kepentingan pembangunan ekonomi kepada umat Islam tidak boleh diperkecilkkan. Kelemahan politik, keruntuhan kebudayaan umat Islam dan kemunduran serta kejatuhan tamadun Islam di zaman moden, sebahagian daripadanya adalah disebabkan oleh kemunduran ekonomi negara dan masyarakat Islam sendiri. Di tinjau dari sudut ini, berbagai usaha ke arah pembangunan ekonomi dapatlah dilihat sebagai usaha yang bersungguh-sungguh kepada jalan Allah. Pembangunan ekonomi satu keperluan, walaupun tidak merupakan syarat yang sepenuhnya untuk dicapai, tetapi ia adalah salah satu langkah bagi negara-negara dan masyarakat Islam melaksanakan kewajiban mereka dan pada akhirnya memberi kebajikan kepada seluruh manusia.

4.2. AKTIVITI-AKTIVITI EKONOMI PENDAKWAH DI KOTA MEDAN

Penulis telah melakukan kajian terhadap aktiviti-aktiviti ekonomi pendakwah di kota Medan, kajian yang dijalankan bermula dari pengamatan sampai pada proses temu bual. Dari hasil kajian tersebut didapati beberapa aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh pendakwah di kota Medan, diantaranya ialah :

4.2.1. Usaha Dagang Al-Fahmi Konfeksi

Ustaz Fahmi Ahmad²⁴⁹ telah mendirikan sebuah usaha yang bernama Usaha Dagang Al-Fahmi Konfeksi,²⁵⁰ yang beralamat di Jln. Rahmad No. A42/A43 Komp. PIK Menteng Medan. Bentuk usaha yang beliau jalankan adalah Garmen-Busana, dan usaha ini telah bermula sejak tahun 2005.

Bisnes garmen masih memiliki peluang yang cukup baik. Bisnes garmen termasuk dalam bisnes yang merupakan keperluan asas manusia iaitu berupa pakaian. Selama hidup, manusia akan terus memerlukan pakaian untuk menutupi tubuh, untuk memenuhi gaya hidup, untuk menjalankan ibadah, kerja dan sebagainya.

²⁴⁹ Ustaz Fahmi Ahmad adalah lulusan *Bachelor's Degree* Fakulti Syariah Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara, mula aktif berdakwah sejak tahun 1980. Bekas aktivis Himpunan Mahasiswa Alwashliyah ini kini terus aktif berdakwah dan mengisi pengajian serta khutbah jumaat di beberapa masjid di kota Medan dan di luar kota Medan.

²⁵⁰ Temu Bual dilaksanakan pada 18 May 2009, pada pukul 10.30 am di pejabat beliau di Komplek Perumahan Industri Kecil Menteng Medan.

Usaha Dagang Al-Fahmi Konfeksi ini adalah usaha yang bergerak dalam bidang penjahitan, baik berupa pakaian mahupun barang lainnya. Usaha ini hanya menerima tempahan jahitan di atas 100 helai, jika ada pengguna yang membuat tempahan di bawah 100 helai, maka usaha ini tidak menerima tempahan tersebut. Usaha ini selalunya mengambil tempahan daripada pejabat-pejabat kerajaan dan swasta, sekolah-sekolah kerajaan dan swasta, universiti-universiti kerajaan dan swasta, dan juga perusahaan-perusahaan kerajaan dan swasta. Akan tetapi usaha ini juga mengambil tempahan dari masyarakat umum dengan syarat tempahan tersebut di atas 100 helai.

Adapun produk-produk yang dijahit oleh Usaha Dagang Al-Fahmi Konfeksi dapat dilihat pada jadual dibawah ini :

Jadual 4.1 Produk-Produk Jahitan Usaha Dagang Al-Fahmi
Konfeksi Tahun 2009

No	Produk-Produk UD Al-Fahmi
1	Penjahitan pakaian seragam pegawai kerajaan/swasta
2	Penjahitan pakaian seragam pengakap
3	Penjahitan pakaian seragam sukan
4	Penjahitan pakaian busana muslim
5	Penjahitan kot/ves/jaket
6	Penjahitan beg/topi/dompet
7	Penjahitan sarung bantal/tilam

Sumber : Usaha Dagang Al-Fahmi konfeksi tahun 2009

Usaha Dagang Al-Fahmi mempunyai pekerja sebanyak 16 orang dengan purata penghasilan dalam setahun sebanyak Rp. 160 juta. Bagaimanapun perjalanan bisnes Usaha Dagang Al-Fahmi ini mengalami pasang surut, hal ini disebabkan permintaan pengguna yang semakin berkurang serta banyaknya persaingan. Tetapi hal ini tidak menurunkan semangat untuk terus berbisnes dan menganggap persaingan merupakan cabaran dalam dunia bisnes.

Usaha Dagang Al-Fahmi ini merupakan usaha yang dijalankan dibawah pengawasan Menteri Perindustrian dan Perdagangan, ini kerana pengusaha-pengusaha yang tinggal dikawasan komplek Perumahan Industri Kecil (PIK) yang berada di daerah Menteng Medan adalah satu kawasan yang telah disediakan oleh pemerintah dibawah pengawasan Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Ertinya orang-orang yang tinggal di kawasan ini adalah orang-orang yang menjalankan bisnes sahaja.

Sebagai seorang ustaz yang aktif dalam dunia bisnes Ustaz Fahmi Ahmad berharap agar umat Islam terus bergiat dan bekerja keras dalam mencari rezeki dengan cara yang halal dan baik, kerana rezeki tidak datang dengan sendirinya, tetapi perlu dicari dengan usaha yang sungguh-sungguh. Beliau juga berpesan agar umat Islam meninggalkan sifat malas dan meminta-minta, kerana ia akan merusak image umat Islam sendiri.

4.2.2. Jelita Photo

Ustaz Sutrisno Hady²⁵¹ telah mendirikan usaha studio photo dengan nama Jelita Photo²⁵² sejak 15 tahun yang lalu. Usaha ini beralamat di Jln Kenanga Raya 2B Tanjung Sari Medan Selayang.²⁵³ Perkembangan usaha Jelita Photo ini dalam beberapa tahun terakhir ini cukup lancar dan berkembang. Target pasar usaha studio photo ini adalah pada majelis-majelis perkahwinan, hari jadi, acara rasmi pejabat, acara konvokeyen dan acara-acara yang memerlukan dokumentasi.

Ustaz Sutrisno memberikan pandangan bahawa faktor yang paling penting dalam bisnes studio photo seperti ini adalah pemilihan tempat, tempat studio photo yang berdekatan dengan sekolah atau tempat berkumpulnya anak remaja akan menjadi keuntungan sendiri. Sedangkan tempat yang cukup luas juga diperlukan kerana tempat usaha ini akan terbagi menjadi beberapa studio seperti untuk photo setengah badan, photo seluruh badan bahkan photo berkumpulan. Adanya photo box juga menjadi daya tarik tersendiri terutama bagi para remaja. Untuk perlengkapan studio photo ini memerlukan kamera photo digital, lampu untuk pencahayaan, komputer untuk menata hasil photo, furniture dan perlengkapan unik. Dengan jumlah pekerja sebanyak 5 orang, keuntungan bersih yang diperoleh adalah Rp. 5 juta/bulan.

²⁵¹ Ustaz Sutrisno Hady adalah lulusan *Bachelor's Degree* Fakulti Ekonomi Universiti Alwashliyah Medan, mula aktif berdakwah sejak tahun 1996. Selain aktif berdakwah di beberapa masjid dan pengajian, kini beliau juga aktif di Parti Bintang Reformasi.

²⁵² Temu Bual dilaksanakan pada 20 May 2009 pada pukul 10.00 am di pejabat beliau di Jalan Kenanga Raya Tanjung Sari Medan Selayang.

²⁵³ Penulis berkesempatan melihat ruangan studio photo yang bersebelahan dengan pejabat Jelita Photo.

Kendala mungkin akan datang dari persaingan dan teknologi photo yang terus berkembang. Oleh kerana itu, usaha ini terus berupaya meningkatkan kualiti dan pelayanan, agar mampu bersaing dengan pengusaha-pengusaha yang lain yang bergerak pada bisnes yang serupa. Bagaimanapun Ustaz Sutrisno Hady ini berpesan dan berharap kepada umat Islam agar orang-orang yang menjalankan bisnes dapat menjalankan bisnes mereka dengan cara yang Islami, memenuhi tuntutan syariah dan mengamalkan sistem ekonomi Islam, agar kejayaan dapat dikecapi dan ekonomi Islam menjadi sistem ekonomi yang digeruni.

4.2.3. Sahla Ponsel

Sejak pertama kali muncul pada tahun 1947 di Amerika Serikat, telefon bimbit (*handphone*) mengalami perkembangan yang sangat pesat. Tidak hanya dari bentuk fizikalnya, tetapi juga dari berbagai macam fitur dan layanan yang tersedia. Jika dulu ponsel hanya berfungsi untuk menelepon dan SMS (*short message service*), kini alat "ajaib" tersebut dapat menghadirkan berbagai layanan sekaligus. Mulai dari *games*, *muzik*, *radio*, *TV*, *film*, *quiz*, *comic*, *record*, *camera*, *handycam*, *computer*, layanan perbankan, hingga dompet digital yang siap digunakan untuk pelbagai urusan. Oleh itu, telefon bimbit mempunyai peran yang sangat penting dalam menyokong aktiviti harian. Bahkan saat ini telepon bimbit sudah menjadi keperluan asas dan menjadi bahagian yang tak terpisahkan dari gaya hidup masa kini. Itu ertinya masyarakat sekarang sudah memerlukan sesuatu yang lebih cangkih dalam teknologi komunikasi.

Dengan semakin hebatnya perkembangan telefon bimbit ini, maka Ustaz Marie Muhammad²⁵⁴ tidak mensia-siakan peluang bisnes ini. Beliau telah membuka usaha telefon bimbit dengan nama Sahla Ponsel²⁵⁵ yang beralamat di Jalan Veteran Simpang Marelan Medan.²⁵⁶ Adapun produk-produk yang dijual di Sahala Ponsel tersebut dapat dilihat pada jadual dibawah ini :

Jadual 4.2 Produk-Produk Yang Dijual Sahla Ponsel Tahun 2009

No	Produk Yang Dijual
1	Telepon Bimbit
2	<i>Voucher</i>
3	<i>Chassing</i>
4	<i>Housing</i>
5	Kad Telepon
6	Kad Memori
7	<i>Battery</i>
8	<i>Charger Battery</i>
9	<i>Car Charger</i>
10	<i>Handsfree</i>
11	<i>Scren Protector</i>

Sumber : Sahala Ponsel tahun 2009

²⁵⁴ Ustaz Marie Muhammad adalah lulusan *Bachelor's Degree* Fakulti Syari'ah Institut Agama Islam Negeri Medan, dan sekarang sedang melanjutkan pendidikan program Master di Institut yang sama. Beliau mula aktif berdakwah sejak tahun 2003. Sehingga kini beliau menjadi imam besar masjid, dan sering di jemput untuk imam taraweh di beberapa masjid-masjid ternama di kota Medan, kerana beliau adalah seorang hafiz Quran. Kini beliau menjadi bendahari Himpunan mahasiswa Al-Washliyah kota Medan dan menjadi setiausaha Ikatan Persatuan Qari-Qariah kota Medan

²⁵⁵ Temu bual dilaksanakan pada 22 May 2009 pada pukul 09.30 am di rumah beliau di komplek perumahan Islamic Centre Jln. Willeam Iskandar psr IV Medan.

²⁵⁶ Penulis berkesempatan melakukan kunjungan dan obsevasi langsung ketempat usaha Sahla Ponsel di Jalan Veteran Simpang Marelan Medan.

Sejak berdiri pada tahun 2006 perkembangan bisnes Sahla Ponsel ini cukup lancar. Dengan jumlah pekerja sebanyak 2 orang, Sahla Ponsel telah memperoleh purata penghasilan bersih dalam setahun sebanyak Rp. 20 juta. Namun seperti perjalanan bisnes-bisnes lain, bisnes Sahla Ponsel ini pun tetap menghadapi masalah iaitu kekurangan modal dan tempat strategik yang belum menyokong. Walau bagaimanapun, Ustaz Marie Muhammad ini terus berpesan kepada umat Islam agar terus aktif menjalankan bisnes bagi menggerakkan perekonomian umat Islam dan jangan hanya menjadikan dakwah sebagai pekerjaan untuk menyara kehidupan harian.

4.2.4. Akia

Akia merupakan bisnes yang bergerak dalam bidang depot air minum isi ulang yang dikelola oleh ustaz Ali Nafiah Saragih²⁵⁷ yang mula berdiri pada 14 Ogos 2006 dan beralamat di Jln. Pales No 124 Kel. Pokok Mangga Kec. Medan Tuntungan.²⁵⁸ Bisnes dibidang depot air minum isi ulang selain memerlukan modal yang cukup besar, juga memerlukan tempat yang strategik, ini kerana tempat yang strategik boleh meningkatkan penjualan. Sehingga kini Akia telah membuka 4 cawangan.²⁵⁹ Dengan harga jual Rp. 4000 per gelen, Akia dapat menjual 400 gelen per hari di seluruh cawangan yang ada.

²⁵⁷ Ustaz Ali Nafiah Saragih adalah lulusan *Bachelor's Degree* Fakulti Syari'ah Institut Agama Islam Negeri Medan, mula aktif berdakwah pada tahun 2006. Bekas aktivis Himpunan Mahasiswa Islam ini kini aktif di Majelis Dakwah Indonesia. Selain aktif menjalankan bisnesnya, beliau juga terus mengisi pengajian dan khutbah di beberapa masjid di wilayah kota Medan dan di luar kota Medan.

²⁵⁸ Temu Bual dijalankan pada 26 May 2009 pada pukul 11.00 am di pejabat beliau di komplek Perumahan Menteng Indah Medan

²⁵⁹ Penulis berkesempatan mengadakan observasi dan melihat proses pembuatan air minum isi ulang Akia di salah satu cawangan Akia di komplek Perumahan Menteng Indah Medan

Pesatnya perkembangan depot air minum isi ulang ini bagaimanapun mesti mendapatkan kelulusan dari jabatan kesihatan, oleh itu air minum isi ulang tersebut perlu pengujian makmal bagi menjaga kualiti air tersebut. Pemeriksaan makmal uji kualiti air dengan Pengujian Kualiti Air adalah hal utama dan penting. Hal ini mengingat bahawa depot air minum ini harus memiliki jaminan kesihatan bagi masyarakat. Kerana apabila tidak memenuhi standart kelayakan Hygiene Sanitasi Air Minum dapat menyebabkan penyakit seperti cirit birit, muntah-muntah, keracunan, dan penyakit yang berhubungan dengan saluran penghadaman lainnya. Sehingga dapat membahayakan kesihatan masyarakat.

Pemeriksaan makmal ini dilakukan berdasarkan Keputusan Menteri Kesihatan No. 907/Menkes/SK/VII/2002 tentang Pengawasan Kualiti Air Minum. Parameter yang diuji berkaitan dengan tingkat kesihatan air iaitu Pemeriksaan Bakteriologi (tidak terdapat kandungan *Eshcerschia coli* 0%), Pemeriksaan Fizik (bau, jumlah zat terlarut, kekeruhan dan rasa), Pemeriksaan Kimia (Aluminium, Besi, *Khlorida*, *Mangan*, *Nitrat*, *Nitrit*, *pH*, *Sulfat*). Selain itu dilakukan juga pemeriksaan kualiti air baku, peralatan yang digunakan, sanitasi tempat, dan kebersihan pekerja. Kesemua ini dapat mempengaruhi kualiti air minum.

Uji kualiti air ini dilakukan setiap 3 bulan sekali. Bagi pengusaha depot air yang telah melakukan pemeriksaan makmal diberikan Surat pengesahan makmal dan bahkan kini untuk beberapa daerah di Indonesia sudah ada surat rekomen Layak Hygiene Sanitasi Air Minum oleh pihak jabatan kesihatan . Bagi depot yang telah memiliki rekomen tersebut dilakukan pemeriksaan oleh petugas yang dihunjuk

Depot air minum isi ulang Akia inipun telah melalui proses pengujian makmal tersebut sehingga kualiti air yang dijual tidak perlu diragui lagi. Akia kini telah memperoleh keuntungan Rp. 84 juta dalam setahun dengan jumlah pekerja sebanyak 15 orang. Bagaimanapun pemilik bisnes akia ini iaitu ustaz Ali Nafiah tetap berpesan kepada para pebisnes agar jangan lupa untuk berzakat bagi kesucian diri dan harta serta membantu ekonomi umat.

4.2.5. Perkebunan

Perkebunan kelapa sawit sangat erat kaitannya dengan persoalan sosial ekonomi, budaya dan lingkungan masyarakat. Dari aspek sosial ekonomi masyarakat, kenyataan menunjukkan bahawa pemanfaatan lahan untuk melabur di sektor perkebunan sawit memang menjanjikan kesejahteraan bagi pemilik kebun, selain dapat memenuhi keperluan hidup, pemilik kebun juga mampu menyekolahkan anak-anaknya hingga menjadi sarjana. Selain itu perkebunan sawit juga mampu membuka lapangan pekerjaan yang berdampak pada perbaikan ekonomi masyarakat. Kondisi tersebut sangat jauh berbeza bila dibandingkan dengan sebagian kelompok masyarakat lain yang tidak memiliki kebun sawit sendiri namun tinggal di kawasan perkebunan kelapa sawit baik milik swasta atau milik negara. Pekerjaan menjadi buruh kebun dan menjadi pekerja pada pabrik-pabrik perkebunan sawit tidaklah sehebat memiliki perkebunan sendiri, tapi walau bagaimanapun masyarakat ini masih beruntung dapat memperoleh pekerjaan dengan adanya perkebunan sawit tersebut.

Ustaz Hj. Mohd. Ridwan Hamid telah membuka perkebunan sawit pada tahun 1980, dengan luas lahan sebanyak 30 Ha yang terletak di desa panglong kecamatan lestari kabupaten Deli Serdang. Pendapatan dari hasil perkebunan sawit ini telah beliau gunakan untuk membantu orang-orang miskin, seperti kos perubatan, menyalurkan kos pendidikan, memberikan bantuan bahan-bahan makanan, seperti beras, gula, minyak masak, dan sebagainya.

Dalam menguruskan perkebunan sawit tersebut, beliau telah mengupah sebanyak 20 orang, mula dari pembersihan lahan, pemberian baja sampai kepada petik dan penjualan buah sawit tersebut. Purata pendapatan bersih yang beliau peroleh adalah Rp. 60 juta pada tahun.

Walau bagaimanapun dalam beberapa tahun kebelakangan ini harga sawit sempat menurun akibat krisis ekonomi global, sehingga menjadikan penghasilan para pekebun sawit. Namun begitu ustaz Hj. Mohd. Ridwan Hamid ini melihatnya sebagai cabaran dalam dunia bisnes dan juga sebagai ujian yang diberikan oleh Allah kepada hamba-hambaNya. Beliau juga berpesan kepada masyarakat agar terus mempertingkatkan usaha-usaha yang dapat memajukan perekonomian umat Islam, disamping terus meningkatkan amal ibadah agar keseimbangan dunia dan akhirat dapat tercapai dengan baik.

4.2.6. Duta Parahiyangan

Duta Parahiyangan merupakan bentuk usaha yang bergerak dalam bidang percetakan yang didirikan oleh ustaz Irwansyah²⁶⁰ yang beralamat di Jalan Alfalah Raya No. 8 Glugur Darat II Medan Timur.²⁶¹ Bisnes percetakan adalah suatu jenis usaha yang tidak boleh dipandang sebelah mata. Terutama dalam beberapa tahun kebelakangan ini, bisnes percetakan semakin berkembang dengan pesat, hal ini dapat dilihat dari munculnya pengusaha-pengusaha baru dalam bisnes ini.

Dalam menggerakkan dan memperlancar jalannya bisnes Duta Parahiyangan ini, ustaz Irwansyah melakukan *expansion marketing* baik didalam kota Medan maupun diluar kota Medan. Ini kerana menurut beliau dengan semakin banyaknya persaingan dari pengusaha-pengusaha baru dalam bisnes ini, maka mestilah lebih aktif memasarkan produk kepada pengguna, kerana pengguna merupakan penentu dalam kemajuan dan keberhasilan bisnes.

Adapun produk-produk percetakan yang dihasilkan oleh Duta Parahiyangan ini dapat kita lihat pada jadual dibawah ini :

²⁶⁰ Ustaz Irwansyah adalah lulusan *Bachelor's Degree* Fakulti Syariah Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara dan lulusan *Bachelor's Degree* Fakulti Undang-Undang Universiti Sumatera Utara, mula aktif berdakwah sejak tahun 2003 dan mula menekuni dunia bisnes sejak tahun 2004. sekarang beliau aktif dalam Gerakan Pemuda Anshor, Nahdatul Ulama kota Medan, Persatuan Advokasi hukum Sumatera Utara serta menjadi Pembina Komuniti Usaha makro Berbasis Masjid.

²⁶¹ Temubual dijalankan pada 01 Jun 2009 pada pukul 11.30 am di pejabat beliau di Jln. Alfalah Raya Medan

Jadual 4.3 : Produk-Produk Percetakan Yang Dihasilkan Duta Parahiyangan

Tahun 2009

No	Produk yang dicetak
1	Logo pakaian seragam pegawai kerajaan/swasta
2	Logo pakaian seragam pengakap
3	Logo pakaian sukan
4	Aksesoris beg tangan
5	Kad nama
6	Kad jemputan
7	Brosur
8	Sampul surat
9	Kepala surat
10	Pelekat
11	Kalendar
12	Poster
13	Topi
14	Pin

Sumber : Duta Parahiyangan tahun 2009

Perkembangan usaha Duta Parahiyangan sampai sekarang ini bergerak dengan lancar. Dengan jumlah pekerja sebanyak 8 orang, Duta Parahiyangan telah memperoleh purata penghasilan bersih dalam setahun Rp. 48 juta. Walau bagaimanapun kendala yang dihadapi tetap sahaja ada, iaitu kekurangan modal dan tertunggaknya pembayaran dari pada pelanggan. Namun kendala ini tidak menyurutkan semangat berbisnes ustaz Irwansyah tersebut, bahkan beliau berpesan agar setiap umat Islam dapat menumbuhkan semangat jiwa keusahawanan dan menyeimbangkan antara ekonomi dengan iman, serta mengajak para pengusaha untuk menjadi *sharing partner* dengan lembaga kewangan syariah sehingga ekonomi umat Islam dapat bergerak dengan pantas.

4.2.7. Usaha Ayam Potong Berkah

Daging ayam merupakan daging kegemaran dalam masyarakat, sebahagian besar masyarakat sangat suka makan daging ayam, oleh kerana itu, merupakan satu peluang yang cukup bagus dalam berbisnes ternak ayam potong ini. Usaha ini biasanya dilakukan dengan sistem kerja sama dengan peternak pembibitan ayam potong. Sehingga tidak perlu susah-susah menyediakan bibit, makanan dan obat-obatan, kerana semua telah disiapkan oleh peternak pembibitan tadi. Dengan sistem kerja sama ini maka sangat memudahkan pengusaha yang menjalankan bisnes ayam potong ini. Pengusaha ayam potong ini biasanya akan membeli ayam yang masih hidup dari peternak, kemudian pengusaha tersebut akan menyembelih sendiri, membersihkan ayam tersebut dan barulah dijual kepada pembeli.

Usaha ayam potong Berkah merupakan bisnes yang bergerak dalam penjualan ayam potong yang didirikan oleh ustaz Badruzzaman²⁶² pada tahun 2009 yang beralamat di jalan Setia Budi Medan.²⁶³ Sebagai salah satu usaha yang bergerak dalam keperluan harian masyarakat. Usaha ini dilihat sangat menjanjikan, kerana hampir setiap hari sebahagian masyarakat mengkonsumsi daging ayam.

Usaha ayam potong Berkah yang dijalankan ustaz Badruzzaman ini hanya mampu menjual 80 kg dalam sehari dengan harga jual Rp. 20. 000 per kilo. Keuntungan

²⁶² Ustaz Badruzzaman adalah lulusan *Bachelor's Degree* Fakulti Ekonomi Universiti Muhammadiyah Sumatera Utara. Selain terus aktif menjalankan bisnes, beliau sekarang menjadi tenaga pengajar di Pesantren Ar-Raudhatul Hasanah kota Medan. Mula aktif berdakwah sejak tahun 1994.

²⁶³ Temu bual dijalankan pada 02 Jun 2009 pada pukul 11.00 am di rumah beliau di komplek Perumahan Pesantren Ar-Raudhatul Hasanah, Jln. Let.Jend Jamin Ginting KM 11 Medan.

yang diperoleh dalam setiap penjualan satu kilogram ayam adalah Rp. 3000. Dengan jumlah pekerja sebanyak 3 orang, maka keuntungan yang diperoleh dalam sebulan adalah Rp. 7,2 juta. Namun hasil penjualan seperti ini hanya diperoleh pada hari-hari biasa, jika pada hari-hari perayaan seperti hari raya aidil fitri, hari raya aidil adha, natal, tahun baru dan hari-hari besar lainnya, penjualan dapat meningkat menjadi dua ataupun tiga kali ganda.

Perjalanan usaha yang belumpun genap setahun ini bagaimanapun hanya mampu berkembang sedikit demi sedikit, ini kerana selain dari persaingan dari pengusaha-pengusaha ayam potong yang lain, juga dikeranakan modal yang sangat kecil. Oleh itu perlu adanya usaha yang lebih tekun lagi bagi menjayakan bisnes ayam potong ini.

4.2.8. Perkebunan Sawit

Untuk mewujudkan ekonomi kerakyatan, terutama di sektor pertanian maka perlu dipersiapkan kebijakan strategik untuk memperbesar atau mempercepat pertumbuhan sektor pertanian, khususnya peningkatan pendapatan dan kesejahteraan masyarakat. Salah satu cara untuk mencapai tujuan tersebut adalah pengembangan *agriculture* yang terencana dengan baik dan terkait dengan pembangunan sektor ekonomi lainnya. Dari sektor pertanian menunjukkan hasil yang cukup menggembirakan petani, kerana dapat memberi sumbangan yang tinggi terhadap pendapatan keluarga.

Perkebunan kelapa sawit dapat menciptakan sejumlah pekerjaan dan mendorong pertambahan pendapatan eksport. Ustaz Ammar Lingga²⁶⁴ telah membuka perkebunan sawit seluas 5 Ha di daerah Mahato Labuhan Batu sejak tahun 2006.²⁶⁵ Walaupun beliau tidak bermukim di daerah perkebunan sawit tersebut, dan menyerahkan pengurusan perkebunan beliau kepada orang lain, nyata penghasilan sawit ini mampu menyara kehidupan beliau. Pendapatan yang beliau peroleh dari hasil perkebunan sawit ini ialah Rp. 48 juta dalam setahun.

Disamping mempunyai perkebunan sawit tersebut, beliau juga mengorganiser beberapa tenaga kerja untuk mengurus perkebunan sawit, bukan hanya milik beliau, tetapi juga milik petani lainnya. Tenaga kerja tersebut berjumlah 20 orang dan ditempatkan dalam satu kem. Tugasan yang diberikan kepada tenaga kerja ini bermula dari pembersihan lahan, pemberian baja, sampai kepada pengutipan dan penjualan buah sawit tersebut. Menurut ustaz Amar Lingga ada beberapa faktor yang harus di ambil kira dalam penanaman dan pengembangan perkebunan sawit, antaranya iaitu :

- i. Iklim, iaitu jumlah bulan kering berkisar 2-3 bulan/tahun yang menggambarkan penyebaran curah hujan yang tidak merata dalam setahun.
- ii. Topografi area yang berbukit-bukit dengan lereng 25-40% (area dengan kemiringan lereng diatas 40%) tidak disarankan untuk pengembangan tanaman kelapa sawit.
- iii. Kedalaman efektif tanah dangkal, terutama pada daerah dengan jenis tanah yang memiliki kandungan batuan tinggi.
- iv. Lahan gambut.

²⁶⁴ Ustaz Ammar Lingga adalah lulusan *Bachelor's Degree* Fakulti Syariah Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara. Mula aktif berdakwah sejak tahun 1995. selain aktif berdakwah ke daerah-daerah perkampungan, kini beliau menjadi tenaga pengajar di Pesantren Raudhatul Hasanah kota Medan.

²⁶⁵ Temu bual dijalankan pada 04 Jun 2009 pada pukul 13.30 pm di rumah beliau di Jln. Pinang II No. 4 Perumahan Simalingkar Medan.

- v. Potensi tanah sulfat masam pada daerah dataran pasang surut.

Tambahan pula, pengurusan perkebunan sawit yang dilakukan dengan cara profesional, seperti pemilihan pupuk yang baik, pembersihan lahan yang teratur, dan memiliki pengetahuan yang cukup tentang kelapa sawit, akan mampu menghasilkan produktiviti yang berkualiti. Disamping faktor-faktor lain seperti curah hujan dan tanah juga merupakan penentu produktiviti.

Namun demikian, beberapa masalah tetap akan dihadapi dalam pengelolaan lahan kelapa sawit, salah satu masalah yang muncul dalam perkebunan sawit ini ialah harga buah sawit yang tidak menentu, disamping itu jauhnya jarak antara pemukiman dan perkebunan sawit dengan pabrik pengolahan sawit menyebabkan buah sawit memiliki harga jual yang sangat rendah.

4.2.9. Kencana Mas

Ustaz Junaidi²⁶⁶ telah membuka sebuah butik pakaian yang bernama Kencana Mas yang beralamat di Jalan Bilal Ujung No. 26 Medan. Usaha ini telah dibuka pada tahun 2004²⁶⁷. Usaha ini bergerak dalam penjualan pakaian batik, dan busana muslim

²⁶⁶ Ustaz Junaidi adalah lulusan *Bachelor's Degree* Fakulti Pendidikan Agama Sekolah Tinggi Agama Islam Swasta. Mula aktif berdakwah sejak tahun 1989.

²⁶⁷ Temu bual dijalankan pada 08 June 2009 pada pukul 11.45 am di pejabat beliau di Jln. Bilal Ujung Medan.

dan muslimah.²⁶⁸ Pakaian batik yang dijual di butik ini cukup beragam, mula dari persalinan untuk ke pejabat hingga ke acara parti dan majelis formal. Pakaian batik yang dijual juga berbagai jenama, seperti Wadimor, Sultan, Rahmat dan beberapa jenama lain. Konsep harga murah dengan kualiti bagus menjadi andalan, harga yang ditawarkan untuk tiap helai juga beragam dan tidak begitu mahal iaitu dalam lingkungan Rp. 30 ribu hingga Rp. 250 ribu.

Busana muslim dan muslimah sangat ramai dicari pembeli terutama di bulan puasa dan hari raya, model busana muslim dan muslimah sekarang juga tidak ketinggalan zaman, modis dan nyaman dipakai. Menurut ustaz Junaidi, untuk menjalankan butik ini yang terpenting adalah peluang pasaran yang harus menjadi tumpuan, disamping terus memberikan kualiti layanan dan kualiti barang.

Usaha Kencana Mas ini mempunyai pekerja sebanyak 10 orang dengan purata penghasilan dalam setahun ialah Rp. 120 juta. Dengan perjalanan usaha selama beberapa tahun, butik ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Hal ini dapat dilihat dari semakin meningkatnya usaha Kencana Mas ini dari tahun ke tahun. Beberapa masalah yang dihadapi oleh Kencana Mas ini ialah pembayaran dari pembeli yang sering tertunggak, ini kerana usaha Kencana Mas ini juga memberikan pembelian kepada pengguna secara angsuran.

²⁶⁸ Penulis berkesempatan melihat langsung pakaian-pakaian yang dijual di Kencana Mas, ini kerana butik pakaian Kencana Mas bersebelahan dengan pejabat ustaz Junaidi tempat penulis melakukan temu bual.

4.2.10. Usaha Keluarga

Ustaz Dermawan²⁶⁹ telah menjalankan bisnes yang diberi nama Usaha Keluarga yang beralamat di jalan Setia Budi gang Tengah No. 24 Lingk. IV Tanjung Sari Medan. Bisnes ini bergerak dalam pengadaan beca bermotor, dan mula berdiri pada tahun 2006.²⁷⁰ Keberadaan beca bermotor sekarang ini telahpun menjadi salah satu sumber pendapatan masyarakat tempatan, dan jika pengurusan dilakukan dengan baik ia juga dapat menjadi salah satu sumber asli pendapatan daerah. Keberadaan beca bermotor ini sudah menjadi salah satu sarana angkutan umum masyarakat yang jumlahnya dari tahun ke tahun terus meningkat.

Sebahagian masyarakat lebih gemar menggunakan beca bermotor daripada menaiki pengangkutan awam seperti bas, pengguna beca bermotor ini lebih ramai diminati oleh ibu-ibu yang berbelanja kepasar, atau pengguna lain yang jarak perjalanannya dekat, ataupun pengguna yang mempunyai rumah yang jauh dari jalan raya. Ini kerana beca bermotor ini terdapat dimerata tempat di kawasan kota Medan, dan untuk mendapatkannya tidak terlalu sukar. Disamping itu, kelebihan menaiki kenderaan beca bermotor ini ialah para pengguna boleh terus diantar sampai ke depan rumah, dan dapat memasuki lorong-lorong kecil yang tidak dapat dijangkau oleh bas maupun teksi.

²⁶⁹ Ustaz Dermawan adalah lulusan *Bachelor's Degree* Fakulti Ekonomi Sekolah Tinggi Ilmu Manajemen SUKMA dan lulusan *Bachelor's Degree* Fakulti Pendidikan Islam STAIRA Bt. Kuis.

Mula aktif berdakwah sejak tahun 1992. Disamping terus aktif menjalankan bisnes tersebut, beliau sekarang aktif menjadi tenaga pengajar di pesantren Raudhatul Hasanah kota Medan.

²⁷⁰ Temu bual dijalankan pada 10 June 2009 pada pukul 10.15 am di pejabat beliau di Jln. Setia Budi Tanjung Sari medan.

Untuk pengendalian beca bermotor ini, pemerintah kota Medan sudahpun menerbitkan undang-undang melalui Perda (Peraturan daerah) Nombor 24 tahun 2002 tentang Penyelenggaraan Perhubungan kota Medan, dan surat keputusan Walikota Medan Nombor 551.15/466 k/2001 tanggal 08 April 2004 tentang kewajiban angkutan kendaraan bermotor roda tiga untuk memperoleh trayek pengoperasian di kota Medan dan Nombor 551.21/482 k tanggal 08 April 2004 tentang penetapan jenis motor penggerak beca bermotor dan daerah larangan operasional beca bermotor di wilayah kota Medan.

Usaha keluarga yang dijalankan oleh ustaz Dermawan ini, mempunyai 5 unit beca bermotor untuk disewakan, dengan harga sewa setiap satu unit ialah Rp. 20.000. Purata penghasilan bersih yang diperoleh Usaha Keluarga ini dalam setahun ialah Rp. 36 juta. Adapun masalah yang dihadapi dalam bisnes ini ialah semakin naiknya harga barang-barang ganti untuk beca bermotor tersebut. Tetapi ustaz Dermawan menganggap masalah ini sebagai bahagian dari resiko terhadap bisnes yang beliau jalankan. Salah satu cara untuk mengelakkan masalah tersebut ialah dengan merawat beca bermotor tersebut dengan sebaik mungkin, sehingga kerosakan dapat dielakkan.

Perkembangan bisnes Usaha Keluarga ini semakin meningkat, hal ini dapat dilihat dengan adanya perluasan bisnes yang dilakukan oleh Usaha Keluarga ini. Kalau dahulunya bisnes ini hanya menjalankan bisnes beca bermotor, tetapi sekarang ini bisnes Usaha Keluarga ini telah membuka bisnes baru iaitu pembuatan depot air minum isi ulang dan membuka usaha gunting rambut. Pengembangan usaha ini bertujuan untuk meningkatkan lagi pendapatan dan memajukan usaha yang telah dirintis selama ini.

Sebagai ustaz yang aktif dalam dunia bisnes, beliau mengajak umat Islam untuk terus giat meneroka bisnes-bisnes baru yang dapat menjana perekonomian umat Islam, sehingga umat Islam akan terus berjaya dalam bidang ekonomi, juga menjadi umat yang memiliki kekuatan dan tidak lagi menjadi umat yang terus terpinggir di bidang ekonomi, sehingga dapat menjadi umat yang memperoleh kebahagian dunia dan akhirat.

4.2.11. Keropok Gurih Dan Enak Thoyibah

Ustaz Edi Surianto²⁷¹ telah mendirikan satu usaha yang bergerak dalam pembuatan dan penjualan keropok, beliau memberi nama usaha tersebut Keropok Gurih Dan Enak Thoyibah,²⁷² usaha ini mula berdiri sejak tahun 1990 dan beralamat di Jl. Pelita VI Gang Sepakat No 3 Medan. Kebiasaan sebahagian masyarakat yang gemar makan dengan tambahan keropok menjadikan satu peluang bisnes bagi beliau, keropok yang beliau hasilkan adalah keropok ubi, keropok ubi adalah salah satu makanan ringan yang memiliki citarasa yang renyah kerana bahan bakunya dari ubi pilihan.

Kemasan keropok ubi ini adalah dalam bentuk bungkus plastik, dengan harga jual per bungkus adalah Rp. 1800 untuk pekedai runcit, Rp. 2000 untuk pelanggan tetap dan Rp. 2500 untuk pembeli biasa. Dengan jumlah pekerja sebanyak 6 orang, sehingga kini penghasilan bersih yang diperoleh dalam setahun ialah Rp. 84 juta.

²⁷¹ Ustaz Edi Surianto adalah lulusan *Bachelor's Degree* Fakulti Ekonomi Universiti Alwashliyah Medan, mula aktif berdakwah sejak tahun 1980, selain aktif memberikan ceramah agama beliau juga aktif di Lembaga Dakwah Yayasan Kasyful Fikri kota Medan.

²⁷² Temu bual dijalankan pada 12 June 2009 pada pukul 10.00 am di pejabat beliau yang bersebelahan dengan tempat pembuatan keropok tersebut, iaitu di Jln. Pelita Gang Sepakat Medan.

Pada awal berdirinya usaha ini, proses pembuatan keropok ubi ini dilakukan dengan cara tradisional, iaitu dihiris kemudian dikeringkan dibawah terik mentari, dan setelah kering barulah digoreng menjadi keropok. Rasanya lebih terasa kerana serat ubinya yang padat dan ranggup. Namun kini proses pembuatan dilakukan dengan menggunakan alat-alat teknologi, seperti penggunaan mesin pemarut, mesin pemotong dan pengorengan yang sudah menggunakan gas dan elektrik. Keropok ini boleh juga diwarnai dengan pewarna makanan untuk kelihatan menarik, sedap dijadikan kudapan ketika minum petang atau ketika menonton televisi, dan juga sebagai hidangan untuk tetamu atau kenduri.

Kejayaan usahawan ini bukan datang bergolek, ia hasil kerja keras dan didorong rasa tanggungjawab untuk memberi kehidupan yang lebih terjamin buat keluarganya. Ketekunan dan kegigihan mengusahakan perniagaan keropok ubi ini akhirnya mendapat perhatian dari masyarakat tempatan. Masyarakat mula menyukai makanan ringan yang terbuat dari keropok ubi ini, dan ini menjadikan perniagaan dibidang ini mula menjanjikan.

Bagi menjamin bekalan ubi yang mencukupi, beliau terus menjalin kerjasama dengan pembekal-pembekal ubi dari daerah lain. Persaingan dalam bisnes ini semakin hebat kerana semakin ramai yang menceburi perniagaan makanan ringan ini. Ditambah pula dengan kenaikan harga barang seperti minyak masak dan plastik pembungkus, juga menjadi cabaran dalam menjayakan perkembangan bisnes ini. Tetapi semua ini tidak sedikitpun mengurangkan semangat ustaz Edi Surianto untuk terus

mengembangkan bisnes ini, malah beliau tetap berusaha untuk menghasilkan keropok yang lebih sedap dan berkualiti.

4.2.12. Yayasan Nurul Asiah

Ustazah Hajjah Nurasiah Djamil²⁷³ telah mendirikan sebuah yayasan pendidikan yang diberi nama Yayasan Nurul Asiah yang beralamat di Jalan Persamaan No. 01 Simpang Limun Medan. Yayasan ini didirikan pada tahun 1968.²⁷⁴ Yayasan Nurul Asiah ini adalah yayasan yang bergerak dalam bidang pendidikan Islam, diantara program-program yang ditawarkan oleh yayasan ini ialah Taman Kanak-Kanak Al-quran (TKQ), Taman Pendidikan Al-quran (TPQ) dan Seni Baca Al-quran. Yayasan Nurul Asiah ini telah menerima pelajar setiap tahunnya sebanyak 40 orang, dan hingga kini yayasan ini mempunyai murid sebanyak 120 orang, dengan tenaga pengajar sebanyak 10 orang. Yuran yang dikenakan kepada setiap pelajar di yayasan ini ialah Rp. 125.000 setiap bulan.

Misi dari yayasan pendidikan ini bertujuan untuk mendidik kanak-kanak mengenal dan mempelajari Al-quran, program pembelajaran diutamakan melalui kebiasaan harian yang dilakukan secara rutin, mula dari mujahadah, belajar iqra sampai kepada menghalap surah-surah Al-quran, bacaan doa-doа harian, membaca Al-quran

²⁷³ Ustazah Hajjah Nurasiah Djamil adalah lulusan sarjana Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara. Mula aktif berdakwah sejak tahun 1968. Beliau adalah seorang qariah kota Medan. Disamping terus aktif menguruskan yayasan tersebut, beliau juga aktif menguruskan bidang kesenian Islam seperti nasyid.

²⁷⁴ Temubual dijalankan pada 16 Jun 2009 pada pukul 11.00 am di pejabat beliau di Jln. Persamaan Simpang Limun Medan.

baik secara tartil mahupun berlagu serta penanaman aqidah akhlak. Dan diharapkan para kanak-kanak ini dapat memahami asas-asas tentang Islam.

Disamping menjalankan misi pendidikan, yayasan ini juga menyediakan tempat bermain kanak-kanak yang dibina dikawasan laman sekolah tersebut. Ini bertujuan untuk melatih fizikal kanak-kanak agar lebih aktif, kuat dan sihat. Disamping itu, tempat bermain ini juga untuk menyegarkan minda kanak-kanak tersebut yang mudah bosan belajar di dalam kelas. Penyegaran minda dengan cara mengajak kanak-kanak bermain ternyata lebih berkesan.

Perkembangan yayasan ini dari tahun ke tahun cukup menggembirakan, ini kerana masyarakat sangat menyokong adanya yayasan taman kanak-kanak yang seperti ini, khasnya taman kanak-kanak yang Islam. Sokongan ini datang terutamanya dari masyarakat yang berhampiran dengan yayasan tersebut. Namun begitu ada beberapa kendala yang selalu dihadapi yayasan ini iaitu beberapa pelajar yang sangat lambat khatam Al-quran, sehingga memerlukan usaha yang sungguh-sungguh dari tenaga pengajar dalam membimbing dan mengajar kanak-kanak tersebut.

Namun begitu ada beberapa kendala yang selalu dihadapi yayasan ini iaitu beberapa pelajar yang sangat lambat khatam Al-quran, sehingga memerlukan usaha yang sungguh-sungguh dari tenaga pengajar dalam membimbing dan mengajar kanak-kanak tersebut. Disamping itu, kendala-kendala lain seperti persaingan dan juga

semakin banyaknya yayasan yang serupa berdiri turut menjadi cabaran dalam menjayakan perkembangan yayasan ini.

4.2.13. Usaha Mandiri

Usaha Mandiri merupakan usaha yang bergerak dalam pembuatan iklan yang didirikan pada tahun 2005 oleh ustaz Bustami Manurung²⁷⁵ yang beralamat dijalan Marelan Raya Medan.²⁷⁶ Usaha ini dirintis sejak beliau masih menjadi seorang pelajar di IAIN-SU, kegigihan beliau dalam menjalankan usaha ini akhirnya mula menampakkan hasil, hal ini dapat dilihat dengan semakin berkembangnya usaha ini dan semakin banyaknya pesanan yang masuk dalam pembuatan iklan oleh para pelanggan. Pembuatan iklan yang dijalankan oleh usaha mandiri ini adalah seperti pembuatan logo, brosur, kad jemputan, kad nama, label, stamp dan sebagainya. Selain pembuatan iklan ini, usaha mandiri ini juga membuat barang-barang konfeksi seperti beg, kasut, sandal, topi, ves dan lain-lain.

Sehingga kini perkembangan usaha ini berjalan dengan normal, tetapi diperlukan pengembangan dimasa hadapan. Dengan jumlah pekerja sebanyak 12 orang, usaha mandiri ini telah mencatat keuntungan bersih sebesar Rp. 36 juta dalam setahun. Menurut ustaz Bustami Manurung ini dalam proses mengembangkan usaha kepada tahap yang lebih maju, diperlukan pemasaran yang lebih pantas, aktif dan cekap. Selain

²⁷⁵ Ustadz Bustami Manurung adalah lulusan *Bachelor's Degree* Fakulti Dakwah Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara. Mula aktif berdakwah pada tahun 1990 dan mula menekuni dunia bisnes pada tahun 2005.

²⁷⁶ Temu bual dijalankan pada 18 Jun 2009 pada pukul 15.30 pm di pejabat beliau di Jln. Marelan Raya Medan.

itu juga diperlukan sokongan dari pihak pemerintah dalam melindungi para pengusaha-pengusaha kecil dan menengah.

Untuk menjayakan perekonomian umat Islam, beliau mengajak agar umat Islam meningkatkan semangat keusahawanan, menumbuhkan lagi semangat bekerja, dan membuka peluang-peluang bisnes baru, serta menjalankan kerjasama yang padu sesama umat Islam. Dengan semakin ramainya umat Islam yang terlibat dalam kegiatan perekonomian, maka akan dapat meningkatkan ekonomi umat Islam sendiri. Beliau juga berpesan agar umat Islam terus mengeratkan silaturrahim.

4.2.14. Usaha Dagang Mandiri

Usaha Dagang Mandiri merupakan usaha yang bergerak dalam pembuatan dan penjualan makanan ringan, didirikan oleh ustaz Aminuddin Yahya²⁷⁷ pada tahun 2007, yang beralamat di Jalan Bromo Gang Sederhana No. 1A Medan.²⁷⁸ Pembuatan makanan ringan ini mempunyai bahan asas iaitu tepung beras yang di dalamnya dibubuh kacang tanah, kemudian digoreng.²⁷⁹ Masyarakat kota Medan menamai makanan ringan ini dengan sebutan peyek. Penjualan makanan ringan ini biasanya dilakukan pada kedai-kedai runcit, warung-warung makan, restoran, cafe, dan tempat-tempat penjualan makanan ringan lainnya. Selain penjualan dilakukan di kota Medan, Usaha Dagang

²⁷⁷ Ustaz Aminuddin Yahya adalah lulusan *Bachelor's Degree* Fakulti Syariah Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara. Mula aktif berdakwah sejak tahun 1996.

²⁷⁸ Temu bual dijalankan pada 22 June 2009 pada pukul 11.30 am di pejabat beliau yang bersebelahan dengan tempat pembuatan makanan ringan tersebut di Jln. Bromo Medan.

²⁷⁹ Penulis berkesempatan melihat proses pembuatan makanan ringan tersebut.

Mandiri juga melakukan penjualan keluar Bandar kota Medan, seperti Deli Serdang, Lubuk Pakam dan bandar-bandar lainnya.

Kemasan makanan ringan ini adalah dalam bentuk balang plastik, dengan harga jual setiap balang adalah Rp. 5500. Penjualan yang dihasilkan dalam sehari mencecah 200 balang lebih. Dengan jumlah pekerja sebanyak 17 orang, Usaha Dagang Mandiri telah mencatat keuntungan bersih dalam setahun sebanyak Rp. 84 juta. Hingga kini perkembangan Usaha Dagang Mandiri ini cukup lancar dan mendapat sambutan yang menggalakkan, ini kerana makanan ringan ini cukup banyak digemari oleh masyarakat kota Medan.

4.2.15. Sabili Grafika

Sabili Grafika merupakan usaha yang bergerak dalam pembuatan iklan yang didirikan pada tahun 2000 oleh ustaz Jumanah Nasution²⁸⁰ yang beralamat dijalan Pelita IV Medan.²⁸¹ Usaha ini beliau rintis sejak masih menuntut di Universiti, dengan semangat dan kegigihan dalam menjalankan bisnes, beliau mampu menamatkan pengajian dan menyara keluarga dari hasil usaha ini. Ustaz Jumanah Nasution juga telah banyak membantu para pelajar-pelajar dengan cara mengambil mereka bekerja di Sabili Grafika dengan kerja separuh masa, dan ini sangat membantu pelajar-pelajar tersebut untuk mendapatkan wang tambahan, sehingga beberapa keperluan pelajar-pelajar

²⁸⁰ Ustaz Jumanah Nasution adalah lulusan *Bachelor's Degree* Fakulti Ekonomi Universiti Alwashliyah Medan. Mula aktif berdakwah sejak tahun 1995 dan mula aktif berbisnes sejak tahun 2000. selain terus menjalankan bisnes, memberikan ceramah dan mengisi jadual-jadual khatib di beberapa masjid di kota Medan, beliau kini aktif dalam seni nasyid.

²⁸¹ Temu bual dijalankan pada 23 Jun 2009 pada pukul 10.15 am di rumah beliau di Jln. Pelita VI Medan.

tersebut dapat terpenuhi, seperti membeli buku, tambahan untuk pembayaran yuran pengajian, dan sebagainya.

Pembuatan iklan yang dijalankan dalam Sabili Grafika ini ialah pembuatan logo pakaian seragam, kad jemputan, kad nama, brosur, label, stamp, dan sebagainya.²⁸² Perkembangan usaha ini cukup menggembirakan dari tahun ke tahun, hal ini dapat dilihat dari semakin banyaknya pelanggan yang datang membuat tempahan. Dengan jumlah pekerja sebanyak 5 orang, Sabili Grafika telah mencatat keuntungan bersih dalam setahun sebanyak Rp. 30 juta.

Hingga kini bisnes Sabili Grafika telah berjalan 9 tahun, dalam masa tersebut telah banyak pengalaman yang diperoleh dan tantangan yang dihadapi, juga telah mengalami turun naiknya usaha yang di jalankan. Kesemua itu menjadikan semangat untuk terus menekuni dunia bisnes. Sehinga di masa hadapan usaha Sabili Grafika ini akan mampu menghadapi berbagai cabaran. Memberikan kualiti terbaik dan mesra pengguna merupakan motto yang diterapkan oleh Sabili Grafika tersebut.

Demikianlah beberapa aktiviti-aktiviti ekonomi yang telah diceburi oleh pendakwah di kota Medan. Penulis hanya dapat melakukan temu bual kepada 15 pendakwah yang aktif dalam aktiviti ekonomi yang ada di kota Medan, dengan beragam aktiviti bisnes yang telah mereka jalankan.

²⁸² Penulis berkesempatan melakukan kunjungan dan observasi ketempat pembuatan produk Sabili Grafika, bahkan penulis sempat juga ikut mencuba membuat beberapa label dan brosur dengan dipandu oleh ustaz Jumanah Nasution sendiri.

4.3. PERANAN PENDAKWAH DALAM MENINGKATKAN PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT MEDAN

Peranan pendakwah sangat luas dan pendakwah adalah orang yang bertanggungjawab dalam membawa sebuah masyarakat Islam dan negara ke destinasi yang diredayai oleh Allah dalam usaha membangunkan tamadun Islam. Adapun peranan yang dilakukan oleh pendakwah dalam meningkatkan pembangunan ekonomi masyarakat Medan ialah :

4.3.1. Pendakwah Sebagai *Role Model* Dalam Aktiviti Bisnes di Kota Medan

Keterlibatan pendakwah dalam aktiviti bisnes di kota Medan boleh menjadi *role model* dalam menjayakan pembangunan ekonomi umat Islam, ini kerana aktiviti bisnes yang digerakkan oleh pendakwah adalah aktiviti bisnes yang berasaskan syariah, yang jauh dari unsur-unsur riba dan kebathilan, serta tidak terlibat dalam aktiviti ekonomi yang bersifat spekulasi. Oleh itu, keterlibatan pendakwah dalam aktiviti bisnes akan menjadi contoh dalam masyarakat dan pengusaha-pengusaha lainnya, juga sebagai teladan dalam menjalankan aktiviti ekonomi yang bersih.

Dalam ekonomi Islam, semua aktiviti ekonomi tidak boleh melanggar asas-asas keimanan, sebab aktiviti ekonomi itu sendiri merupakan implementasi dari nilai-nilai tauhid dalam kehidupan manusia. Pendakwah di kota Medan dilihat cukup berpotensi untuk menggerakkan aktiviti ekonomi Islam secara lebih luas dan berkembang, maka dengan kehadiran mereka dalam dunia bisnes akan menjadi ikutan

kepada pengusaha-pengusaha lainnya untuk mengembangkan aktiviti ekonomi yang Islami.

4.3.2. Peranan Pendakwah Dalam Membantu Ketersediaan Lapangan Pekerjaan di Kota Medan

Masalah pengangguran merupakan persoalan yang cukup serius dalam sebuah negara. Jika tidak segera diatasi dengan baik, ianya boleh mengakibatkan kehidupan sosial masyarakat yang kurang baik. Kehadiran pengusaha-pengusaha kecil dan menengah, termasuklah di dalamnya para pendakwah sedikit sebanyak telah mampu mengurangkan pengangguran, member peluang pekerjaan kepada masyarakat.

Aktiviti ekonomi pendakwah di kota Medan mempunyai peranan dalam membantu ketersedian lapangan pekerjaan, dari 15 pendakwah yang menjadi responden dalam penyelidikan ini, yang telah menjalankan aktiviti ekonomi di kota Medan, sebanyak 149 orang telah mendapat pekerjaan dari bisnes yang dijalankan, walaupun jumlahnya ini merupakan jumlah yang kecil, bila dibandingkan dengan jumlah penduduk kota Medan, akan tetapi ianya merupakan sumbangan yang cukup bererti dalam mengurangkan pengangguran. Jika semakin ramai pendakwah yang melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi yang sebegini, maka semakin ramai juga masyarakat yang memperoleh pekerjaan dan masalah pengangguran yang dihadapi dapat dikurangkan sedikit demi sedikit, sehingga kehidupan sosial masyarakat juga akan semakin membaik.

4.3.3. Peranan Pendakwah Dalam Membantu Mengembangkan Ekonomi Islam di Kota Medan

Dalam mengembangkan ekonomi Islam di kota Medan diperlukan kerjasama semua pihak, baik ulama, cendekiawan, pengusaha, tokoh masyarakat, dan semua lapisan masyarakat serta pemerintah sendiri. Harus diakui bahawa perkembangan ekonomi Islam merupakan bahagian penting dari pembangunan ekonomi bangsa dan juga majoriti muslim. Hikmah didirikannya ekonomi Islampun sangat banyak, salah satunya praktik ekonomi Islam ini mengajarkan pada kita bahawa perbuatan riba itu adalah perbuatan dosa besar yang sangat dibenci oleh Allah swt dan mengajarkan pada kita agar menjauhi perbuatan tersebut. Selain itu, sistem ekonomi Islam juga dapat meningkatkan dan menjamin kelangsungan hidup dan kesejahteraan seluruh umat, dapat menghapus kemiskinan dan pengangguran khasnya di Medan, Indonesia.

Perkembangan ekonomi Islam yang semakin maju ini merupakan cerminan dan kerinduan umat Islam Indonesia khasnya para pedagang untuk melakukan bisnes secara Islami dan diredayai oleh Allah swt. Bagaimanapun sistem ekonomi Islam yang dijalankan di Medan belum begitu menggairahkan dari segi pelaksanaannya. Oleh itu, peranan pendakwah amat sangat diharapkan untuk terus menggerakkan pelaksanaan ekonomi Islam di Medan. Aktifnya para pendakwah ini dalam beberapa bisnes akan menjadi contoh dalam masyarakat, sehingga masyarakat juga terpanggil untuk melibatkan diri bagi pengembangan ekonomi Islam.

4.3.4. Peranan Pendakwah Dalam Menjana Pendapatan

Salah satu peranan pendakwah adalah untuk menyampaikan ajaran Islam di tengah-tengah masyarakat, keberhasilan dan kemajuan serta kemunduran dakwah Islam terletak ditangan para pendakwah. Namun demikian, disamping tugas pendakwah tersebut, para pendakwah juga mempunyai tanggungjawab untuk menyara keluarga masing-masing. Untuk menjalankan tanggungjawab ini, maka para pendakwah ini harus bekerja mencari nafkah bagi memenuhi keperluan keluarga. Dengan demikian, tugas seorang pendakwah harus mampu menyeimbangkan antara menjalankan tugas dakwah dan memenuhi keperluan keluarga.

Dari pengamatan dan hasil temu bual yang pengkaji lakukan, para pendakwah yang terlibat aktif dalam aktiviti bisnes di kota Medan salah satu tujuannya adalah untuk menjana pendapatan bagi menyara dan memenuhi keperluan keluarga masing-masing. Di samping itu, hasil dari usaha yang dijalankan juga digunakan untuk keperluan dakwah dan membantu orang-orang yang kekurangan, seperti orang-orang miskin dan anak-anak yatim. Ini kerana untuk menjalankan dakwah juga memerlukan modal, oleh yang demikian, maka kegiatan-kegiatan bisnes yang dilakukan para pendakwah akan dapat membantu pergerakan dakwah dengan efektif, disamping sebagai tujuan untuk menjana pendapatan keluarga.

4.3.5. Peranan Pendakwah Dalam Membantu Pertumbuhan Ekonomi Masyarakat Kota Medan

Pertumbuhan ekonomi kota Medan selama ini telah banyak digerakkan oleh para pengusaha-pengusaha kota Medan. Berdasarkan data Badan Pusat Statistik kota Medan, jumlah pengusaha kecil dan menengah di kota Medan sebanyak 90 %, dan sumbangannya pengusaha kecil dan menengah dalam pembangunan ekonomi daerah sebesar 39,8%. Ini bererti peranan pengusaha-pengusaha kecil dan menengah merupakan faktor penentu dalam pembangunan ekonomi.

Pertumbuhan ekonomi yang tinggi dapat dilakukan melalui pelaburan dan eksport, namun peranan pengusaha-pengusaha kecil dan menengah juga sangat menentukan pertumbuhan ekonomi. Hal ini telah terbukti sejak Indonesia dilanda krisis ekonomi pada tahun 1997, para pengusaha-pengusaha kecil dan menengah dapat bertahan di tengah krisis yang melanda, sementara sebahagian dari para pengusaha-pengusaha besar menjadi bankrap dan mengalami hutang yang cukup banyak.

Menyedari peranan pengusaha-pengusaha ini dalam membantu pertumbuhan ekonomi, maka mesti ada upaya-upaya yang harus dilakukan guna meningkatkan dan membantu usaha dan aktiviti ekonomi yang dijalankan. Sehingga kehadiran pengusaha-pengusaha termasuk di dalamnya adalah pendakwah, akan lebih banyak membantu pertumbuhan ekonomi masyarakat Medan.

4.4. KELEMAHAN AKTIVITI EKONOMI PENDAKWAH DI KOTA MEDAN

Dalam usaha untuk mencapai agenda pembangunan demi menjana peningkatan ekonomi yang mantap dalam pembangunan umat Islam banyak usaha-usaha telah dilaksanakan untuk menjayakan tujuan tersebut, justeru itu bagi memastikan kemajuan dapat dicapai dengan jayanya, penulis akan mencuba menyingkap fenomena yang wujud dengan meninjau beberapa kelemahan yang dihadapi oleh pendakwah dalam meningkatkan pembangunan ekonomi masyarakat Medan, iaitu :

4.4.1. Kekurangan Sumber Modal

Modal merupakan hal yang sangat penting dalam menjalankan usaha, tanpa adanya modal yang cukup, perkembangan usaha mungkin akan mengalami pergerakan yang lambat. Aktiviti ekonomi yang dilakukan pendakwah di kota Medan didapati mempunyai kelemahan dalam sumber modal. Ini kerana mereka menggunakan modal sendiri dalam menjalankan bisnes mereka tanpa adanya bantuan dari pihak manapun. Kekurangan sumber modal ini menjadikan perkembangan bisnes mereka tidak dapat bergerak dengan pantas.

Masalah kewangan atau kekurangan modal ini perlu diberi perhatian yang serius, kerana iaanya merupakan faktor yang sangat penting dalam perkembangan bisnes. Faktor modal ini menjadi salah satu penentu kejayaan sesebuah bisnes yang dijalankan. Dengan mempunyai modal dan kewangan yang kokoh akan menjadikan usaha-usaha yang dijalankan oleh pendakwah mendapat keuntungan yang tinggi, sehingga mereka dapat meluaskan kegiatan usaha mereka dengan lebih pesat lagi.

4.4.2. Kurang Mendapat Perhatian Dari Pemerintah Setempat

Pengusaha-pengusaha kecil di kota Medan selama ini telah menunjukkan prestasi yang boleh dibanggakan, hal ini dapat dilihat dengan kemampuan menyerap tenaga kerja, serta mampu bertahan selama krisis ekonomi berlangsung di Indonesia. Akan tetapi, aktiviti-aktiviti ekonomi pendakwah di kota Medan dilihat kurang mendapat perhatian dari pemerintah, bahkan terkesan para pendakwah ini bergerak sendirian dalam menjalankan bisnes mereka, tanpa adanya sokongan dari pihak manapun.

Melihat kenyataan ini, aktiviti-aktiviti pendakwah di kota Medan amat sangat memerlukan sokongan yang padu dari pemerintah, baik sokongan berupa modal, fasiliti, mahupun pelayanan. sehingga perkembangan usaha mereka mampu mencapai keunggulan yang kompetitif baik dalam pasaran tempatan mahupun pasaran antarabangsa. Dengan adanya sokongan mahupun kerjasama yang dilakukan pemerintah dan pengusaha-pengusaha kecil seperti pendakwah, akan mampu mengatasi masalah-masalah ekonomi yang ada di daerah tersebut. Kerjasama ini juga akan mampu menguatkan lagi hubungan antara pemerintah dan pengusaha-pengusaha yang ada.

4.4.3. Kurangnya Pengetahuan Tentang Ekonomi

Persaingan merupakan tanda adanya kehidupan, dengan persaingan dapat mendorong kegairahan untuk menjana prestasi dan kreativiti. Oleh itu, untuk mampu menghadapi persaingan terutamanya dalam dunia bisnes diperlukan pengetahuan yang

handal. Baik pengetahuan mengenai bisnes yang dijalankan, maupun pengetahuan lain yang menjadi penyumbang kemajuan bisnes tersebut.

Pengetahuan dalam bidang ekonomi menjadi sesuatu yang sangat penting bagi para pebisnes, dengan adanya pengetahuan dibidang ekonomi, para pengusaha akan mampu melihat peluang pasar, mencipta produk yang berkualiti, dan juga mampu menghadapi persaingan. Sehingga aktiviti bisnes yang mereka jalankan dapat bergerak dengan lancar. Pengetahuan dibidang ekonomi ini mesti menjadi perhatian bagi pengusaha, ini kerana ianya merupakan salah satu faktor kejayaan sesebuah usaha.

Pendakwah-pendakwah yang mencebur diri dalam aktiviti ekonomi di kota Medan didapati hampir kesemuanya berlatar belakang pendidikan syariah dan dakwah. Oleh itu, para pendakwah ini perlu lebih mendalami ilmu tentang ekonomi, baik dengan cara mengikuti kursus, seminar maupun cara-cara lain yang dapat menambah pengetahuan tentang ekonomi. Pendakwah haruslah memberi fokus terhadap pengetahuan tentang ekonomi ini, dengan tujuan dapat menghadapi cabaran perjalanan bisnes di masa hadapan, sehingga bisnes yang mereka jalankan akan lebih maju dan berkembang.

4.4.4. Pengalaman Yang Belum Mencukupi

Pengalaman memberikan pelajaran yang paling berharga, pengalaman mengajarkan tentang apa yang harus dilakukan, apa yang wajib dihindari, dan apa yang mesti ditunggu dalam melakukan bisnes, pengalaman juga dapat mencegah seseorang dari melakukan kekeliruan yang serupa. Aktiviti ekonomi yang dijalankan dengan

pengalaman yang cukup akan mampu menghadapi pelbagai tantangan dalam dunia bisnes. Pengalaman juga dapat menjadi penentu bagi perkembangan sesebuah bisnes di masa hadapan, ini kerana seseorang dapat belajar dari pengalaman yang telah ia lalui, dan dengan pengalaman tersebut membolehkan seseorang mengatasi berbagai cabaran bisnes di masa hadapan.

Pendakwah-pendakwah di kota Medan dilihat belum mempunyai pengalaman yang mencukupi bagi mengembangkan dan menjayakan aktiviti-aktiviti perdagangan yang mereka jalankan. Hal ini mungkin disebabkan bisnes yang mereka jalankan masih tergolong baru, dan juga perkembangannya yang masih bergerak pada satu cawangan sahaja.

4.4.5. Pemanfaatan Teknologi Yang Belum Memadai

Kemajuan teknologi informasi merupakan suatu perkembangan yang memberikan akses terhadap perubahan kehidupan masyarakat. Dunia informasi menjadi salah satu wilayah yang berkembang pesat dan banyak mempengaruhi peradaban masyarakat. Kemajuan teknologi jika dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya ia akan mampu memberi kelebihan, terutama dalam memasarkan sebuah produk melalui internet dan laman web lainnya. Akan tetapi jika tidak mampu mengambil peluang ini, ia malah akan menjadi satu penghalang bagi menjayakan sesebuah perniagaan.

Kemajuan teknologi informasi ini seharusnya dapat dimanfaatkan oleh pendakwah yang aktif dalam aktiviti bisnes. Akan tetapi, para pendakwah kurang mengambil peluang dari kemajuan teknologi ini. Hal ini dapat dilihat tidak ada satupun

dari para pendakwah ini yang mempunyai laman web, blog dan fasiliti internet lainnya. Padahal kemudahan teknologi ini dapat dijadikan tempat untuk memperkenalkan dan memasarkan produk yang dihasilkan. Ditambah lagi masyarakat sekarang yang lebih gemar mencari produk menerusi laman web, blog dan kemudahan internet lainnya. Maka ia akan menjadi satu kelebihan jika dapat memanfaatkan dan mengambil peluang di atas kemajuan dan perkembangan teknologi masa kini.

Demikianlah beberapa kelemahan dan masalah yang dihadapi oleh pendakwah dalam menjalankan aktiviti bisnes mereka. Dengan harapan kelemahan-kelemahan ini dapat diatasi dengan baik, dan juga para pendakwah dapat bercermin dan mengambil pelajaran dari kelemahan-kelemahan ini dan juga dapat mengkaji kelemahan tersebut sehingga dapat mengatasi berbagai cabaran perkembangan bisnes dan pada akhirnya dapat mengecapi kejayaan dalam menjalankan aktiviti bisnes di masa hadapan.

BAB V

PENUTUP

5.1. KESIMPULAN

Islam adalah agama yang terbaik kerana ia merupakan agama yang paling sempurna. Segala syariat Islam merangkumi seluruh ruang lingkup kehidupan manusia baik di dunia maupun di akhirat kelak. Tentang kehidupan akhirat sememangnya telah jelas di fikiran umat Islam iaitu kejayaannya hanya akan dapat dicapai dengan mengimani dan mengamalkan segala ajarannya. Sebaliknya tentang urusan kehidupan di dunia peranan Islam tidak begitu ditonjolkan dengan sewajarnya. Padahal peranan agama cukup penting dalam memberi petunjuk kepada manusia untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan dunia, sepetimana peranan yang sama untuk akhirat.

Pembangunan dalam Islam adalah pembangunan yang meliputi semua aspek pembangunan sama ada pembangunan kebendaan (ekonomi) dan pembangunan insan secara keseluruhannya. Islam menganggap pembangunan ekonomi adalah latihan fizikal dan usaha kerohanian diri manusia. Aktiviti ekonomi bukan sahaja untuk memuaskan diri terhadap keperluan fizikal, sebaliknya manusia mempunyai tugas dan tangungjawab terhadap pencipta-Nya dalam membangunkan akhlak dan rohaninya.

Islam begitu mengambil berat mengenai masalah pembangunan ekonomi dan menganggapnya sebagai sebahagian daripada masalah pembangunan manusia yang mempunyai peranan yang lebih luas. Islam berfungsi sebagai pemandu kepada

pembangunan manusia agar sentiasa mengikut landasan yang tepat dan benar. Oleh itu, aspek pembangunan ekonomi akan sentiasa terpandu berlandaskan rangka kerja pembangunan insan secara keseluruhannya. Ini dapat menjamin pembangunan ekonomi itu kekal sebagai unsur pembangunan moral dan sosioekonomi masyarakat yang bersepada dan tidak dipisahkan daripada unsur-unsur agama itu sendiri.

Pembangunan ekonomi menurut perspektif Islam adalah bersifat material dan spiritual, tidak sahaja merangkumi pembangunan ekonomi, tetapi juga merangkumi pembangunan manusia itu sendiri, pembangunan sosial, kebudayaan dan sebagainya. Pembangunan ekonomi dari perspektif Islam merupakan aktiviti ekonomi yang berasaskan prinsip yang terkandung dalam Al-Quran dan as-Sunnah. Aktiviti ekonomi menjadi tuntutan langsung agama Islam. Setiap aktiviti ekonomi juga merupakan satu bentuk ibadat, jika ianya dilakukan menurut peraturan dan adab yang diwajibkan terhadap setiap orang Islam.

Kemajuan pembangunan material semata-mata tanpa adanya usaha ke arah memantapkan pembangunan rohani dalam diri masyarakat adalah suatu usaha pembangunan yang sia-sia. Oleh itu, peranan para pakar ekonomi, sama ada pakar ekonomi Islam mahupun pakar ekonomi konvensional yang mengambil berat terhadap Islam sangat diperlukan bagi memajukan pembangunan ekonomi.

Untuk menjayakan pembangunan ekonomi ini, diperlukan kerjasama yang padu dari semua pihak, peranan pendakwah dilihat cukup strategik dalam memantapkan pembangunan dari aspek rohani, disamping itu, mereka juga mampu memberikan contoh dan teladan kepada masyarakat dengan melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi.

Kehadiran pendakwah dalam menceburi dunia bisnes mempunyai peranan yang sangat penting dalam pembangunan ekonomi, ini kerana para pendakwah selain mampu menggerakkan sektor ekonomi mikro, juga mampu membantu masyarakat dalam menjana pendapat. Beberapa aktiviti ekonomi yang telah dijalankan oleh pendakwah di kota Medan ialah :

1. Bidang perniagaan, seperti bisnes garmen, konveksi, depot air minum, butik pakaian, telefon bimbit, usaha ayam potong, pembuatan dan penjualan makanan ringan.
2. Bidang pertanian, seperti pertanian kelapa sawit.
3. Bidang perkhidmatan, seperti studio photo dan penyedian pengangkutan.
4. Bidang pendidikan, seperti pembinaan yayasan.

Dari pelbagai aktiviti ekonomi yang dijalankan pendakwah ini, telah memberikan peranan yang cukup bererti dalam proses pembangunan ekonomi masyarakat Medan. Keterlibatan pendakwah dalam aktiviti perniagaan dapat menjadi *role model* dalam menjayakan pembangunan ekonomi umat Islam, ini kerana aktiviti perniagaan yang mereka jalankan adalah aktiviti yang berdasarkan syariah. Pendakwah juga telah mampu membantu penyediaan lapangan pekerjaan kepada masyarakat di kota Medan, dari 15 pendakwah yang menjadi responden dalam kajian ini, sebanyak 149 orang telah memperoleh pekerjaan dari kegiatan bisnes yang mereka jalankan. Walaupun jumlah ini terlihat kecil, akan tetapi jika semakin ramai pendakwah yang mencebur diri dalam aktiviti bisnes, maka masalah pengangguran akan mampu dikurangkan sedikit demi sedikit.

Peranan selanjutnya adalah merupakan tokoh penting dalam mengembangkan ekonomi Islam. Harus diakui bahawa perkembangan ekonomi Islam merupakan bahagian penting dari pembangunan ekonomi bangsa dan juga majoriti muslim. Oleh itu, peranan pendakwah amat sangat penting untuk terus menggerakkan pelaksanaan ekonomi Islam. Aktifnya para pendakwah dalam aktiviti bisnes akan menjadi contoh dalam masyarakat, sehingga masyarakat juga akan ikut melibatkan diri bagi pengembangan ekonomi Islam.

Peranan pendakwah selain menyampaikan Islam di tengah-tengah masyarakat, mereka juga mempunyai tanggungjawab untuk menyara keluarga. Untuk menjalankan tanggungjawab ini maka pendakwah mesti bekerja bagi menjana pendapatan. Pendapatan yang diperoleh selain untuk memenuhi keperluan keluarga, juga dipergunakan untuk keperluan dakwah dan membantu orang-orang yang kekurangan, seperti orang-orang miskin dan anak-anak yatim.

Pendakwah yang terlibat dalam aktiviti ekonomi merupakan pengusaha yang bergerak dalam sektor ekonomi mikro. Peranan yang diberikan oleh sektor ekonomi mikro dalam proses pertumbuhan dan pembangunan ekonomi sangat besar. Oleh itu, kehadiran pendakwah telah mampu membantu pertumbuhan ekonomi masyarakat Medan, Indonesia.

Namun dari aktiviti ekonomi yang telah dijalankan pendakwah, beberapa kelemahan dapat dikenal pasti, diantaranya:

1. Kekurangan sumber modal. Aktiviti ekonomi yang dijalankan pendakwah di kota Medan didapati mempunyai kelemahan dalam sumber modal, ini kerana mereka menggunakan modal sendiri tanpa mendapat bantuan dari pihak manapun.
2. Belum adanya sokongan dan kerjasama pemerintah yang padu. Aktiviti-aktiviti ekonomi pendakwah dilihat kurang mendapat perhatian dari pemerintah, bahkan terkesan mereka bergerak sendirian dalam menjalankan perniagaan mereka.
3. Pengetahuan tentang ekonomi yang masih kurang. Para pendakwah yang mencebur diri dalam aktiviti ekonomi di kota Medan hampir semuanya berlatar belakang pendidikan syariah dan dakwah. Padahal pengetahuan tentang ekonomi sangat penting bagi memperlancar jalannya usaha mereka. Oleh itu, para pendakwah perlu mempelajari dan mendalami ilmu ekonomi bagi memajukan usaha mereka.
4. Pengalaman yang belum mencukupi. Aktiviti ekonomi yang dijalankan pendakwah dilihat belum begitu mempunyai pengalaman yang mencukupi, hal ini disebabkan kerana kebanyakan pendakwah ini baru beberapa tahun memulakan usaha-usaha bisnes mereka.
5. Pemanfaatan teknologi yang belum maksimum. Pendakwah di kota Medan kurang mampu memanfaatkan kecanggihan teknologi masa kini bagi mengembangkan perniagaan mereka, hal ini dapat dilihat tidak ada satupun pendakwah ini yang mempunyai blog dan laman web bagi memasarkan produk yang mereka hasilkan.

Kepentingan pembangunan ekonomi kepada umat Islam tidak boleh diperkecalkan. Kelemahan politik, keruntuhan kebudayaan umat Islam dan kemunduran serta kejatuhan tamadun Islam di zaman moden, sebahagian daripadanya adalah disebabkan oleh kemunduran ekonomi negara dan masyarakat Islam itu sendiri. Ditinjau dari sudut ini, berbagai usaha ke arah pembangunan ekonomi dapatlah dilihat sebagai

usaha yang bersungguh-sungguh kepada jalan Allah. Pembangunan ekonomi satu keperluan, walaupun tidak merupakan syarat yang sepenuhnya untuk dicapai, tetapi ia adalah salah satu langkah bagi negara-negara dan masyarakat Islam melaksanakan kewajiban mereka dan pada akhirnya memberi kebijakan kepada seluruh manusia.

Pembangunan ekonomi akan menjadi lebih bermakna jika ia dapat meningkatkan moral manusia itu sendiri. Dengan menolak material sebagai matlamat akhir pembangunan dan dengan menekankan tentang perlunya untuk menggabungkan secara harmoni antara nilai-nilai sekuler dan spiritual kewujudan manusia, maka Islam merintis jalan, bukan sahaja untuk mendapatkan ganjaran di akhirat nanti, tetapi juga untuk menikmati kehidupan yang murni, serba lengkap dan penuh bererti dalam kehidupan di dunia ini.

Pembangunan ekonomi yang sebenarnya mengikut Islam perlu dilaksanakan. Ini adalah langkah yang penting kerana tanpa mengamalkannya walau apapun usaha dan cara yang dilakukan tak akan membawa kepada penyelesaian masalah yang jitu dan kukuh. Peranan pendakwah dalam mengemban amanah ini akan mampu mencipta pembangunan yang berjaya, baik dari aspek material mahupun aspek rohani, sehingga kejayaan ekonomi umat Islam akan kembali bermartabat dan yang paling penting, kejayaan dunia dan akhirat akan dapat dikecapi.

5.2. SARANAN

Berdasarkan kepada penemuan kajian ini, maka dicadangkan beberapa saranan kepada pihak tertentu untuk melaksanakan atau mempertimbangkan dalam usaha mendorong pembangunan ekonomi dan peranan pendakwah dalam pembangunan ekonomi masyarakat Medan, Indonesia. maka pengkaji berpendapat bahawa ada beberapa hal penting yang perlu mendapat perhatian dan sekaligus sebagai tawaran atas permasalahan yang di hadapi oleh pendakwah dalam melakukan aktiviti ekonomi di kota Medan, iaitu :

5.2.1. Saran Kepada Pengkaji Yang Akan Datang

Kajian ini dilakukan terbatas kepada para pendakwah yang ada di kota Medan, Indonesia. Maka hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada daerah-daerah lain kecuali memiliki ciri-ciri persamaan. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar kajian yang serupa dilakukan di daerah lain untuk mengetahui perbezaan atau persamaan hasil kajian yang diperolehi.

Kajian ini merupakan kajian yang dilakukan secara umum untuk mengetahui peranan pendakwah dalam pembangunan ekonomi. Oleh itu, dicadangkan agar satu kajian yang lebih khusus dijalankan untuk mengetahui dan menilai sejauhmana keterlibatan para pendakwah dan tokoh-tokoh masyarakat dalam membangun ekonomi umat Islam.

Berdasarkan kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa peranan pendakwah dalam pembangunan ekonomi dilihat cukup penting bagi mengembangkan dan merumuskan konsep pembangunan ekonomi yang Islami. Namun begitu, kajian ini didapati tidak semua para pendakwah mempunyai kepakaran dalam bidang ekonomi. Oleh itu, pengkaji mencadangkan kepada pengkaji yang lain untuk melakukan satu kajian khusus bagi mengetahui secara terperinci mengenai peranan dan kepakaran para pendakwah dalam menjayakan pembangunan ekonomi.

Memandangkan kajian ini merupakan kajian melalui observasi dan temu bual dengan para pendakwah yang terlibat aktif dalam aktiviti-aktiviti ekonomi, maka dicadangkan kajian yang berbentuk lain seperti kajian kes, kajian perbandingan, kajian korelasi dan sebagainya dapat dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang lain dimasa hadapan.

5.2.2. Saran Kepada Para Pendakwah

Berdasarkan hasil kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa para pendakwah yang terlibat aktif dalam aktiviti ekonomi, belum menguasai secara lebih mendalam tentang bidang-bidang ekonomi. Oleh itu, maka pengkaji menyarankan agar para pendakwah dapat menguasai pengetahuan ekonomi yang lebih luas, baik dengan cara mengikuti kursus, seminar, maupun dengan cara mendalami pengetahuan ekonomi yang sedia ada. Dengan semakin bertambahnya pengetahuan, terutama yang terkait dengan dunia bisnes, maka usaha yang dijalankan pun akan lebih berkembang.

Hasil kajian mendapati bahawa para pendakwah belum mempunyai pengalaman yang mencukupi dalam mengembangkan perniagaan mereka. Oleh itu dicadangkan agar pendakwah lebih banyak belajar dalam memajukan perniagaan mereka, sama ada belajar dari pengalaman pengusaha-pengusaha yang sudah berjaya mahupun belajar dengan lebih menekuni usaha-usaha yang mereka jalankan.

Hasil kajian juga mendapati bahawa perniagaan yang dijalankan oleh para pendakwah sangat kekurangan sumber modal. Oleh itu pengakaji mencadangkan agar pendakwah mencari sumber-sumber modal yang lain. Pendakwah juga perlu mengajukan permohonan kepada pihak kerajaan untuk mendapatkan sumber modal, sama ada dalam bentuk pinjaman atau sumbangan dari kerajaan sendiri.

Hasil kajian ini juga mendapati bahawa para pendakwah sangat lemah dalam memanfaatkan kemajuan teknologi masa kini, padahal kemanjuran teknologi dapat memberi kemudahan terutama dalam memasarkan produk yang dihasilkan. Oleh itu, dicadangkan agar para pendakwah meningkatkan penggunaan IT (*Information Technology*) seperti media massa dan media elektronik lain seperti telivisyen, akhbar, majalah, internet dan seumpamanya yang selari dengan perkembangan sains dan teknologi moden. Kehadiran teknologi ini perlu dimanfaatkan sepenuhnya agar mampu bersaing pada taraf antarabangsa.

5.2.3. Saran Kepada Pemerintah

Hasil kajian mendapati bahawa pihak pemerintah kurang mengambil berat kepada pendakwah-pendakwah yang terlibat dalam aktiviti ekonomi. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar pemerintah kota Medan dapat memberi perhatian kepada pengusaha-pengusaha kecil khususnya para pendakwah yang terlibat dalam aktiviti ekonomi. Ini kerana peranan mereka dalam membantu pertumbuhan dan perkembangan ekonomi di kota Medan dilihat cukup penting, dengan demikian peranan mereka tidak boleh diperkecilkan oleh pemerintah.

Hasil kajian juga mendapati bahawa pemerintah belum dapat memberi bantuan berupa modal kepada para pendakwah dalam menjalankan perniagaan mereka. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar pemerintah kota Medan dapat memberi bantuan modal, baik berupa pinjaman mahupun sumbangan. Dengan adanya bantuan modal tersebut, maka bisnes yang dijalankan oleh pendakwah dapat dikembangkan dengan lebih baik.

Pemerintah juga perlu melakukan kerjasama dan sokongan dalam memajukan aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh pendakwah, sama ada dari segi permodalan, keamanan ataupun pelbagai kemudahan. Dengan adanya sokongan dan kerjasama ini, akan dapat memperlancar aktiviti ekonomi pendakwah, yang pada akhirnya dapat mendorong percepatan pembangunan ekonomi. Ini kerana usaha-usaha yang mereka jalankan merupakan usaha yang bergerak dalam sektor ekonomi mikro, dan sektor ekonomi mikro ini merupakan penyumbang terbesar dalam pembangunan ekonomi.

Demikian beberapa saranan yang dapat pengkaji kemukakan dalam membantu proses pembangunan ekonomi masyarakat Medan menerusi peranan yang dimainkan oleh para pendakwah. Mudah-mudahan saranan ini dapat memberi manfaat dan menambahbaikan dalam memajukan lagi pembangunan ekonomi di Indonesia khasnya di Medan. Ini kerana tantangan ekonomi kedepan akan lebih mencabar, oleh itu umat Islam perlu bersiap menghadapi semua cabaran tersebut. Umat Islam perlu melakukan pemberian ke arah sistem ekonomi, sosial dan akhlak. Perlu juga usaha-usaha untuk menyedarkan masyarakat tentang kelebihan sistem ekonomi Islam, sehingga pembangunan ekonomi dalam Islam dapat terwujud dengan baik.

Dalam erti kata yang ringkas dan padat, penyelesaian kepada semua masalah ini adalah dengan berpandukan ajaran Islam yang lengkap dan menerima secara menyeluruh dalam segenap aspek kehidupan. Umat Islam perlu komited dengan ajaran Islam, sehingga kecemerlangan bangsa dan negara akan menjadi kenyataan. Dan Allah telah menjanjikan semua ini di dalam firmanNya :

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَأَنَّقُوا لَفَتَحَنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَتٍ مِّنَ السَّمَاءِ

وَالْأَرْضِ وَلِكِنْ كَذَّبُوا فَأَخْدَذْنَاهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٢٦﴾

Maksudnya :

Dan jika sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertakwa, nescaya Kami turunkan keberkatan kepada mereka dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat Kami), sebab itu Kami seksa mereka disebabkan usaha mereka itu.

(Surah Al-A'raf : 96)

Wallahu a'lam bissawab

BIBLIOGRAFI

Al-Quran Al-Karim

- A. Qodry Azizy (2004), *Membangun Fondasi Ekonomi Umat*. Yogyakarta: Penerbit Dana Bakti Yasa.
- Ab. Aziz Mohd. Zin (1997), *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Aziz Yusof *et.al.* (2008), *Pengurusan Perniagaan Islam: Konsep, Isu dan Pelaksanaan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abd. Al-Rahman Zaki Ibrahim (1998), *Petunjuk Amalan Ekonomi Islam*. (Terj.) Mujaini Bin Tarimin, Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdurrahman Al-Baghdadi' (t.t), *Menghayati Dakwah Rasulullah di Era Globalisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Serambi Timur Sdn Bhd.
- Abdurrahman Isa As-Salim (2001), *Manajemen Rasulullah* (Dalam Berdakwah). Jakarta: Penerbit Pustaka Azzam.
- Abdul Mannan (1997), *Teori Dan Praktek Ekonomi Islam*. Yogyakarta: Penerbit PT. Dana Bhakti Yasa.
- Abdullah Nasih 'Ulwan (1998), *Akhlaq Para Pendakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Pustaka Fajar.
- Abdullah Muhammad Zin (1998), *Prinsip dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Halim Bin Hj. Mat Diah (1998), *Suatu Contoh Tentang Metodologi*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Fakulti Usuluddin Universiti Malaya.
- Abu Al-A'la Al-Maududi (1982), *Petunjuk Juru Dakwah*. (Terj.) H.M. Asywaidie Syukur, Singapura: Penerbit Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Abulhassan Muhammad Sadeq (2003), *Pembangunan Ekonomi Dalam Islam*. (Terj.) Rohani Sulaiman, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Adiwarman Azhar Karim (2001), *Sejarah Pemikiran Ekonomi Islam*. Jakarta: International Institute of Islamic Thought.
- Adnan Alias Mohamed Dahlan Ibrahim (2002), *Keusahawanan Islam*. Selangor: Penerbit Prentice Hall.

- Afzal-Ur-Rahman (1994), *Doktrin Ekonomi Islam*. Jil. I, (Terj.) Mustafa Kasim, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ajid Thohir (2004), *Perkembangan Peradapan di Kawasan Dunia Islam*. Jakarta: Penerbit PT. RajaGrafindo Persada, Cet. I.
- Ahmad Mahdzan Ayob (1989), *Perancangan Dan Penilaian Projek Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mushthafa Al-Maraghi (1989), *Tafsir Al-Maraghi* 22. (Terj.) K. Anshori Umar Sitanggal), Semarang: Penerbit Toha Putra.
- Ahmad Mahmud Abu Zaid (t.t), *Pendakwah Masa Kini Sikap dan Pendekatan*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia.
- Ahmad Shukri Mohd. Naim *et.al.* (2003), *Konsep, Teori, Dimensi dan Isu Pembangunan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Amir Hussin Baharuddin (1984), *Siri Kumpulan Esei Ekonomi Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ali Abdul Halim Mahmud (1995), *Dakwah Fardiyah: Metode Membentuk Pribadi Muslim*. Jakarta: Penerbit Gema Insani Press.
- Ali Munawar (1990), *Intisari Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Menara.
- Ambar Tadang (1981), *Ekonomi Pembangunan: Problema Dasar dan Teori Pembangunan*. Surabaya: Penerbit PT. Bina Ilmu.
- Amin Ahsan Ishlahi (1986), *Metode Dakwah Menuju Jalan Allah*. (Terj.) Mudzakir As, *et.al.* Singapura: Pustaka Nasional Pte.Ltd.
- Asep Saeful Muhtadi *et.al.* (2003), *Metode Penelitian Dakwah*. Bandung: Penerbit Pustaka Setia.
- Asyraf Hj. Ab. Rahman *et.al.* (2008), *Islam dan Ekonomi*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Ataul Hug Pramanik (1998), *Pembangunan dan Pengagihan Dalam Islam*. (Terj.) Amar Said, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Auni Bin Haji Abdullah (2001), Islam dan Perdagangan Dalam Sejarah Alam Melayu. Kuala Lumpur: Darulfikir Sdn.Bhd.
- Bachrawi Sanusi (2004), Pengantar Ekonomi Pembangunan. Jakarta: Penerbit Rineka Cipta.
- Che Yusof dan Che Mamat (1997), *Dinamika Dakwah Dalam Masyarakat*. Bangi: Penerbit Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepemimpinan, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dawan Rahardjo (1993), *Intelektual Intelegensi dan Perilaku Politik*. Bandung: Penerbit Mizan.

Didin Hafidhuddin (2003), *Islam Aplikatif*. Jakarta: Penerbit Gema Insani.

El-Bahri El-Khuly (1984), *Panduan Para Pendakwah*. (Terj.) Ismail Bin Mohd Hassan, Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.

Endang Saifuddin Anshari (1976), *Pokok Pikiran Tentang Islam*. Jakarta: Penerbit Usaha Enterprise.

Farid Ma'ruf Nor (1981), *Dinamika dan Akhlak Da'wah*. Surabaya: Penerbit PT. Bina Ilmu.

Fariza Md. Sham (2006), *Peranan Dakwah Dalam Pembangunan Modal insan*. Dalam Pembangunan Modal Insan Peringkat Kebangsaan 2006, Kuala Lumpur: Penerbit Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Ghazali Darusalam (1996), *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Publications and Distributors Sdn.Bhd.

Haji Johari Haji Alias (1990), *Mencari Kesempurnaan Hidup*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.

_____ (2001), *Membina Semangat Positif*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hailani Muji Tahir (1982), *Baitulmal; Institusi Kewangan Negara Islam dan Asas Belanjawan Negara*. Kajang: Penerbit Al-Rahmaniah.

_____ (2007), *Institusi Baitulmal Dalam pembangunan Negara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hamka (1982), *Prinsip dan Kebijaksanaan Dakwah Islam*, Jakarta, Penerbit Umminda.

_____ (t.t), *Tafsir al-Azhar*, Singapura, Penerbit Pustaka Nasional Pte Ltd.

Hamzah Yakub (1992), *Publisistik Islam Tehnik Dakwah dan Leadership*. Bandung: Penerbit CV. Diponegoro.

Haron Din (2007), *Islam: Agama Bisnes & pengurusan*. Kuala Lumpur: Penerbit PTS Millennia Sdn. Bhd.

H.S.M. Nasaruddin Latif (t.t), *Teori dan Praktik Dakwah Islamiyah*. Jakarta: penerbit Firma "Dara".

Husein Umar (2005), *Metode Penelitian Untuk Skripsi dan Tesis Bisnis*. Jakarta: Penerbit PT. RajaGrafindo Persada.

Ibrahim Booklaky (1985), “Sistem Ekonomi dan Keuangan Kota Dalam Islam” Dalam Amrullah Achmad *et.al.* (Ed.) *Islamisasi Ekonomi: Suatu Sketsa Evaluasi dan Prospek Gerakan Perekonomian Islam*. Yogyakarta: Penerbit PLP2M.

Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam pengajian Islam*. Selangor: Penerbit Kamil dan Shakir Sdn Bhd, hal. 74

Imam Al-Ghazali, (1998), *Mecapai kebahagian Hidup; Dengan Taqwa*, Selangor, Penerbit Klang Book Centre.

Imam Bernadib (1982), *Erti dan Metodologi Sejarah Penyelidikan*. Yogyakarta: Penerbit Fakulti Ilmu Pendidikan.

Imam Habib Abdullah Haddad (2000), *Dakwah Yang Sempurna Peringatan Yang Utama*. (Terj.) Syed Ahmad Semait, Singapura: Pustaka Nasional Pte.Ltd.

Irawan *et.al.* (1981), *Ekonomi Pembangunan*. Yogyakarta: Penerbit Fakultas Ekonomi Universitas Gajah Madha.

Jaafar Saleh (2001), *Ekonomi dan Perniagaan Secara Islami*. Kuala Lumpur: Penerbit Al-Hidayah Publishers.

Jomo K.S. *et.al.* (1986), *Teori Pembangunan Ekonomi: Satu Ulasan Kritis Terhadap Pendekatan Yang Sedia Ada*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia.

_____. (2004), *Teori Pembangunan Ekonomi*. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.

K. Cole *et.al.* (2001), *Aliran Pemikiran Ekonomi: Kenapa Ahli Ekonomi Tidak Sependapat?*. (Terj.) Jomo K.S et.al., Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khairul ‘Azmi *et.al.* (2001), Konsep Pembangunan Dalam perspektif Islam: Perspektif Malaysia. Johor Bahru: Penerbit Penerangan dan Penyelidikan Kerajaan Negeri Johor.

Khurshid Ahmad (1991), *Pembangunan Ekonomi Dalam Rangka Kerja Islam*. Dalam Kurshid Ahmad *et.al* (eds). Kajian dalam Ekonomi Islam, Kuala Lumpur: Penerbit Dewan bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Koentjaraningrat (1977), *Metode Penyelidikan Masyarakat*. Jakarta: Penerbit PT. Gramedia.

Lim Meng seng (1979), *Pembangunan Ekonomi Dalam Pembangunan dan Masalah Ekonomi; Kumpulan Rencana Pilihan Dewan Masyarakat 1962-1972*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.

M. Arifin (1993), *Psikologi Dakwah*. Jakarta: Penerbit Bumi Aksara.

M. Umer Chapra (2000), *Sistem Moneter Islam*. (Terj.) Ikhwan Abidin B., Jakarta: Gema Insani Press Bekerjasama Dengan Tazkia Cendekia.

_____ (2000), *Islam dan Pembangunan Ekonomi*. (Terj.) Ikhwan Abidin Basri, Jakarta: Penerbit Gema Insani Press.

_____ (2000), *Islam dan Cabaran Ekonomi*. (Terj.) Syed Putra Syed Hamid, Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Amin Abdul Rahim (2001), *Panduan Pendakwah Secara Praktikal*. Kuala Lumpur: Penerbit Darul Fikir Sdn.Bhd.

Mohd Ali Hashimi (1987), *Keperibadian Muslim*. (Terj.) Taher Daeng Mengati, Cet. Ketiga, Kuala Lumpur: Penerbit Pantai Salam.

Mohd. Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Noor Idris (1986), *Adakah Berdakwah Perlukan Tauliah*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Ikhman

Mohd Radhi Ibrahim *et.al.* (2003), *Intelektualisme & Da'wah Masa Kini*. Kuala Lumpur: Fakulti Kepemimpinan dan Pengurusan Kolej Universiti Islam Malaysia.

Mohd. Rumaizuddin Ghazali (2003), *Panduan Berdakwah Kontemporari*. Pahang: Penerbit PTS Publications & distributors Sdn.Bhd.

Mohd. Yusoff (1995), *Bimbingan Akhlak Mulia Yang Murni dan Terpuji Untuk Setiap Muslim*. Kuala Lumpur: Penerbit Jasmin Enterprise.

Mohd. Zaki Zakaria (1997), Mikroekonomi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohammad Ariff (1990), “Pembangunan Ekonomi Mengikut Perspektif Islam”. Dalam *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*. (Ed.) Muhammad Syukri Salleh, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Mohammad Natsir (2000), *Fiqhud Da'wah*. Jakarta: Penerbit Media Da'wah.

Morohaini Yusof, (2001), “Pengutipan dan Pengumpulan Data Perlakuan dan Proses Menulis Karangan Dalam Bilik Darjah”. Dalam *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan*. (Ed.) Morohani, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Muhammad Al-Ghazali (1980), *Pekerti Muslim*. (Terj.) Ismail B. Mohd. Hassan, Siri 2, Kuala Lumpur: Penerbit Yayasan Islam Trengganu.

_____ (1994), *Peribadi Muslim*. (Terj.) Osman Bin Haji Khalid, Kuala Lumpur: Penerbit Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

Muhammad Amin Suma (2008), *Menggali Akar Mengurai Serat Ekonomi dan Keuangan Islam*. Jakarta: Penerbit Kholam Publishing.

Muhammad Najetullah Siddiqi (1989), *Pemikiran Ekonomi Islam: Suatu Tinjauan Penulisan Semasa*. (Terj.) Mohd Amin Bin Abdullah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.

_____ (1991), “Pemikiran Ekonomi Islam: Tinjauan Tentang Kesusasteraan Sezaman. Dalam Khurshid Ahmad (Ed.) *Kajian Dalam Ekonomi Islam*. (Terj.) Sibily Bin Maros. et.al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.

Muhammad Syukri Salleh (1987), *Pembangunan Berteraskan Islam*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Muhammad Uzair Al Aziz (1995), *Islam Penyubur Jiwa dan Pendidik Akhlak Manusia*. Kuala Lumpur: Penerbit Era Ilmu Sdn.Bhd.

Muhammad Yusuf Khalid et.al. (2002), *Isu Dakwah dan Kemanusiaan Dalam Era Globalisasi*. Kuala Lumpur: Fakulti Dakwah & Pengurusan Islam Kolej Universiti Islam Malaysia.

Muhammad Zakariyya Al-Kandahlawi (1994), *Kelebihan Perniagaan dan Pencarian Nafkah Dalam Islam: Jawaban Terhadap Masalah Mu'amalah Harian Anda*. Kuala Lumpur: Penerbit Darul Nu'man, Cet. I.

Musthafa Ar-Rafi'i (2002), *Potret Juru Dakwah*. (Terj.) Nabhani Idris, Jakarta: Penerbit Pustaka Al-kautsar.

Mustafa Haji Daud (1994), *Perniagaan Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.

Mustaffa Kamil Ayub (1994), *Menangani Cabaran: Membina Kecemerlangan Tamadun Ummah*. Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn Bhd.

Mustafa Masyhur (2004), *Jalan Da'wah Antara Keaslian dan Penyelewengan*. (Terj.) Mohd. Yusof Ismail, Cet. Keempat, Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Pustaka Fajar.

Mustapha Hj. N. Hasan *et.al.* (1999), *Globalisasi Peranan Ekonomi Dan kewangan Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Nasaruddin Latif (t.t), *Teori dan Praktik Dakwah Islamiyah*. Jakarta: Penerbit Firma "Dara".

Nik Musthapa Bin Nik Hassan (2001), "Agenda Membangun Ekonomi Umat Islam", Dalam *Konsep Pembangunan Ummah Dalam Islam: Perspektif Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Penerangan dan Penyelidikan Kerajaan Negeri Johor.

(2006), *Pembangunan Ekonomi Seimbang & Komprehensif*. Putra Jaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri.

Nor Aini Haji Idris *et.al.* (2004), *Teori Pertumbuhan dan Pembangunan Ekonomi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nor Raudah Hj. Siren *et.al.* (2006), *Dakwah Islam Semasa Konsep dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Quraish Shihab (1995), *Membumikan Al-Quran*. Bandung: Penerbit Mizan.

Radiyah Abdul Kader (2001), *Ekonomi Islam*. Kuala Lumpur: Univision Press Sdn Bhd.

Rahimah Abdul Aziz (2001), *Pengantar Sosiologi Pembangunan*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.

Richard T. Gill (1983), *Ekonomi Pembangunan Dulu dan Sekarang*. (Terj.) Prijono Tjiptoherijanto, Jakarta: Ghalia Indonesia.

Robert E. Baldwin (1983), *Pembangunan dan Pertumbuhan Ekonomi*. (Terj.) Amir Hussin Baharuddin, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia,

Sadono Sukirno (1985), *Ekonomi Pembangunan; Proses, Masalah dan Dasar Kebijakan*. Jakarta: Penerbit Lembaga Penerbit Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia Dan Bima Grafika.

Said Bin Ali Al-Qahthani (1994), *Da'wah Islam Da'wah Bijak*. (Terj.) Masykur Hakim, Jakarta: Penerbit Gema Insani Press.

Sarimah Hanim Aman Shah (2005), *Prinsip Ekonomi*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.

Sayid Sabiq (1981), *Unsur-Unsur Dinamika Dalam Islam*. (Terj.) Haryono S. Yusuf, Jakarta: Penerbit PT. Intermasa.

Sidek Mohd Noah (2002), *Reka Bentuk: Falsafah, Teori dan Praktis*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.

Sobri Salamon (1989), *Ekonomi Islam: Pengenalan Sistem dan Kemungkinan*. Petaling Jaya: Penerbit Al-Rahimah.

Syamsul Hadi (2004), *Strategi Pembangunan Indonesia Pasca IMF*. Jakarta: Penerbit Granit.

Syauqi Ahamad Dunya (1994), *Sistem Ekonomi Islam Sebuah Akternatif*. Jakarta: Penerbit Fikahati Aneska.

Syed Othman Al-Habshi (1989), *Islam, Ekonomi dan Pengurusan*. Shah Alam: Penerbit HIZBI.

_____(1992), *Islam dan Pembangunan Ekonomi di Malaysia; Satu Perubahan Paradigma, Dalam Kongres Menjelang Abad 21; Islam dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Penerbit Jabatan Percetakan Negara.

Surtahman Kastin Hasan (2005), *Ekonomi Islam Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.

Suvit Maesince (2001), *Pemasaran Keunggulan Bangsa*. Jakarta: Penerbit Prehallindo.

Taqyuddin An-Nabhani (1999), *Membangun Sistem Ekonomi Alternatif Perspektif Islam*. Surabaya: Penerbit Risalah Gusti.

Thomas W. Arnold (1977), *Sejarah Da'wah Islam*. (Terj.) Nawawi Rambe, Jakarta: Penerbit Fa. Widjaya.

Universiti Malaya (2006), *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Waheeduddin Khan (1982), *Islam Menjawab Tantangan Zaman*. (Terj.) A. Rofii, Surabaya: Penerbit PT. Bina Ilmu.

W. Arthur Lewis (1982), *Teori Pertumbuhan Ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia.

Wan Hashim Wan Teh (1984), *Petani dan Persoalan Agraria*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.

Wan Hussein Azmi (1988), *Panduan Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yusuf Al Qarađawi (1998), *Peranan Nilai dan Akhlak Dalam Ekonomi Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam.

Zainal Abidin Safarwan (1995), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Percetakan Kum Sdn.Bhd.

Zairon Hj Othman (1996), *Ekonomi Malaysia*. Shah Alam: Penerbit Institut Teknologi MARA.

Rujukan Kertas Kerja dan Jurnal

Joni Tamkin Bin Borhan (2008), “Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam”, Dalam *Jurnal Usuluddin*, Bil. 27 Edisi Januari-Juni 2008.

Syed Othman Al-Habshi (1992), “Ekonomi dan Pembangunan Masyarakat Dalam Islam.” Dalam *Risalah*. Mei 1992.

Wan Yahya Wan Ahmad (1998), “Al-Quran dan Ilmu” Dalam *Al-Manar*. Bil. 3, Edisi Julai-Disember 1998, Kuala Lumpur: Penerbit Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia.

Zulkifli Hj. Yusoff (2004), “Pembangunan Ummah Dari Perspektif Al-Quran” Dalam *Jurnal Al-Bayan*. Bil. 2, Mei 2004, Kuala Lumpur: Penerbit Jabatan Al-Quran & Al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Rujukan Tesis dan latihan Ilmiah

Dewi Hartini (2007), *Peranan Bank Pengkreditan Rakyat Syariah (BPRS) Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam di Sumatera Utara, Indonesia*. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Heri Sunandar (2006), *Sistem Perbankan Syariah dan Perannya Dalam Peningkatan Ekonomi Ummah: Kajian Kes Perbankan Syariah di Provinsi Riau, Indonesia*. Tesis Doktor Falsafah Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Nora Yusna Binti Mohammad Yusop (2004), *Pembangunan Sosioekonomi Menurut Perspektif Ekonomi Islam: Kajian Terhadap Peranan Teras Dara Konsortium*

Sdn.Bhd Dalam Pembiayaan Perumahan di Wilayah Pahang Tenggara.
Desertasi Sarjana Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti
Malaya, Kuala Lumpur.

Norein Binti Mohd Shukor (2000), *Peranan Pendakwah: Suatu Analisis Terhadap Ayat 45-46 Surat Al Ahzab*. Latihan Ilmiah Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Sofyan (2004), *Peranan Perbankan Islam Dalam Pembangunan Sosio-Ekonomi Daerah di Nanggroe Aceh Darussalam*. Desertasi Sarjana Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Zubir Efendi (2005), *Pembangunan Ekonomi Masyarakat Desa Menurut Perspektif Islam: Kajian Terhadap Program Pemerintahan Daerah Kabupaten Siak, Provinsi Riau, Indonesia*. Desertasi Sarjana pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Rujukan Majalah

Majalah Milenia Muslim Edisi Disember 2005

Rujukan Temu Bual

Temu Bual Dengan Ustaz Fahmi Ahmad Pada 18 May 2009 Pukul 10.30 Am di Pejabat Beliau di Komplek Perumahan Industri Kecil Menteng Medan.

Temu Bual Dengan Ustaz Sutrisno Hady Pada 20 May 2009 Pukul 10 Am di Pejabat Beliau di Jalan Kenanga Raya Tanjung Sari Medan Selayang.

Temu Bual Dengan Ustaz Marie Muhammad Pada 22 May 2009 Pukul 09.30 Am di Rumah Beliau di Komplek Perumahan *Islamic Centre* Medan.

Temu Bual Dengan Ustaz Ali Nafiah Saragih Pada 26 May 2009 Pukul 11.00 Am di Pejabat Beliau di Komplek Perumahan Menteng Indah Medan.

Temu Bual Dengan Ustaz Mohd. Ridwan Hamid Pada 29 May 2009 Pukul 15.30 Pm di Rumah Beliau di Jalan Sukarela Bandar Setia Pasar XII Dusun II Medan.

Temu Bual Dengan Ustaz Irwansyah Pada 01 Jun 2009 Pukul 11.30 Am di Pejabat Beliau di Jalan Al Falah Raya Medan

Temu Bual Dengan Ustaz Badruzzaman Pada 02 Jun 2009 Pukul 11.00 Am di Rumah Beliau di Komplek Pesantren Ar-Raudhatul Hasanah Medan.

Temu Bual Dengan Ustaz Ammar Lingga Pada 04 Jun 2009 Pukul 13.30 Pm di Rumah Beliau di Jalan Pinang II Perumahan Simalingkar Medan.

Temu Bual Dengan Ustaz Junaidi Pada 08 Jun 2009 Pukul 11.45 Am di Pejabat Beliau di Jalan Bilal Ujung Medan.

Temu Bual Dengan Ustaz Dermawan Pada 10 Jun 2009 Pukul 10.15 Am di Pejabat Beliau di Jalan Setia Budi Tanjung Sari Medan.

Temu Bual Dengan Ustaz Edi Sutrisno Pada 12 Jun 2009 Pukul 10.00 Am di Pejabat Beliau di Jalan Pelita Medan.

Temu Bual Dengan Ustazah Nurasiah Djamil Pada 16 Jun 2009 Pukul 11.00 Am di Pejabat Beliau di Jalan Persamaan Simpang Limun Medan.

Temu Bual Dengan Ustaz Bustami Manurung Pada 18 Jun 2009 Pukul 15.30 Pm di Pejabat Beliau di Jalan Marelan Raya Medan.

Temu Bual dengan ustaz Aminuddin Yahya Pada 22 Jun 2009 Pukul 11.30 Am di Pejabat Beliau di Jalan Bromo Medan.

Temu Bual Dengan Ustaz Jumanah Nasution Pada 23 Jun 2009 Pukul 10.30 Am di Rumah Beliau di Jalan Pelita VI Medan.

Rujukan Laman Web

Abdul Ghani Samsudin (2005), Artikel Yang Dimuat di Laman Web.
<http://www.iacenter.org/> 5 Julay 2003.

Agustianto (2008), Ekonomi Syariah dan Revitalisasi Enterpenership Umat Islam.
Artikel Yang Dimuat di <http://www.scribd.com>.

<http://www.pempropsu.go.id>

<http://www.pemkomedan.go.id>

<http://www.poloniaairport.co.>

http://id.wikipedia.org/wiki/Bandar_Udara_Internasional_Polonia

Rujukan Arsip Kota Medan

Badan Pusat Statistik Kota Medan Tahun 2007

Buku Kota Medan Pintu Gerbang (Bappeda), Tahun 2007

Buku Medan Selayang Pandang Tahun 2007

Kementerian Dalam Negeri Republik Indonesia (1999), *Undang-Undang Otonomi Daerah 1999: Undang-Undang Nomor 22 Tahun 1999 Tentang Pemerintahan Daerah, Undang-Undang Nomor 25 Tahun 1999 Tentang Perimbangan Keuangan Antara Pemerintah Pusat dan Daerah, Undang-Undang Nomor 28 Tahun 1999 Tentang Penyelenggaraan Negara Yang Bersih dan Bebas Dari Korupsi, Kolusi dan Nepotisme*. Jakarta: Restu Agung.

Medan Dalam Angka Tahun 2007

Rencana Pembangunan Jangka Menengah (RJPM) Tahun 2006-2010 Pemko Medan.

Tim Ekonomi Moneter Kota Medan Tahun 2007